

**KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTAPUSAKAADAT  
TIGA LUHAHTANAH SEKUDUNG SIULAK  
DITINJAU DARI PERSPEKTIF  
HUKUM ISLAM**

**SIAR MAN MUHAMMAD IDIN**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2009**

**KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA ADAT  
TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK  
DITINJAU DARI PERSPEKTIF  
HUKUM ISLAM**

**SIARMAN MUHAMMAD IDIN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH  
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2009**

## ABSTRACT

The title is “*Method of distributing customary inheritance in Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak,*” and viewed from the Islamic Law perspective. This research aims to analyses method of distributing customary inheritance of Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak district Kabupaten Kerinci. It tries to highlight issues related to customary inheritance, its history and background, its processes, and its kinds. The issues studied in perspective of Islamic Law. The collection of data involves library and field researches. The field research is conducted by interviewing respondents and observation. The analysis of data is conducted by qualitative and comparative methods. The results of this study show that the distribution of customary inheritance practised by Muslim society of customary Law province of Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Kabupaten Kerinci, involves superstitions (khurafat) practices as well as contradicts with Islamic Law. Therefore, that is urgent need to be taken in order to the correction.

## ABSTRAK

Disertasi ini bertajuk: "Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Adat Daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak Ditinjau Dari Perspektif Hukum Islam." Kajian ini adalah mengenai kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat Islam di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Kabupaten Kerinci, Propinsi Jambi di Indonesia. Ia menyentuh masalah yang berkaitan dengan harta pusaka adat, asal usul harta pusaka, proses pembahagian harta pusaka, halangan-halangan untuk mendapat harta pusaka, para ahli waris dan jenis-jenis harta pusaka. Persoalan tersebut dikaji untuk dibuat perbandingan dengan peruntukan hukum Syarak. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan menerusi kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan dilakukan dengan cara temubual dan pemerhatian, untuk mendapatkan maklumat tentang kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Manakala analisis data dibuat menerusi kaedah kualitatif dan kaedah perbandingan dengan berpandukan kepada landasan teori dan objektif kajian yang ada. Hasil daripada kajian ini penulis dapati bahawa kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak Kabupaten Kerinci mengandungi unsur khurafat di samping bercanggah dengan hukum Syarak dan perlu segera diperbetulkan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan kehadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah melimpahkan rahmat -Nya kepada seluruh makhluk di alam ini. Selawat dan salam dipersembahkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.a.w, kaum keluarga, para sahabat dan para pengikut mereka yang meneruskan perjuangan menegakkan kalimah Allaah sehingga hari kiamat. Dengan penuh takzim dan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah S.w.t di atas keizinan dan hidayah-Nya telah memungkinkan penulis mampu menyempurnakan penulisan ini hingga selesai untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Syariah Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penulis mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Idris Awang dan Prof Madya Datin Dr. Noor Naemah binti Abdul Rahman, sebagai penyelia yang banyak memberikan bimbingan, nasihat, semangat, perhatian dan sebagainya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Segala-galanya amat bermakna bagi penulis untuk menyelesaikan penulisan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Parapegawai Perpustakaan UM, Perpustakaan Negara, Perpustakaan UKM, Perpustakaan UIAM Gombak, Perpustakaan Daerah Kerinci,

Perpustakaan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Sungai Penuh Kerinci dalam usaha membantu penulis mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan.

Terima kasih juga dihulurkan kepada para pegawai Pemda Kerinci dan Camat Gunung Kerinci yang telah memberikan keizinan untuk mendapatkan data-data di lokasi penyelidikan.

Tidak ketinggalan, penghargaan ini ditujukan kepada sesepuh Adat Tigo Luhah Tanah Sekudung Siulak dan semua responden yang tidak disebutkan nama dan yang besar tidak disebutkan gelarnya diatas kerjasama yang amat memuaskan kepada penulis bagi mendapatkan data-data serta fakta-fakta untuk melengkapkan penyelidikan ini.

Penghargaan teristimewa penulis berikan kepada ayah dan bonda tercinta, Nurjanah binti Capek dan Muhammad Idin, Ibu mertua Hj. Rukiyah binti Ishak dan putri tersayang Lutiya Yunara binti Siarman. Tidak ketinggalan kepada seluruh ahli keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan dorongan dan perangsang yang telah menjadi sesuatu kekuatan dalam diri penulis untuk menyelesaikan disertasi ini.

Penghargaan khusus penulis persembahkan buat isteri tercinta, Maryanis. S.Ag binti Lusin yang banyak mengorbankan masa, tenaga dan perasaan dalam usaha mencapai tujuan ini. Di atas kefahaman, kerjasama bantuan dan berkat doa

dengan ketulusan telah meningkatkan semangat penulis serta menjadi pemungkin kepada kejayaan penulis menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada sdr. Nazirwan.S.Ag bin Harun yang telah memberikan informasi dan kerjasama kepada penulis untuk membuat kajian ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini.

### **SIAR MAN MOHAMMAD IDIN.**

Jabatan Fiqh Usul,  
Fakulti Syariah,  
Akademi Pengajian Islam,  
University Malaya,  
Kuala Lumpur

No. 6H. Tkt. 8 Flat 17 TKT  
Kampung Kerinci,  
59200.  
Wilayah Persekutuan,  
Kuala Lumpur

## KANDUNGAN

## HALAMAN

HALAMAN JUDUL	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI KEPENDEKAN	vi
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
BAB PERTAMA	
PENDAHULUAN	
1. 1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Masalah Kajian	4
1. 3. Pengertian Tajuk	5 1.
4. Kepentingan Kajian	10
1. 5. Objektif Kajian	10
1. 6. Kajian Lepas	11
1. 7. Metodologi Penyelidikan	13
1.7. 1 Kaedah Pengumpulan Data	14
1.7.1.1 Kaedah Dokumentasi	14
1.7.1.2 Kaedah Temubual	15
1.7.1.3 Kaedah Pemerhatian	16

## BAB KEDUA

### PENGERTIAN ADAT DAN ‘URF SERTA PERMASALAHANNYA

2. 1. Pengertian ‘Urf	21
2. 1. 1 Pengertian ‘Urf Menurut Bahasa	22
2 . 1. 2 Pengertian ‘Urf Menurut Istilah	24
2. 2 Pengertian Adat	25
2 . 2. 1. Pengertian Adat Menurut Bahasa	25
2 . 2. 2. Pengertian Adat Menurut Istilah	26
2. 3. Perbezaan Antara ‘Urf dan Adat Menurut Hukum Islam	27
2. 4. Pembahagian ‘Urf	29
2 . 4 . 1 ‘Urf Perkataan dan Perbuatan	30
2. 4. 2. ‘Urf Am dan Khas	33
2. 4. 3. ‘Urf Sahih dan ‘Urf Fasid	35
2. 5. Kehujjahan ‘Urf dan Adat	38
2. 5. 1. Dalil al-Quran	39
2. 5. 2. Dalil al-Sunnah	43
2. 5. 3. Pendapat Sahabat	52
2. 5. 4. Pendapat Ulama Mazhab	55
2. 6. Syarat Penerimaan ‘Urf dan Adat	60
2.7. Kaedah Fiqh yang Utama Tentang ‘Urf	62

**BAB KETIGA**  
**SEJARAH PERKEMBANGAN DAN FALSAFAH HUKUM**  
**ADAT TIGO LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK**

3. 1. Pendahuluan	66
3. 2. Sejarah Tertubuhnya Tigo Luhah Tanah Sekudung Siulak	68
3. 3. Perpisahan Anatara Siulak Dengan Semurup	73
3. 4. Sistem Pemerintahan Adat Tigo Luhah Siulak	74
3. 4. 1. Depati Intan	75
3. 4. 2. Depati Mangku Bumi Kulit Putih	78
3. 4. 3. Rajo Simpan Bumi	79
3. 4. 4. Depati Sengado	82
3. 4. 5. Depati Panduko Rajo	83
3. 4. 6. Tigo Luhah Pemangku Yang Enam	83
3. 4. 7. Tigo Luhah Permati Yang Lapan ( 8 )	84
3. 5. Sumber Hukum Adat Tigo Luhah Tanah Sekudung Siulak	86
3. 6. Falsafah Adat Tigo Luhah Tanah Sekudung Siulak	90
3. 6. 1. Alam Terkembang Jadi Guru	92
3. 6.1. 1. Alam Teratur Dan Harmoni Adanya	94
3. 6.1. 2. Alam Itu Nyata dan Realiti	97
3. 6. 1. 3. Alam Ini Adanya Suatu Hubungan	
Sebab Akibat ( kausaliti )	99

3. 6. 1. 4. Alam itu Kekal dalam suatu Perubahan	100
3. 6. 2. Hidup Berkelompok dan Berkumpul	102
3. 6. 3. Hidup Berbudi	104
3. 6. 4. Tunduk dan Patuh Pada Peraturan Yang Ada	106

## BAB KEEMPAT

### HARTA PUSAKA DAN KAEADAH PEMBAHAGIANNYA

#### DI TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK

4. 1 Pendahuluan	109
.4. 2 Macam Harta Pusaka	110
4. 3 Sistem pembahagian Harta Pusaka Adat	118
4. 3. 1 Pembahagian Berdasarkan Jenis Harta	118
4. 3. 2 Pembahagian Sama Rata	120
4. 4 Prosedur Pembahagian Harta Warisan	120
4. 5 Penghalang Pewarisan	124
4. 5. 1 Kerana Terdinding	124
4. 5. 2 Kerana Pembunuhan	125
4. 6 Ahli Waris	126
4. 7. Perlaksanaan Pembahagian Harta Pusaka	134
4. 7. 1 Pembahagian Harta Pusaka	134
4. 7. 2 Pembahagian Harta Sepencarian	136
4. 7. 3 Pembahagian Harta Guntung	137

**BAB KELIMA**  
**ANALISIS KADEAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA**  
**ADAT TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK**  
**DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

5.1 Pendahuluan	137
5.2 Sistem Pembahagian Harta Husaka Adat	139
5.2.1 Pembahagian Berdasarkan Jenis Harta	139
5.2.2 Pembahagian Sama Rata	140
5.3 Prosedur Pembahagian Harta Pusaka	156
5.4 Penghalang Pewarisan	165
5.4.1 Kerana Terdinding	165
5.4.2 Kerana Pembunuhan	166
5.5 Ahli Waris	173
5.6 Pelaksaan Pembahagian Harta Pusaka	188
5.6.1 Pembahagian Harta Pusaka	188
5.6.2 Pembahagian Harta Sepencaharian	195
5.6.3 Pembahagian Harta Guntung	201

**BAB KEENAM**

**P E N U T U P**

A. Rumusan	205
B. Kesimpulan	207
C. Cadangan	212

**RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

## **KAEDAH TRANSLITERASI**

Berpandukan Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Tahun 2001

<b>HURUF ‘ARAB</b>	<b>Nama dan Transkripsi</b>
ء	a, ’ (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d

ط	t
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	h

## **Vokal Panjang**

ā : a

ū : u

ī : i

## **Vokal Pendek**

— ( fathah ) a

— ( dammah ) u

--- ( kasrah ) i

## **Diftong**

āw : aw

āy : ay

āi : iy/ i

ūw : uw

## **SENARAI KEPENDEKAN**

As.	= ‘Alaihi al-Sallam
Bil.	= bilangan
Bah.	= bahagian
c.	= cetakan
DBP	= Dewan Bahasa Dan Pustaka
Dkk.	= dan kawan-kawan
DRS	= Doktorandus
Dr.	= Doktor
h.	= halaman
H.	= Hijrah
IAIN	= Institut Agama Islam Negeri
Ibid.	= ibidem: Pada tempat yang sama
j.	= jilid/ juzuk
km	= kilometer
M.	= Masihi
Op.cit	= <i>opera citato</i> : Dalam karya yang dirujuk sebelum / rujukan berselang.
PAP	= Pustaka Aman Press
Prof.	= Profesor
r.a	= radi allah ’anhu / hum
S.A.W	= Sallallahu ‘alaihi wa sallam
S.W.T	= Subhanahu wa Ta ‘ala

SPd	= Sarjana Pendidikan
S.Ag	=Sarjana Agama
Terj.	= Terjemahan
t.t	= Tanpa tarikh
T.P.	= Tanpa Penerbit
T.T.P.	= Tanpa Tempat Penerbit

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A GLOSARI

LAMPIRAN B PETA WILAYAH KECAMATAN GUNUNG KERINCI

LAMPIRAN C SOALAN SOAL SELIDIK

LAMPIRAN D IZIN PENYELIDIKAN

LAMPIRAN E TOKOH-TOKOH ADAT TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG

SIULAK

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Seiring dengan kemajuan yang mengikut rentak masa dari semasa ke semasa dan kita telah pun sampai kepada tahap milenium ketiga ( 3 ), namun adat masih lagi berfungsi sebagai salah satu pengikat dalam seni hidup bermasyarakat. Ia menjamin pertumbuhan dan berkembangan suasana kekeluargaan dan kejiranan yang harmoni dan dinamis hingga menampakkan keserasian hidup dalam masyarakat.

Adat merupakan penerimaan daripada keperibadian suatu bangsa dan ianya juga merupakan salah satu daripada penjelmaan jiwa bangsa yang bersangkutan dari abad ke abad. Oleh kerana itu setiap bangsa di dunia ini mesti memiliki adat kebesarannya masing-masing. Ianya tidak sama dengan yang lain dan berbeza-beza menurut karakter etnik tertentu. Oleh kerana tiada persamaan maka dapatlah dinyatakan bahawa adat merupakan suatu unsur terpenting yang memberikan gambaran tentang identiti suatu bangsa. Tingginya peradaban mahupun cara penghidupan masyarakat yang moden ternyata tidak mampu menghilangkan hakikat kebenaran adat kebiasaan yang wujud dalam masyarakat. Adat dapat

disesuaikan dengan keadaan dan kehendak zaman sehingga adat itu menjadi kekal dan tetap segar<sup>1</sup>.

Di Negara Indonesia, adat yang dimiliki oleh daerah-daerah dan suku bangsa adalah berbeza-beza meskipun asas dan sifatnya adalah satu iaitu ke Indonesiaannya. Oleh kerana itu, adat bangsa Indonesia itu disebut dengan “BHINNEKA” (berbeza-beza daerah mahupun suku-suku bangsanya) dan “TUNGGAL IKA ” (tetapi tetap satu juga iaitu asas dan sifat ke Indonesiaannya ). Adat bangsa Indonesia yang “BHINNEKA TUNGGAL IKA” ini tidaklah mati, bahkan sentiasa berkembang dan bergerak berdasarkan pada keharusan serta mengikuti proses perkembangan peradaban bangsanya. Adat istiadat yang wujud dan berkembang serta yang berkaitan dengan tradisi masyarakat inilah yang merupakan sumber hukum adat Indonesia<sup>2</sup>

Siulak Tanah Sekudung adalah salah satu daripada etnik suku masyarakat di dalam Kabupaten Kerinci ( Daerah Kerinci ), Sumatra, Indonesia yang *beranjung lain tapian dewek, adat lain pusako mencin*<sup>3</sup> kerana mempunyai adat Perpatih dan budaya yang unik. Istimewanya adat Perpatih kerana telah mengatur setiap aspek kehidupan masyarakat di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Dan ianya masih dipertahankan dengan kuat oleh masyarakatnya hingga sekarang. Mereka mempunyai ukiran yang telah *lazim* dan *kawi* yang dipegang teguh oleh nenek

<sup>1</sup> Soerojo Wijajodiporo (1969), *Pengantar Dan Asas- asas Hukum Adat*, Jakarta : CV Haji Anas Awang, h. 13.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Haji Qadri Depati Intan (1994), *Hukum Adat Sakti Alam Kerinci, Suatu Pedoman dan Ico Pakai di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak*; T.P. h. 191.

moyang mereka sejak dahulu sampailah sekarang. Dengan untaian pepatah adatnya yang berbunyi :

*“adat yang bersendi Syarak, Syarak bersendi kitabullah, syarak yang mengato adat yang memakai, yang tidak lekang kena paneh, tidak lapuk kena hujan yang dianggung layu dan bila diansak mati, adat data pakai selpeh pemakaian berlainan”.*

(adat yang bersendi kepada Syarak, Syarak yang bersendikan Kitabullah, Syarak yang mengata, adat yang memakai, yang tidak lekang oleh panas, dan tidak lapuk oleh hujan, yang bila dianggung akan layu dan bila dianjak akan mati, adat sama dipakai oleh semua orang akan tetapi cara pemakaianya berbeza).

Adat ini dibuat dengan muafakat orang-orang yang berkuasa dalam suatu negeri yang dinamakan sebagai *mesyuarat purbakalo empat*. Setelah mesyuarat selesai bulat air dipembuluh bulat kata dimuafakat dan dikukuhkan dengan ucapan janji setia<sup>4</sup>. Dengan ikrar sumpah selama, sesiapa yang memungkiri janji setia bersama ini akan didenda menurut atur cara adat atau akan dijatuhi hukum menurut adat dan dibacakan surat al-Fatihah (doa). Keputusan ini dipegang teguh dan digenggam erat oleh penghulu-penghulu di daerah masing-masing dengan ucapan kata penghujung :

*Barang siapo belebih cencak  
Barang siapo mengurangi sio-sio  
Sio-sio hutang tumbuh  
Kurang hasil negeri alah*

*(sesiapa yang melebih tidak benar, sesiapa yang mengurangi cuai, sesiapa yang cuai akan terbit hutang, kurang penghasilan masyarakat, negeri akan binasa atau punah).*

Fenomena adat seperti di atas telah mengundang berbagai penafsiran yang berbeza dan sering menimbulkan konflik sosial di kalangan masyarakat awam.

---

<sup>4</sup> *Ibid.*,h. 19.

Ianya dirasai oleh generasi muda masa kini dan juga generasi yang akan datang kerana adat telah dijadikan sebagai suatu perkara yang amat membingungkan. Ini kerana para pengetua-pengetua adat dan Depati ninik mamak, tokoh-tokoh adat dan juga pihak alim ulama amat mengalu-alukan pepatah dan petith adat yang acap kali menjadi slogan hidup di Tanah Sekudung Siulak. Pepatah adat yang dimaksudkan ialah:

*“adat bersendi Syarak, Syarak bersendi Kitabullah. Syarak yang mengata adat yang memakai. Luru-lurus, betul-betul yang iya katakan iya yang tidak katakan tidak, pedang tajam ditelapak kaki, batu hampar diatas kepala, dimakan bisa kawi yang dipertuan, dikutuk qur'an 30 jus, selama gagak hitam burung kuntul putih, keatas tidak berpucuk kebawah tidak berakar ditengah-tengah digerek kumbang”<sup>5</sup>*

Akan tetapi kehidupan masyarakat yang sebenar tidak mencerminkan slogan kata-kata dia atas berdasarkan perbuatan dan amalan mereka. Perlakuan mereka bercanggah dengan hukum adat yang telah ditetapkan yang merupakan suatu garis panduan yang jelas.

Berdasarkan kenyataan dan huraiyan di atas penulis merasai, bertanggun Jawab terhadap permasalahan ini, serta ingin mengkaji secara spesifik tentang permasalahan yang berlaku.

## 1.2. Masalah kajian

Disertasi ini mengkaji tentang kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak ditinjau dari perspektif hukum Islam di Kabupaten

---

<sup>5</sup> Haji Qadri (1993), *Tambo Sejarah, Sakti Alam Kerinci*; T.P, h. 88.

Kerinci, Propinsi Jambi, Indonesia. Ianya menghuraikan tentang amalan pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat sejak sekian lama. Kemudian dianalisa menurut hukum Islam, apakah ia selari atau bercanggah dengan hukum Islam. Hal ini kerana menurut pengetahuan masyarakat di sana sini kaedah pembahagian harta pusaka yang mereka warisi sejak sekian lama adalah selari dengan hukum Syarak, tanpa mengkaji kebenarannya. Kajian ini bertujuan untuk menghindarkan diri dari sebarang keraguan dan kesalahfahaman di kalangan masyarakat awam dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, berkaitan dengan amalan pembahagian harta pusaka.

### 1.3. Pengertian Tajuk

Sebagai pengetahuan dan untuk mempermudahkan para pembaca secara umum tentang tajuk penyelidikan ini, penulis memberikan penjelasan sebagaimana berikut : “Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Adat” dalam penulisan ini adalah pembahagian harta pusaka menurut aturan dan cara adat atau kebiasaan yang berlaku di daerah Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung, yang dalam hal ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu;

harta pusaka tinggi dan harta pusaka rendah, dan termasuklah di dalam kajian ini harta sepencarian, harta pembawa dan harta tepatan (dapatkan).

Istilah “Hukum Adat” pada awalnya masih asing bagi bangsa Indonesia kerana dalam masyarakat Indonesia dahulu kala (zaman Mataram, Mejapahit, Pajajaran, Sriwijaya, dan sebagainya) tiada suatu golongan tertentu yang memberikan perhatian terhadap istilah-istilah hukum. Sehingga Bangsa Indonesia pada masa itu tidak mempunyai “bahasa hukum” istilah-istilah teknik yang dibina secara terus menerus oleh para pakar<sup>6</sup>.

Istilah “Hukum Adat” telah diketengahkan oleh Prof. Dr. Cristian Snouck Hurgronje dalam buku beliau yang berjudul “*De Atjehers*” (orang -orang Aceh) yang mempunyai dua jilid dan diterbitkan dalam tahun 1893 - 1894<sup>7</sup>. Istilah ”hukum adat” ini turut dipakai oleh Prof. Mr. Cornelis Van Vollen Hoven dalam buku-buku karangannya antara lain; *Het Adatrech Van Nederland Indie* jilid I hingga jilid III yang ditulis sejak tahun 1901 hingga 1933, *Een Adatt wet Bookje Voor Hel Indie* yang diterbitkan dalam tahun 1910, dan *De ontderling Van het Adatrech* dalam tahun 1928 dan pada tahun 1929 dalam *Indische Staatsregeling* (disingkat IS). Pada pasal 134 ayat 2 yang mula berlaku pada tahun 1929 barulah digunakan Istilah Hukum Adat (Adatrech) dan rasmilah pemakaian kata-kata “Hukum Adat” dalam undang-undang Belanda<sup>8</sup>.

Istilah kata adat itu sendiri diambil dari bahasa Arab yakni: العادة yang dari segi bahasa bermakna:

---

<sup>6</sup> Soerojo Wijajodiporeo,SH (1967), *Op. cit.*, h. 24.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> *Ibid.*

1. Perulangan sesuatu bentuk yang sama selalunya atau kebanyakannya. Tanpa ‘Alaqah ’aqliyyah (suatu kemusykilan menurut rasional).
2. Perkara-perkara yang terjadi secara berulang yang telah diterima oleh perasaan hati dan akal yang sihat, sama dengan ta’rif *al-‘Urf* seperti mana yang diperkatakan oleh jumhur fuqaha. Akan tetapi sebahagian fuqaha membezakan antara Aaat dan *al-‘urf* dengan mentakrifkan adat dengan adat peribadi dan ‘urf dengan adat jemaah<sup>9</sup>.

Kemudian dijelaskan lebih lanjut oleh Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad dalam buku yang bertajuk *Fiqh Malaysia Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, bahawa adat dari segi bahasa diambil dari perkataan:

**العود أو المعاودة** dengan makna berulang kali. Ia merupakan nama kepada pengulangan perbuatan berkali-kali sehingga menjadi mudah dilakukan seperti suatu tabiat. Oleh itu dikatakan ;

**العادة طبيعة ثانية**

*Maksudnya: Adat itu merupakan tabiat yang kedua*<sup>10</sup>

Akan tetapi Imam al-Ghazali menjadikan adat itu sama dengan ‘urf demikian juga dengan Mustafa Ahmad al- Zarqa, apabila beliau menyatakan ‘urf juga dinamakan dengan adat dan *ta‘amul*<sup>11</sup>.

<sup>9</sup> Wahbah al- Zuhaily (1986), *Usul Fiqh al-Islami*; Beirut: Dar al-Fikr, h. 828 – 829.

<sup>10</sup> Ridzwan Ahmad ( 2000 ), *Fiqh Malaysia Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan yang terkini*; Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 102 – 103.

<sup>11</sup> *Ibid.*

Tetapi dalam istilah masyarakat Sakti Alam Kerinci, adat adalah tatacara atau kebiasaan yang sudah lazim dipakai sejak zaman nenek moyang dahulu kala. Mereka berpendapat adat ini adalah "patut" yang bermakna sesuai dengan rasa dan akal masyarakat yang sihat. Unsur patut ini adalah sangat penting kerana ianya merupakan penegasan bahawa adat bukanlah sekadar sesuatu kebiasaan dan kelaziman semata-mata.

Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah Tiga Depati (Raja Muda) yang mempunyai kawasan sendiri dan mempunyai pemerintahan tersendiri di bahagian Hulu Kerinci. Yang jauh raja akan ganti raja dan dekat raja dia jadi bayangan raja. Depati-depati yang dimaksudkan iaitu:

- a. Depati Intan di Siulak Mukai
- b. Depati Simpan Bumi di Siulak Gedang
- c. Depati Mangku Bumi di Siulak Panjang

Yang wujud pada tahun 1770-1790 pada masa pemerintahan Raja Jambi yang ke 7 yakni Sultan Anum Sri Inggo Logo bernama Sultan Ahmad Zainuddin<sup>12</sup>. Selari dengan cap mohor yang disimpan oleh Depati Rajo Simpan Bumi Tunggun Setio Siulak Gedang yang mempunyai batasan wilayah :

Selatan (Hilir) bersempadan dengan Aro Tebing Tinggi.

Utara (Mudik) bersempadan dengan Ladeh Gunung Kerinci.

Timur (Ujung/lujung) bersempadan dengan hulu batang Sungai Talao

Barat (Tumpun/ Pangkal) bersempadan dengan Gunung Sako.

---

<sup>12</sup> M. Nasir, Spd, Ketua Adat Siulak Panjang, Temubual pada; 23 Mac 2004.

Sebelum berdiri Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, wilayah Tanah Sekudung Siulak adalah di bawah satu Depati dengan daerah Semurup bernama Depati Kumbalo Sembah Rajo. Oleh itu “*Kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak*” dalam penulisan ini adalah suatu kajian mendalam terhadap kaedah pembahagian harta pusaka adat. Analisis Fiqhiyyah untuk menjelaskan hakikat yang sebenar daripada kaedah harta pusaka Adat, latar belakang dan perkembangannya sehingga dapat dilakukan suatu penilaian terhadap kesahihannya dari pandangan Hukum Islam.

Hukum Syarak dalam penulisan ini bermaksud fiqh yang meliputi ketentuan-ketentuan yang lahir daripada perintah Allah SWT, melalui al-Qar'anul Karim dan Sunnah Rasulullah SAW. Fiqh dalam hal ini melibatkan semua aliran mazhab, namun penulis akan lebih memfokuskan kepada pemakaian mazhab yang empat iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali, di samping mazhab lain yang ada hubung kait dengan penulisan yang dibuat.

Dari penjelasan dan huraian terhadap tajuk-tajuk di atas maka dapat difahami bahawa di dalam penulisan ini permasalahan yang akan penulis bincangkan dan huraikan nantinya ialah bagaimana kaedah pembahagian harta pusaka adat menurut hukum Syarak yang diamalkan oleh masyarakat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak secara keseluruhannya.

#### 1.4 Kepentingan Penyelidikan

- 1.4.1 Untuk mengetahui proses pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dan cara-cara pembahagiannya.
- 1.4.2 Untuk mengetahui hukum sebenar tentang kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak
- 1.4.3 Untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat terhadap amalan pembahagian harta pusaka adat yang diwarisi daripada nenek moyang dahulu kala supaya tidak terkeliru.

#### 1.5 Objektif Kajian

- 1.5.1 Untuk membuat perbandingan antara kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dengan kaedah pembahagian harta pusaka menurut hukum Syara.
- 1.5.2 Untuk menjelaskan kepada masyarakat bahawa kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan di kalangan masyarakat sejak dahulu kala tidaklah semuanya benar
- 1.5.3 Ingin memberikan cadangan kepada masyarakat di wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak bahawa sistem hukum faraid adalah lebih baik kerana dapat memberi jaminan kebahagiaan di dunia dan akhirat berbanding dengan kaedah pembahagian harta pusaka adat.

## 1.6 Kajian Lepas

Hasil tinjauan yang penulis lakukan terhadap penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tentang pembahagian harta pusaka di daerah Sakti Alam Kerinci sampai pada saat ini didapati bahawa belum ada seorang pun pengkaji yang meneliti secara khas tentang dasar-dasar dan pandangan Hukum Syarak terhadap perkembangan dan amalan kaedah pembahagian harta pusaka adat di Wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Sebagaimana kita ketahui bahawa sebelum datangnya agama Islam di Nusantara ini kebudayaan dan adat hidup dan berkembang menurut kefahaman masing-masing.

Dari hasil penyelidikan yang penulis lakukan didapati kebanyakan penyelidik dalam hal ini hanya sekadar memperbandingkan tentang perkembangan adat dari semasa-ke semasa dan juga sejarah tentang asal usul nenek moyang orang Kerinci bermula sejak zaman prasejarah. Namun tinjauan terhadap hukum-hukum, serta perkembangan adat istiadat yang dilihat dari sudut pandangan Islam masih belum ada yang menyelidikinya. Penulis juga tidak menemukan satu pun kajian yang membahas tentang keabsahan atau kebenaran kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak menurut Hukum Syarak. Akan tetapi kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian penulis antara lain adalah buku yang bertajuk “*Tambo Sakti Alam Kerinci*” karangan Iskandar Zakaria terbitan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Projek penerbitan buku sastera Indonesia dan Daerah tahun 1994.

Namun kajian beliau lebih menekankan tentang perkembangan Alam Kerinci secara keseluruhannya dan bagaimana ia melalui proses perubahan dari semasa ke semasa dan juga lebih memfokuskan pada aspek sosial budayanya sahaja.

Selain itu penyelidikan yang dilakukan oleh Dr. Ismail Thaliby, melalui tesis beliau yang bertajuk “*Persentuhan dan perpaduan Adat dan Syarak*” memfokuskan kepada bagaimana perkembangan adat di zaman Jahiliyah dan setelah kedatangan Rasulullah SAW yang membawa syari’at Islam dan dibandingkan dengan proses perkembangan adat istiadat di daerah Alam Kerinci secara amnya. Beliau tidak membahaskan secara spesifik tentang harta pusaka adat dan Syarak sedangkan kita mengetahui bahawa adat dan hukum adat di setiap daerah itu bermacam ragam, baik corak maupun sistem pemakaiannya.

Kemudian dalam penyelidikan yang bertajuk “*Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*”, yang dilakukan oleh Prof. H. Idris Djakfar Depati Agung .S.H dan Indra Idris, SE. MM. pada tahun 2001 yang diterbitkan oleh Pemerintah Kabupaten Kerinci lebih memfokuskan kepada tinjauan sejarah asal usul nenek moyang orang Kerinci dan sejarah terjadinya Alam Kerinci. Kemudian juga penyelidikan yang dilakukan oleh Jabatan Pelancongan Daerah Kerinci yang bertajuk “*Kebudayaan Daerah dan Adat Isiadat Alam Kerinci*”, berkisar kepada adat sebagai budaya dan seni dan bagaimana adat itu dapat bertahan di tengah-tengah masyarakat awam di zaman moden. Tujuannya adalah untuk menarik para pelancong agar datang ke daerah Kerinci yang sering disebut tahun

kunjungan wisata atau tahun kunjungan pelancong di Alam Kerinci. Selain itu penyelidikan yang dilakukan oleh Uli Khuzok tentang kitab undang-undang Tanjung Tanah dengan tajuk “*Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah Artepak Tertua*” telah menghuraikan tentang kandungan kitab undang-undang adat zaman dahulu kala dan bagaimana sistem penerapannya di tengah-tengah masyarakat yang diperintah oleh para Depati.

Kemudian penyelidikan yang terkini yang dilakukan melalui kerjasama antara pemerintah Kabupaten Kerinci dan Sekolah Tinggi Insitut Agama Islam Negeri Sungai Penuh Kerinci yang bertajuk “*Adat Basendi Syarak Syarak Basendi Kitabullah*” yang diketuai oleh Prof. Dr. Yunasril Ali MA. Akan tetapi perbincangan buku ini berkisar pada penyelidikan yang dilakukan oleh Dr. Ismail Thaliby dan ditambah dengan huraian tentang hukum-hukum adat yang terpakai di daerah Alam Kerinci secara amnya. Salah seorang daripada anggota pengkaji ialah Dr. Ismail Thaliby sendiri. Apa yang istimewa daripada penelitian ini adalah biaya penyelidikannya yang ditaja oleh Kerajaan Daerah Kerinci dan anggota peneliti merangkumi semua unsur jabatan awam kerajaan atau institusi yang ada hubung kaitnya.

## 1.7 Metodologi Penyelidikan

Secara umumnya kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan ini dilakukan terhadap penulisan-penulisan terdahulu sama ada dalam bahasa Arab dan Melayu. Data yang diperoleh itu sama ada

mempunyai hubung kait secara langsung dengan kajian mahupun tidak. Data yang penulis maksudkan ialah buku-buku, fail-fail, kes-kes adat dan kajian ilmiah yang terdahulu.

Kaedah di atas digunakan dalam empat bab penulisan yang menjadi landasan teori kepada kajian ini. Kajian lapangan pula ialah kajian secara langsung terhadap subjek yang dipilih untuk dikaji. Sehubungan dengan ini pengkaji telah menjadikan daerah “Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Kabupaten Kerinci, Propinsi Jambi, Indonesia” sebagai objek penyelidikan

### 1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

#### 1.7.1.1 Kaedah Dokumentasi

Kaedah dokumentasi iaitu teknik pengumpulan data seperti fakta, perkataan, surat, rajah, carta ataupun sumber yang mewakili objek, situasi keadaan atau idea-idea. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat asas yang diperlukan dari dokumen berbentuk laporan atau catitan, antaranya ialah ayat-ayat suci al-Qur'an, al-Hadits, kitab-kitab fiqh dan usul fiqh dan undang-undang Islam (Hukum Islam) pendapat ilmuhan, buku-buku ilmiah, rekod-rekod dan fail-fail adat serta tambo-tambo (buku sejarah) adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.

#### 1.7.1.2 Kaedah Temubual

Kaedah temubual ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dari orang awam tentang kaedah pembahagian harta pusaka secara adat.

Soal selidik yang disediakan adalah berbentuk terbuka agar pihak-pihak yang terlibat dapat memberikan pandangan mereka secara bebas. Responden yang di temubual adalah terdiri daripada:

- i. Ketua-ketua adat yang sangat dominan dalam rangka menguatkuasakan hukum adat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.
- ii. Ketua-ketua suku yang memegang pimpinan untuk pengendalian kesejahteraan suku-suku yang dipimpinnya.
- iii. Kakitangan dan setia usaha para Depati Nenek Mamak untuk mendapatkan nasihat dan pertimbangan dalam rangka penyelesaian kes-kes adat yang ada hubung kaitnya dengan kaedah pembahagian harta pusaka dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.
- iv. Para alim ulama yang mengamalkan ajaran Islam bagi mencerminkan terpakainya Hukum Pusaka Adat di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dan mengetahui hukum Syarak.

#### 1.7.1.3 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ialah melakukan pengamatan langsung terhadap objek penyelidikan untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat. Kaedah ini dapat menyokong kebenaran fakta yang diperoleh dari kaedahtemubual.. Dalam hal ini penulis telah mengadakan pemantauan dan turut menghadiri majlis pengajian adat yang dilakukan pada setiap malam isnin di Desa Pauh Tinggi. Penulis juga menghadiri acara pembahagian harta pusaka Abu Tahar dan Au Nimo di Desa Pauh Tinggi serta acara pembahagian harta pusaka antara Capek dan Siti Saha di Desa Mukai Tinggi di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.

#### 1.7.2 Kaedah Analisa Data

Data yang telah diperoleh dari lapangan dikumpulkan secara keseluruhan dan diperbaiki serta diolah secara terperinci terutamanya dengan menggunakan kaedah perbandingan untuk membentuk suatu perbandingan data secara keseluruhan.

Data yang telah diperolehi akan dilihat secara umum dan kesimpulan dibuat agar matlamat kajian yang dimaksudkan dapat dicapai. Sudah pasti perbandingan dibuat antara peraturan-peraturan kaedah pembahagian harta pusaka adat dengan peraturan-peraturan yang dibawa oleh Rasulullah SAW secara keseluruhannya.

## B A B II KEDUA

### PENGERTIAN ADAT DAN ‘URF SERTA PERMASALAHANNYA

#### 2.1 Pengertian *Urf*

Walaupun ‘urf dan adat berada di luar ruang lingkup nas, namun begitu ia tetap diterima sebagai salah satu daripada sumber hukum di kalangan jumhur ulama fiqh. Antara buktinya ialah di mana dalam ilmu kaedah fiqh, adat dijadikan sebagai salah satu daripada kaedah asas dengan lafaz (العادة محكمة) yang bermaksud: adat dijadikan hukum. Akan tetapi apa yang perlu disedari di sini ialah para ulama telah menetapkan bahawa ‘urf dan adat merupakan salah satu daripada sumber hukum ketika ketiadaan nas.<sup>13</sup> Lantaran itu seandainya ‘urf dan adat kebiasaan tersebut bercanggahan dengan nas maka ia akan ditolak. Penerimaan ‘urf serta adat yang *fasid* dengan mengetepikan nas adalah suatu perkara yang bertentangan sama sekali dengan dasar syariat Islam.

Penerimaan ‘urf dan adat sebagai sumber hukum selaras dengan firman Allah:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ

---

<sup>13</sup> al-Suyuti, al-Imām Jalāl al-Din ‘Abdul al-Rahmān bin Abū Bakr (1998), *al-Asybah wa al- Nāzā’ir*. J. 1, C. 1, Beirūt: Dār al- Kutub al- ‘Ilmiyyah, h. 193; Ibn Nujaym al- Syaykh Zāyñ al- Dīn bin Ibrahīm bin Muhammad (1999 ), *al-Asybah wa al- Nāzā’ir ‘Ala Madhhab Abu Hanīfah al-Nu’mān*, c. 1, Beirut: Dār al- Kutub al- ‘Ilmiyyah, h. 79; Ibrahim Muhammad Mahmūd al- Harīrī, Dr (1998), *al-Madkhāl ‘Ila al- Qawa’id al- Fiqhiyyah al- Kulliyah*. C. 1, Ammān: Dār ‘Ammār, h. 108.

*Maksudnya: Terimalah apa yang mudah dilakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik.*  
Surah al- ‘A’rāf (7): 199.

Berdasarkan zahir ayat tersebut, Imam al-Qarāfi berkata:

كُلُّ مَا شَهِدْتُ بِهِ الْعَادَةُ قُضِيَّ بِهِ

*Maksudnya: Apa sahaja yang disaksikan oleh adat diterima sebagai hukum.*

Tindakan menentang ‘urf dan adat yang dianggap baik di kalangan masyarakat juga bererti menimbulkan sesuatu kesukaran. Ekoran daripada itulah terbentuknya kaedah: (المعروف عرفاً كالمشروط شرطاً) bermaksud: *yang terkenal menurut ‘urf seperti yang diisyaratkan dengan syarat.*<sup>14</sup> Pengertian *al-’urf* dapat dibahagikan kepada dua pengertian iaitu:

#### 2.1.1 Pengertian ‘Urf Menurut Bahasa

Perkataan ‘urf dari segi bahasa boleh diertikan dengan beberapa pengertian:

- a. Berasal dari bahasa Arab, kata dasarnya ‘arafa (عرف), bermaksud: mengetahui. Kemudiannya ia digunakan dalam erti sesuatu yang

---

<sup>14</sup> Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (t.t), *Usūl al- Fiqh al- Islāmī*. Iskandarian: Mua’sasah syabāb al-Jamā’ah, h. 226; Mustafa Muhammad al- Zarqā, (1998), *al- Madkhāl al- Fiqhī al- ‘Am*, c. 1, j. 1, Damsyik: Dār al- Qalam, h. 141.

diketahui ( مَعْرُوفٌ ) dikenal, dianggap baik serta diterima oleh akal fikiran yang sihat.<sup>15</sup>

- b. 'Urf juga bererti perkara yang diterima dan disanjungi menurut perasaan manusia.<sup>16</sup>.
- c. 'Urf bererti cara baik<sup>17</sup> ini berdasarkan firman Allah:

وَصَاحِبُهُمَا فِي الْدُّنْيَا مَعْرُوفًا

*Maksudnya: Dan bergaullah dengan mereka (kedua ibu bapa) di dunia dengan cara yang baik.*

Surah Luqmān (31): 15.

- d. 'Urf juga boleh diertikan sebagai berturut-turut.<sup>18</sup> Ini berlandaskan kepada firman Allah:

وَالْمُرْسَلَتِ عُرْفًا

*Maksudnya: Demi (makhluk-makhluk) yang dihantarkan berturut-turut (menjalankan tugasnya).*

Surah al- Mursālāt (77):1.

### 2.1.2 Pengertian 'Urf Menurut Istilah

Terdapat sedikit perbezaan pada sudut ibarat dan lafaz di kalangan ulama, ketika mengemukakan definisi 'urf. Di sini dikemukakan beberapa

<sup>15</sup> Ibn al- Manzūr, Jamāl al-Dīn Abī al- Fadl (1999), *Lisān al - 'Arab*, c. 1, J. 9, Beirut: Dār Ihyā 'al -Turath, h. 155.

<sup>16</sup> al-Muhaimī Subhī Mahmasūnī (1952), *Falsafah al-Tasyrī*, *al-Islāmī*. Beirūt: Dār al-Kasisyāf, h. 148; Ibrāhīm Muhammād Mahmūd al-Harīrī (1998), *op.cit.*, h.108; 'Abd al-Karīm Zaydān (1986), *Majmū'ah Bahūth Fiqhīyyah*. Baghdād: Maktabah al- Quds, h. 26.

<sup>17</sup> Ahmad bin Muhammād bin 'Ali. al-Muqnī al-Fayyūmī ( t.t ), *al-Misbāh al-Munīr*, T.T.P, h. 404.

<sup>18</sup> al-Fayrūz al-Abādi, Majd al- Dīn (1987 ), *al-Qāmūs al-Muhīt*. Beirūt: T.P. h. 1081.

pengertian ‘urf pada istilah yang dibentangkan oleh beberapa orang ulama terkemuka, antaranya ialah:

- a.al- Jurjānī mendefinisikan ‘urf sebagai suatu perkara yang tetap di dalam diri manusia dari sudut akal fikiran, diterima baik oleh tabiat yang sejahtera atau sempurna dan seterusnya menjadi hujah.<sup>19</sup> Ia membawa maksud bahawa setiap perkara yang tetap di dalam sanubari atau diri seseorang dan berasa selesa dengannya serta dilakukan secara berulang kali.
- b.‘Abd al-Wahāb Khallāf mentakrifkan ‘urf sebagai amalan yang terkenal dalam kalangan manusia dan dilakukan secara berterusan sama ada ia berbentuk perkataan, perbuatan atau tinggalan<sup>20</sup>.
- c.Dr. Sya'bān Muhammad Ismail menjelaskan bahawa ‘urf ialah suatu perkara yang sebatی dalam diri, ia terkenal dan diterima pakai sebagai suatu ketetapan berdasarkan kepada akal yang waras dii kalangan masyarakat Islam pada suatu daerah tertentu dengan syarat ianya tidak menyalahi nas Syarak.<sup>21</sup>

Sebagai rumusannya ‘urf ialah sesuatu yang telah dikenali serta menjadi kebiasaan kepada sesebuah masyarakat dalam kehidupan seharian dan

---

<sup>19</sup> al-Jurjānī, ‘Ali bin Muhammad (1998), *al-Ta’rīfāt*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 193.

<sup>20</sup> ‘Abd al-Wahāb Khallāf (1978), *Ilmu Usūl al-Fiqh*. C. 12. Kuwait: Dār al- Qalam, h. 89.

<sup>21</sup> Sya'bān Muhammad Ismail (DR). (1985), *Masdār al-Tasyrī’ al-Islamī wa Mauqif ‘Ulamā, Fiha*. Riyādh: Dār al-Marīkh, h. 259.

muamalat mereka sama ada suatu perkataan, perbuatan atau perkara-perkara yang perlu ditinggalkan<sup>22</sup>.

## 2.2 Pengertian Adat

### 2.2.1 Pengertian adat menurut bahasa

- i. Menurut *kamus lisan al-'Akil dan al-Qāmūs* adat membawa erti perkara yang menjadi kebiasaan.<sup>23</sup>
- ii. Mengikut *Mu'jam Maqāsyis al-Lughah* adat memberi erti sesuatu yang dilakukan secara berterusan dan sebatи di dalam jiwa<sup>24</sup>.
- iii. Berdasarkan *Kamus Dewan* adat ialah peraturan yang sudah diamalkan semenjak turun-temurun di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi)<sup>25</sup>
- iv. Adat juga boleh dikaitkan dengan budaya kerana ia merupakan suatu cara berfikir atau cara berkelakuan. Kebudayaan pula adalah keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir. Ia juga merupakan segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian bagi sesuatu masyarakat.<sup>26</sup>

### 2.2.2 Pengertian Adat Menurut Istilah

<sup>22</sup> 'Abd al-Kārīm Zaydān (1996), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, c. 12. Beirūt: Dār Ihyā, al-Turāth al-'Arabi, h. 172.

<sup>23</sup> Ibn al-Manzūr, (1997), *op. cit.*, h. 459.

<sup>24</sup> al-Qaswīnī, Ahmad bn Faris, ( t.t ), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, j. 4. Kāherah: Dār Ihyā' al- Kutub al-'Arabīyyāh, h. 182.

<sup>25</sup> Tenku Iskandar, Dr. dkk (1991), *Kamus Dewan*, C. 2, Kuala Lumpur: DBP, h. 7.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 180.

Para ulama juga mentakrifkan adat dengan berbagai-bagai pengertian dari sudut istilah. Di sini dikemukakan beberapa pengertian yang masyhur antaranya ialah;

- i. Muhammad Amin di dalam kitabnya *Taysīr al-Tahrīr* menyatakan adat ialah sesuatu perkara yang dilakukan secara berulang-ulang walaupun tanpa kaitan dengan akal.<sup>27</sup>
- ii. al-Jurjānī pula mentakrifkan adat sebagai sesuatu perkara yang dilakukan oleh manusia secara berterusan mengikut pertimbangan akal yang waras serta ia dilakukan secara berulang kali.<sup>28</sup>.
- iii. Ibnu Amīr al-Hāj mendefinisikan adat ialah mengulangi sesuatu perbuatan tanpa ada apa-apa kaitan atau hubungan dengan akal.<sup>29</sup>

Sebagai rumusannya pengertian yang dijelaskan oleh Muhammad Amīn adalah terlalu umum, kerana merangkumi perbuatan atau ucapan. Manakala pengertian yang diberikan oleh al-Jurjānī pula dilihat masih belum sempurna serta kurang jelas kerana tidak mencakupi perkara yang dilakukan oleh individu dan masyarakat. Menurut majoriti para ulama pengertian adat adalah lebih umum berbanding dengan ‘urf. Adat merangkumi amalan yang berlaku terhadap seseorang, sesetengah individu dan juga masyarakat,

---

<sup>27</sup> Amīr Badisyah al-Husaynī, Muhammad Amīn (1980), *Taysīr al-Tahrīr*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 20.

<sup>28</sup> al-Jurjānī (1998), op.cit., h.180: al-Suyūti (1980), op.cit., h. 193. al-Syeikh Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa’ (1998), *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhīyah*, c. 5, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 219.

<sup>29</sup> Ibnu Amīr al-Hāj (t.t), *al-Taqrir wa al-Tahrīr*, Bolag: T.P. j. 1, h. 282.

sebagai contoh: berhaid bagi wanita. Seterusnya pengertian adat yang dikemukakan oleh Amīr al-Hāj merupakan takrif yang paling sempurna.

Pengertian yang diberikan itu merangkumi kesemua bentuk adat sama ada yang dilakukan secara individu ataupun kumpulan yang ramai merangkumi sudut perkataan, perbuatan dan adat sahih serta fasid.<sup>30</sup>

### 2.3 Perbezaan Antara *Urf* dan Adat Menurut Hukum Islam

Untuk memperkatakan tentang perbezaan antara ‘urf dan adat, penulis telah mengkategorikannya kepada tiga pendapat yakni:

Pendapat pertama: mengatakan tidak ada sebarang perbezaan antara ‘urf dan adat kerana kedua-duanya mempunyai makna yang sama.<sup>31</sup> Antara ulama yang mengemukakan pendapat sedemikian ialah:

- i. ’Abd Allah bin Ahmad al-Nasafī al-Hanafī telah mentakrifkan ‘urf dan adat ialah perkara yang sudah sebatи dan mantap dalam pemikiran manusia. Ia juga diterima dengan baik oleh tabiat yang sejahtera dan sempurna.

---

<sup>30</sup> al- Suyūtī (1998), *op cit.*, h. 193.

<sup>31</sup> Abd al- Kārīm Zaydān (1996), *op. cit.*, h. 26.

- ii. Muhammad ‘Awad al-Hazāyimāh dan Mustafa Muhammad Najīb: berpendapat ‘urf dan adat membawa maksud yang sama biarpun ada sedikit perbezaan dari sudut pemahaman<sup>32</sup>.
- iii. Muhammad al-Khidr Husayn mentakrifkan ‘urf dan adat sebagai amalan yang sudah menjadi kebiasaan kepada manusia sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan atau tinggalan.<sup>33</sup>
- iv. ‘Abd al-Wahāb khallāf mentakrifkan ‘urf dan adat sebagai apa-apa yang terkenal dalam kalangan manusia dan diamalkan secara berterusan sama ada ia berbentuk perkataan, amalan dan tinggalan.<sup>34</sup>

Pendapat kedua: ‘urf hanya khusus kepada perkataan sahaja, manakala adat pula hanyalah tertentu kepada perbuatan. Penjelasan ini berdasarkan kepada pendapat ‘Abd al-‘Azīz al-Bukharī.<sup>35</sup>

Pendapat ketiga: Adat lebih umum berbanding dengan ‘urf kerana adat itu berkemungkinan terhasil daripada orang perseorangan atau sekumpulan manusia. Akan tetapi ‘urf adalah hasil daripada amalan orang ramai. Justeru dari itu, menurut pendapat ulama tersebut ‘urf boleh dinamakan dengan adat tetapi adat tidak semestinya ‘urf. Pendapat ini berdasarkan kepada takrīf yang dikemukakan oleh Ahmad Abu Sunnah dan Mustafā al-Zarqā. Sebagai

<sup>32</sup> Muhammmad Awad al-Hazaymah dan Mustafa Muhammad Najib (1996), *al-Madkhāl Ila Dirāsah al-Tasyrī’ al-Islāmī*, c. 1, Jordan: Dār ‘Ammār, h. 42.

<sup>33</sup> Muhammad al-Khidr Husayn ( t.t ), *al-Syari’ah al-Islamiah Sālihah li kulli Zamān wa Makān*, Damsyik; Matba’ah al- Ta’awuniyyah, h. 33.

<sup>34</sup> ‘Abd al- Wahāb Khallāf (t.t), *Masādir al-Tasrī’ Fī Mālā Nas Fihi*, Kuwait : Dār al-Kuwaitiah, h. 145.

<sup>35</sup> ‘Abd al-‘Azīz bin Ahmad al-Bukharī (1974), *Kasyf al- Asrār al- Bazdāwī*, j. 2. Beirut: Dār al- Kitab al- ‘Arabī, h. 415.

contohnya Ahmad Abu Sunnah dalam menghuraikan perkara tersebut menjadikan sesuatu amalan atau perkara yang diulangi oleh orang perseorangan dinamakan adat bukannya ‘urf, manakala ‘urf pula ialah amalan yang dilakukan oleh orang ramai atau masyarakat.<sup>36</sup>

## 2.4 Pembahagian ‘Urf

Sebagaimana dimaklumi, ‘urf merupakan salah satu perkara penting dalam pembinaan hukum dalam Islam. Sehubungan dengan itu untuk menjelaskan perkara tersebut dengan lebih terperinci, para ulama telah membahagikan ‘urf itu kepada tiga kategori utama yakni:

- 2.4.1 ‘Urf perkataan dan perbuatan.
- 2.4.2 ‘Urf umum dan khas
- 2.4.3 ‘Urf sahih dan fasid.

### 2.4.1 ‘Urf perkataan dan perbuatan

Perbincangan yang akan dijelaskan berkaitan dengan ‘urf perkataan dan ‘urf perbuatan dapat dinyatakan sebagai berikut.<sup>37</sup>

‘urf perkataan (العرف القولي ), ia membawa maksud sebagai berikut:

<sup>36</sup> Muhammad bin Muda (2004), “Urf Tempatan di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Pertumbuhan Hukum” satu analisis,(Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya. Kuala Lumpur, h. 65.

<sup>37</sup> ’Abd. al-Kārīm Zaydān ( 1994 ), *al-Wājīs Fī Usul al-Fiqh*, Beirūt: Muā’sasah al- Risālah, h. 252: Sulaimān Abdullah al-Asyqar (1999), *Naza’ir Fī Usūl al-Fiqh*, Jordān: Dār al- Nāfa’is C. 1, h. 1822-186: Abd al- Karīm Zaydān ( 1996 ), *op. cit.*, h. 172-173.

- a. Iaitu ‘urf berbentuk lafaz atau perkataan yang mudah difahami serta menjadi kebiasaan kalangan orang ramai untuk menunjukkan kepada sesuatu makna tertentu. Antara contohnya ialah penggunaan lafaz *walad* ( ولد ). Menurut pengertian bahasa ia merangkumi anak lelaki dan perempuan, ini bertepatan dengan apa yang digunakan melalui firman Allah di dalam al-Quran berkaitan dengan pembahagian harta pusaka:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِذَكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

*Maksudnya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.*

Suart al- Nisā’(4):11.

Walau bagaimanapun penggunaan makna sudut bahasa untuk lafaz *walad* tersebut diketepikan kerana menurut ‘urf ia hanya tertentu kepada anak lelaki sahaja sebagaimana yang tersebar dengan luas di seluruh dunia.<sup>38</sup>

- b. Erti kata yang lebih luas, ‘urf perkataan ialah lafaz-lafaz atau perkataan-perkataan yang digunakan oleh manusia secara meluas bagi makna tertentu dan dapat difahami secara spontan oleh si pendengar, walaupun tanpa adanya apa-apa sandaran. Sebagai contohnya: lafaz daging ( لحم ), sebagaimana terkenal dalam kalangan orang ramai di

---

<sup>38</sup> *Ibid,*

dalam muamalat. Dia hanyalah untuk daging lembu, kambing, kerbau dan juga unta. Penggunaan lafaz tersebut tidak termasuk daging ikan, burung dan ayam, biarpun al-Qur'an menggunakan lafaz untuk semua binatang yang hidup di dalam laut dinamakan daging. Sebagaimana firman Allah;

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا

*Maksudnya: Dan dialah yang memudahkan laut supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang segar.*

Surah al- Nahl (16) : 14.

Justeru itu, sesiapa yang bernazar tidak akan memakan daging, ia tidak dikira melanggar nazar sekiranya memakan ikan.<sup>39</sup> Perkara tersebut juga dapat dihubungkaitkan dengan penjelasan yang dibuat ulama, berkenaan dengan ‘urf syar’i ( عَرْفٌ شَرِيعِيٌّ ). Abu Sunnah mentakrifkan ‘urf syar’i ialah lafaz yang digunakan oleh syarak untuk maksud tertentu.<sup>40</sup> Contohnya lafaz salah ( ؤالص ) , menurut pengertian bahasa bermaksud: doa. Namun begitu syarak mentakrifkannya; iaitu beberapa perkataan yang dimulakan dengan takbiratul al-Ihram dan disudahi dengan salam. Lafaz-lafaznya telah diambil daripada al-Quran untuk makna tertentu, sama ada lafaz

<sup>39</sup> Badrān. Abū al-‘Aynayn Badrān (t.t), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariah: Muassasah Syahīb al-Jami’ah, h. 226.

<sup>40</sup> Abu Sunnah, Ahmad Fahmī (t.t), *al-‘Urf wa al-‘Adah Fi Ra’yi al-Fuqaha*, al-Azhar, h. 20.

dan maknanya tidak diketahui ataupun *majhul* dalam kalangan ahli bahasa atau mereka telah pun mengetahuinya.<sup>41</sup>

‘Urf perbuatan, (العرف العملي). ‘Urf perbuatan membawa maksud sebagaimana berikut:

- a. Iaitu perbuatan yang telah menjadi perkara biasa atau kebiasaan bagi orang ramai dalam tindakan dan mualamat mereka. Contohnya: Jual beli untuk sebahagian barang tertentu secara unjuk-mengunjuk tanpa adanya akad jual beli.
- b. Perkara yang selalu dilakukan oleh manusia berdasarkan ‘urf masing-masing contohnya: menurut kebiasaan yang dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan mas kahwin dibayar oleh suami kepada pihak isteri sebelum mereka melakukan persetubuhan.<sup>42</sup>

#### 2.4.2 ‘Urf Am dan Khas

‘Urf am (العرف العام). Iaitu sesuatu yang menjadi amalan dan diketahui oleh semua orang Islam sama ada zaman dahulu atau sekarang yang berbentuk perkataan atau perbuatan. Contohnya: jual beli secara tempahan dan perkataan nazar yang telah menjadi ‘urf bagi seluruh umat Islam, iaitu perkara wajib

---

<sup>41</sup> Muhammad bin ‘Ali al- Syawkānī ( 1937 ), *Irsyād al- Fuhul*, Mesir: Matba’ah al-Halabī, h. 21.

<sup>42</sup> Mohammad bin Muda ( 2004 ), *op.cit.*, h. 65.

dilaksanakan seandainya perkara yang dinazarkan itu asalnya harus atau sunat.<sup>43</sup>

Sebahagian fuqaha mensyaratkan ‘urf umum itu hendaklah sesuatu perkara yang dilakukan secara berterusan oleh manusia semenjak zaman sahabat. Seterusnya mereka menambah lagi, perkara tersebut seharusnya disokong oleh para mujtahid berdasarkan amalan manusia, sekalipun ia bertentangan dengan Qias. Selagi tidak terdapat Nas atau dalil. Justeru itu mereka berpendapat bahawa kedudukan ‘urf sama tarafnya dengan ijmak ulama ketika ketiadaan nas.<sup>44</sup>

‘Urf khas (العرف الخاص). Iaitu sesuatu yang telah menjadi kebiasaan kepada sesetengah masyarakat atau negeri tertentu sahaja. Antara contohnya:

- a. Memasuki rumah orang islam di Malaysia tanpa membuka kasut dikira menghina tuan rumah, namun di negara barat dan Arab adalah sebaliknya.<sup>45</sup>
- b. Seandainya penduduk di Kufah, Iraq, bernazar tidak akan memakan daging mereka tidak dikira bersalah sekiranya mereka memakan hati dan perut. Hal tersebut kerana menurut ‘urf penduduk Kufah tidak menamakan kedua-duanya sebagai daging.

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 66.

- c. Menurut ‘urf masyarakat Asia Tenggara, mereka yang memakai jubah adalah terdiri daripada kalangan para penghafaz al-Qur’ān, imam dan juga mereka yang alim tentang perkara agama. Keadaan itu berbeza dengan apa yang berlaku di Negara Arab.<sup>46</sup>
- d. Menurut ‘urf masyarakat Tiga Luhah Siulak sebelum mendirikan rumah atau mengadakan kenduri yang menjemput masyarakat ramai seseorang harus meminta izin atau *mamanggin* nenek mamak dan *tua-tua tengganai* di dalam negeri yang dia bermastautin. Dengan lain perkataan memberi tahu kepada Depati nenek mamak yang berkuasa. Hal ini disebabkan oleh adat *lama pusaka usang, kerja kecil diberitahu kerja gedang dipulangkan*. Kalau tidak dilakukan ia dianggap bersalah atau menyalahi adat yang berlaku dan akan didenda menurut adat yang dikuatkuasa.

#### 2.4.3 ‘Urf sahih dan ‘urf fasid

- a. ‘Urf sahih (العرف الصحيح). Sesuatu yang dilakukan oleh orang ramai secara meluas dan tidak bercanggah dengan Nas syarak, tidak bertentangan dengan kemaslahatan yang di iktibar di samping tidak membawa kerosakan yang jelas kepada manusia. Antara contohnya ialah:
- i. Mewakafkan benda-benda mudah alih seperti; kitab-kitab ilmiyyah.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, c. 1. j. 2. Damsyik: Dār Al-Firu, h. 832.

<sup>47</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 227.

## ii. Kebiasaan melakukan akad tempahan **عقد الاستصناع**

menurut hukum asal fiqh adalah diharamkan kerana akad tersebut berlangsung tanpa kewujudan barang. Namun begitu, muamalah tersebut diharuskan disebabkan ulama fiqh berpendapat ada kemaslahatan **مصلحة** untuk masyarakat serta perkara itu tidak menimbulkan apa-apa perselisihan dalam kalangan para pembeli dan penjual.

## iii. Pemberian seseorang lelaki kepada tunangannya ketika berlangsungnya majlis pertunangan dikira sebagai hadiah, bukan sebahagian daripada mas kahwin.

'Urf sahih perlu diberi perhatian oleh seseorang mujtahid dan hakim ketika membuat sebarang keputusan kehakiman. Hal ini disebabkan apa yang telah dibiasakan oleh kebanyakan orang dikira sebagai suatu kemaslahatan yang diperlukan dalam kalangan mereka, namun begitu dengan syarat ia tidak berlawanan sama sekali dengan dasar syariat.

## b. *Urf Fasid* (فرع علی الفاسد). Iaitu amalan yang berlaku secara meluas dalam kalangan orang ramai tetapi ia bertentangan dengan nas atau membawa ke arah kemudarat atau menyekat kemaslahatan dan bercanggah dengan hukum-hukum syarak yang telah ditetapkan dan tidak berubah disebabkan perubahan tempat, masa dan keadaan. Antara contohnya ialah:

- i. Amalan yang berhubungan dengan cara riba.
- ii. Perempuan keluar rumah tanpa menutup kepala serta memakai perhiasan dan bauan.<sup>48</sup>

Oleh sebab itu, *'urf* tersebut tidak boleh dipertahankan dan ia tidak akan menjadi halal walaupun orang ramai melakukannya. Selain itu, mempertahankannya bererti menentang dalil syarak atau dikira membatalkan hukum syarak.

Sebagai rumusan kepada penjelasan serta pengertian-pengertian yang dikemukakan sebagaimana yang tersebut di atas, Imam al-Syātībī ada membuat suatu penjelasan yang agak berlainan dalam pembahagian adat yang berterusan (عوائد مستمرة) berbanding ulama-ulama lain. Beliau membahagikan adat yang berterusan itu kepada dua bahagian, iaitu:<sup>49</sup>

Pertama: Adat-adat syarak, sama ada yang telah disokong oleh ahli syarak ataupun tidak. Ini bermakna adat-adat yang termasuk dalam kelompok itu diperintahkan melakukannya. Sama ada ia berbentuk perintah wajib ataupun sunat atau dilarang melakukannya, sama ada larangan itu sampai kepada peringkat haram atau makruh dan ada kemungkinan juga adat yang sedemikian diberi keizinan melakukannya atau meninggalkannya.

---

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Abū Ishāk bin Mūsa al-Syātībī (1996), *al-Muwāfaqāt*, C. 2, J. 2, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 570 dan 571.

Untuk itu adat-adat yang termasuk dalam kategori itu ialah tetap dan berterusan hukumnya sepetimana semua amalan lain yang terdapat dalam syarak. Contohnya: Islam mewajibkan menutup aurat.

Kedua: Adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat tanpa adanya dalil syarak, sama ada yang menafikan atau menyokong amalan tersebut. Adat-adat sebegini kadang kala tetap dan berkemungkinan akan berlaku perubahan. Contohnya: adat yang tetap seperti kesenian, makan, minum, bercakap dan berjalan. Manakala adat yang menerima perubahan adat yang baik kepada yang buruk atau sebaliknya, seperti; membuka kepala bagi lelaki. Amalan ini berbeza antara negara dengan negara lain. Bagi negara-negara sebelah timur perbuatan tersebut dikira sebagai perbuatan kurang bermaruah, sebaliknya di sebelah barat ia dikira sebagai perkara biasa sahaja. Konteks tersebut menurut setengah ulama mazhab diambil kira terutamanya dalam mazhab al-syafi'i.<sup>50</sup>

## 2.5 Kehujahan *Urf* dan adat

*Urf* dan adat diterima sebagai sumber hukum berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Seterusnya sebahagian ulama juga telah menggunakan pendapat sahabat, tabi'in dan ijmak ulama untuk menyokong hujahan tersebut.

### 2.5.1 Dalil al-Quran.

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

Antara dalil daripada al-Quran yang berkaitan dengan kehujahan ‘urf dan adat yang dikemukakan oleh ulama ialah:

Firman Allah :

خُذْ الْعَفْوَ وَأُمِرْ بِالْمُعْرِفَةِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَهَلِينَ

*Maksudnya: Terimalah apa yang mudah dilakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah ( jangan dihiraukan ), orang-orang jahil ( yang degil dengan kejahilan ).*

Surah al- ’Araf ( 7 ) : 199.

Kebanyakan ahli Fiqh telah mengambil ayat tersebut sebagai dalil ‘urf, terutamanya ulama daripada mazhab al-Mālikiyah. Antara ulama yang menjadikan ayat tersebut sebagai dalil ‘urf ialah:<sup>51</sup>

Ibn Yūnus, Abū al-Hasan, Ibn al-Faqihān, al-Qādi ’Abd. Wahāb, al-Sifitāni di dalam kitabnya al-Bahjah, Ibn al-Fāris di dalam kitabnya Ahkam al-Quran, al-Sarqiti di dalam kitabnya *Husam al-’adl* dan *al- Insāf*, al-Suyūti di dalam kitabnya *al-Iklīl*; ‘Abdullah al-Jauhari di dalam *al-Muwāhib al-Sunnīyah* dan Ibn al-‘Abidīn di dalam kitab *Nasyr al-’Urf*, ’Alā’ al-Dīn al-Tarablīsī, iaitu pengarang kitab *Mu’in al-Hukām*, dengan katanya: apa yang dimaksud dengan ‘urf sebagaimana dalam ayat tersebut ialah adat-adat manusia dan semua amalan yang dilakukannya, secara berterusan perkara ini juga berdasarkan perintah Allah terhadap

---

<sup>51</sup> Mustafa Abdul Rahīm Abū ’Ajilah (1986), *al-’Urf Wa Astaruhu Fi al-Tasyrī* Libya: Al- Mansya’ah al-‘Ammah li Annasyr, h. 122-124.

Nabinya dengan lafaz kitab serta perintah sama ada perkataan dan amalan-amalan yang dikira baik oleh pemikiran manusia.

Seterusnya, antara ulama lain yang bertindak mengambil firman Allah sebagaimana yang dilakukan di atas sebagai dalil ialah Imam al-Qarāfi dalam *al-Furuq*<sup>52</sup>. Contohnya berkaitan dengan persoalan: apabila suami isteri berselisih faham mengenai peralatan rumah tangga. Lantaran itu beliau telah bertindak dengan mengemukakan ayat tersebut untuk menyelesaikan masalah sehubungan dengan perkara yang dijelaskan, semua perkara yang diperakui benar melalui adat hendaklah diputuskan hukum melaluinya. Khususnya dengan berpandukan kepada zahir ayat, kecualilah dalam kes terdapat dalil atau sebarang hujah lain yang lebih baik daripadanya. Ibn al-'Arabi dalam mentafsirkan *al-urf* dalam ayat: (

وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ, telah menjelaskannya, kepada empat bentuk iaitu:<sup>53</sup>

pertama :              *Urf* bermakna al-ma'aruf.

Kedua :              *Urf* memberi makna ( لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ).

Ketiga :              Semua perkara yang diketahui ( dikenali ) dari urusan agama.

Keempat :              Sesuatu perkara yang baik dan tidak diingkari oleh orang ramai serta dipersetujui oleh syari'at.

---

<sup>52</sup> al-Imām Syihab al-Din al-Sanhaji al-Qarāfi, ( t,t ), *al-Furuq*, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.148.

<sup>53</sup> Abū Bakr Muhammad Ibn Abd Allah Ibn al-'Arabī (t.t), *Ahkām al-Qurān*, J. 2, Makkah: Dār al- Bāz, h. 359.

Justeru itu, beliau menghuraikan ‘urf yang dimaksud dalam ayat tersebut ialah *al-ma’rūf* daripada urusan agama, akhlak yang mulia dan amalan-amalan baik yang telah dipersetujui oleh syariat, mana kala maksud ( وأمر )

( بالمعروف ) tersebut pula, meliputi semua suruhan, tegahan, dan sudah menjadi ketetapan dalam hukum syari’at serta apa yang dipersetujui oleh naluri manusia, sama ada sudut pengetahuan atau amalannya. Namun begitu, al-Baghawī mendefinisikan ‘urf berpandukan ayat tersebut dengan semua perkara yang dikenali oleh syarak.<sup>54</sup>

Dalil al-Quran yang lain yang menjadi sandaran ulama ialah firman Allah;

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

*Maksudnya:* “Dan kewajiban bapa ialah memberikan makan dan pakaian kepada ibu itu ( isterinya ) menurut cara yang sepatut ”.

Surah al-Baqarah (2) :233.

Majoriti ulama fiqh dan ahli tafsir bersepakat untuk menjadikan ayat tersebut sebagai hujah kepada ‘urf seperti berikut:

- a. Ahli tafsir mengatakan bahawa lafaz-lafaz *al-ma’ruf* dalam ayat tersebut membawa maksud: perkara yang terkenal dalam kalangan manusia daripada adat-adat yang sedia ada. Ayat tersebut Allah SWT

---

<sup>54</sup> Imām Abū Muhammad al-Husayn Ibn Mas’ūd al-Farrā’ al-Baghawi (1986), *Tafsir al- Baghawi*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 224.

tidak menentukan jenis, nilai rezeki dan pakaian wajib diberikan oleh seseorang suami kepada isterinya. Oleh sebab itu pemberiannya ditentukan mengikut keadaan setempat dan kemampuan seseorang suami.<sup>55</sup>

- b. Mengikut pendapat Imam al-Kasānī: kadar serta nilai nafkah sememangnya tidak ditentukan di dalam ayat tersebut, lantaran itu, perkara tersebut hendaklah dikembalikan kepada ‘urf dan adat kebiasaan. Sehubungan dengan itu juga beliau menambah lagi, sesiapa yang menentukan nilainya, bermakna ia telah melakukan sesuatu tindakan yang menyalahi nas al-Quran.<sup>56</sup>
- c. Imam al-Rāzī<sup>57</sup> dan al-Nasyābīrī<sup>58</sup> pula berpendapat: berkaitan dengan persoalan nafkah *bil al-ma'ruf* sebagaimana dalam ayat di atas hendaklah ia dikembalikan kepada dua kemungkinan, iaitu  
Pertama : kemungkinan nafkah itu boleh ditentukan.  
Kedua : kadang kala kadar nafkah itu tidak boleh ditentukan sama sekali, kecuali melalui ‘urf.

Penulis berpendapat ayat 233 dari surah al-Baqarah itu lebih jelas untuk dijadikan sebagai sandaran dalil daripada ‘urf. Hal ini tidak ada pertentangan serta perselisihan antara makna *al-ma'rūf*, ‘urf dan adat.<sup>59</sup>

<sup>55</sup> Ibn al-‘Arabī (t.t), *op.cit.*, h. 274.

<sup>56</sup> ‘Ala, al-Dīn Abī Bakr al-Mas’ūd al-Kasānī (1972), *Badā’i’ al-Sanā’i*, J. 5 Kaherah: al-Imān, h. 2214.

<sup>57</sup> Nizām al-Dīn al-Hasan ibn Muhammad ibn Husayni al-Qamū al-Nisabuni, (1962), *Qharā’ib al-Qurān*, c. I, j. 2 Mesir: Mustafa al-Bābī al-Hālabī, h. 279.

<sup>58</sup> Salleh ‘Iwād (1402H), *Athar al-‘Urf fi al-Tasyri’ al-Islamī*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Jāmi’i, h.172.

<sup>59</sup> *Ibid.*

Seterusnya dapat disimpulkan bahawa antara hikmah utama kelonggaran yang telah diberikan oleh Allah kepada suami dalam persoalan nafkah ialah kerana seseorang itu berbeza daripada sudut kejadiannya, kemampuannya serta sumber pendapatan dalam rangka menyara keluarganya.

### 2.5.2 Dalil al-Sunnah

Amalan-amalan yang dilakukan secara *'urf* berlaku secara berleluasa pada zaman awal Islam, sama ada di Mekah ataupun di Madinah.<sup>60</sup> Perkara ini seolah-olah tidak dapat dibendung lagi terutamanya amalan yang berkaitan dengan muamalat dan kehidupan seharian. Pada peringkat awal Rasulullah SAW mengambil sikap lihat dan dengar, tidak terus mengharamkan dan tidak pula menghalalkan apa yang berlaku. Beliau seterusnya memperlakukan atau mendiamkan diri apabila melihat atau ditanya mengenai amalan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat Madinah pada masa itu, kecuali ia jelas bertentangan dengan syariat Islam.<sup>61</sup>

Semua itu menunjukkan *'urf* yang baik merupakan sesuatu perkara yang dituntut atau sekurang-kurangnya harus dilakukan, kerana mustahil bagi rasul mengakui amalan yang mungkar setelah diketahuinya. Sehubungan dengan itu, hujahan *'urf* mengikut al-Sunnah merupakan antara dalil

---

<sup>60</sup>. Muhammad bin Muda ( 2004), *op.cit.*, h. 65.

<sup>61</sup>. *Ibid.*

sandaran utama sebagai sumber kedua, khasnya ia bertindak sebagai penyokong dalil al-Quran, terdapat beberapa hadith yang menunjukkan dalil harus beramal dengan *'urf* dan adat. Antara dalil al-Sunnah yang dikemukakan oleh ulama mujtahid ialah:

a. Sunnah Qawliyah

Antara sunnah Qawliyah yang dijadikan sandaran hujah ialah:

- i. Sabda Rasūlullah SAW daripada Abdullah bin Mas'ūd. Katanya.<sup>62</sup>

ما رأه المسلمون حسناً فهو عند الله حسن

*Maksudnya: "Apa yang dinilai baik oleh kaum muslimin, ia adalah baik di sisi Allah".*

Majoriti ulama berpendapat bahawa hadith daripada Abdullah bin Mas'ūd tersebut bertaraf *mawquf*. Hal tersebut telah dijelaskan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Imām Ahmad di dalam Musnadnya. Kebanyakan Fuqaha telah mengambil hadith itu sebagai dalil untuk menyelesaikan persoalan yang berkaitan dengan *'urf*. Konteks seterusnya, walaupun hadith tersebut bertaraf *mawquf* tetapi ia tidak bertentangan sama sekali dengan akal. Di samping itu juga, banyak masalah fiqh yang dirujuk kepada hadis tersebut dan *'urf* khasnya. Sebagai contoh: penentuan umur baligh, penentuan masa yang paling

---

<sup>62</sup> Ahmad, Musnad al-Mukthirīn min al-Sahabah, Hadis Abddullah ibn Mas'ūd, no. Hadis: 3418.

pendek dan paling lama bagi wanita berhaid dan lainnya. Antara ulama yang berpegang kepada hadith ini ialah:

Pertama : Imam al-Suyūti sebagaimana yang dikemukakan di dalam kitabnya; *al-Asybāh wa al-Nazā'ir* yang menyentuh kaedah: Adat dijadikan sebagai rujukan hukum العادة

### مَحْكَمَةٌ<sup>63</sup>

Kedua : Menurut majoriti ulama Hanafi dan Maliki, mereka telah mengambil hadith itu sebagai dalil ketika memperundangkan ‘urf dengan katanya:<sup>64</sup> ‘urf telah menjadi hujah kepada nas berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW .

Ketiga : al-‘Amidī juga ada menyebut: Hadith tersebut mensyaratkan kepada semua umat Islam yang mana pandangan orang ramai merupakan suatu hujah.<sup>65</sup>

Keempat: Muhammad Abū al-Zahrah dan Yūsuf al-Qāsim menyatakan kebanyakan fuqaha daripada semua mazhab menyandarkan hadis tersebut sebagai sandaran utama,

<sup>63</sup> Jalāl al-Din bin ‘Abd al-Rahman bin Abū Bakr al-Suyūti, (1993), *Al-Ashbah wa al-Nazā'ir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 182.

<sup>64</sup> Muhammad Abū Zahrah, (t.t), *Usūl al-Fiqh, Kaherah*: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 216.

<sup>65</sup> ‘Ali bin Muhammad al-Āmidī (1968), *al-Ahkām fi Usūl al-Ahkām*, j. 3. Kaherah: Matba’ah Muhammad ‘Ali Sabih, h. 202. dan 203; Ibn Hazm, ‘Ali ibn Ahmad ibn Sa’id (1985), *al-Ihkām Fī Usūl al-Ahkām*, j. 6. Beirut: Dār al-kutub al-Ilmiyyah , h. 197.

hanya segelintir ulama dan sebahagian kitab fiqh sahaja yang tidak menyebutnya sebagai dalil.<sup>66</sup>

ii. Berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada 'Aisyah tentang kisah Hindun binti 'Utbah. Hal itu berlaku ketika beliau mengadu kepada Rasulullah tentang kebakhilan Abū Sufyān memberi nafkah harian kepada diri dan ahli keluarganya. Hind mengajukan persoalan tersebut kepada Rasullullah SAW dengan maksudnya: Adakah harus (saya) dirinya mengambil harta Abū Sufyān tanpa pengetahuannya. Rasulullah mengizinkannya serta bersabda:<sup>67</sup>

خذل أنت وبنوك ما يكفيك بالمعروف

*Maksudnya : "Ambillah (daripada harta Abū Sufyān) apa yang memadai untuk belanja diri anak-anak engkau dengan cara yang baik".*

Antara ulama yang berpegang kepada hadith ini ialah:

Pertama : Abu Sunnah berpendapat dalil hadith tersebut lebih jelas berbanding hadith dan dalil pertama, iaitu ia lebih daripada hadis di atas untuk beramal dengan *'urf* dan adat.

<sup>66</sup> Abū Zahrah ( t.t ), *op.cit.*, : Yūsuf Qāsīm (1985) *Usūl al-Ahkām al-Syar 'iyah*. Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 206.

<sup>67</sup> Al- Bukharī, Kitab *al-Buyū*, Bab Man Ajra Amr, al-Amsār...,no. hadis 2059; Muslim Kitab *al-Aqdiyyah*. Bab Syadiyah al-Hind, no. hadis 3233; al-Nazā'ī, Kitab Adāb al-Qudah. Bab Qadā' al-Hākim'Ala al-Ghā'ib ...., no.hadis 5325; Abū Daūd, Kitab al-Buyū; Bab fī al-Rajal ya'khud Haqqahu..., no.hadis 3065.

Hal tersebut kerana hadith ini membuktikan bahawa Rasulullah membenarkan Hindu supaya mengambil harta Abū Sufyān mengikut ‘urf perbelanjaan yang berlaku pada masa itu. Ibn al-Hajar, Ibn al-Munzir, al-Badr al-’Ayni dan al-Nawawi juga sependapat dengan Abu Sunnah dalam penerimaan hadith di atas.<sup>68</sup>

Kedua : Imam al-Bukhārī dalam kitab sahihnya telah meletakkan hadith tersebut di bawah satu bab khusus iaitu;

من أجري امر الامصار على ما يتعارفون

Semua itu menunjukkan bahawa beliau telah mengambil hadith itu sebagai salah satu daripada dalil ‘urf.<sup>69</sup>

Ketiga : al-Badr al-’Ayni dalam menghuraikan terjamahan yang dibuat oleh al-Bukhārī dalam tajuk di atas bermaksud adat manusia yang harus diterima pakai sebagai dalil.<sup>70</sup> Antara ulama hadith yang menyokong pendapat ini ialah al-Syawkānī.<sup>71</sup>

Keempat: Kebanyakan ulama fiqh menyatakan maksud *al-ma’ruf* dalam hadis tersebut ialah sesuatu yang terkenal dalam kalangan masyarakat, seperti mereka telah menetapkan kadar nafkah tidak boleh ditentukan melalui cupak atau

<sup>68</sup> Muhammad bin Muda (2004), *op.cit.*, h. 80.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Muhammad bin Ahmad bin Mūsa Badr al-Dīn al-’Aynī, (t.t), ‘*Umdah al-Qārī*’ *Syarh al-Bukhārī*, j. 12. Mesir: Al-Tibā’ah al-Muniriyah, h. 16.

<sup>71</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syaukānī (1978), *Nayl al-Awtār*, J. 7, Kaherah : Maktabah al-Kulliyat al-Azhariah, h. 131.

lainnya. Berpandukan hadith tersebut, Hindun tidak mempunyai pengetahuan tentang *ma'ruf* yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW . Oleh itu beliau perlu mengambil panduan mengikut keadaan orang ramai.

iii. Hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar:<sup>72</sup>

**الوزن وزن اهل مكة و المكيال اهل المدينة**

*Maksudnya : Berkaitan timbangan berdasarkan timbangan ahli Mekah, dan sukatan berdasarkan sukatan ahli Madinah.*

Berkaitan dengan perkara tersebut, Imam al-'Alā,ī menjelaskan: petunjuk hadith tersebut dibawa dengan lafaz demikian kerana kebiasaan kalangan penduduk Madinah merupakan kalangan pekebun tamar dan bercucuk tanam. Justeru itu diiktibarkan adat kebiasaan mereka dalam kadar dan bentuk sukatan. Sedangkan penduduk Mekah pula adalah kalangan pedagang, lantaran itu diiktibarkan adat kebiasaan mereka ialah sudut timbangan.

Oleh yang demikian hadith tersebut dapat difahami bahawa setiap apa yang dijelaskan melalui nas syarak, sama ada perkara yang berkaitan dengan sesuatu sukatan atau timbangan, hendaklah dirujuk kepada 'urf

---

<sup>72</sup> Abū Daūd, *Kitāb al-Buyū'* Bab fī Qawl al-Nabi'iy: al- Mikyāl al-Madinah, no. Hadis 2899; Al- Nasā'ī, *Kitab al-Zakāh*, Bab Kam al- alai', no. hadis. 2473.

dan adat kebiasaan sesebuah negeri atau kawasan yang mereka laksanakan dalam kalangan mereka.<sup>73</sup>

b. Sunnah Taqrīriyah

Sunnah pengakuan, yang dimaksudkan dengan pengakuan di sini ialah pengakuan secara diam oleh Rasulullah SAW. Mengenai perbuatan orang lain yang diketahuinya. Hal ini sekaligus menjelaskan ‘urf yang baik harus diamalkan kerana mustahil sama sekali baginda merestui sesuatu amalan yang mungkar setelah diketahuinya. Antara contoh ‘urf yang diakui oleh Rasulullah SAW ialah:

i. Jual beli salam, ia merupakan suatu amalan yang tersebar luas sebelum nabi berhijrah ke Madinah, ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ’Abbas<sup>74</sup>:

فَقَدِ الْنَّبِيُّ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يَسْلُفُونَ فِي الثَّمَرِ اسْتَنْتِينَ وَالثَّلَاثَ  
فَقَالَ اسْلَفُوا فِي الثَّمَارِ كَيْلَ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلِ مَعْلُومٍ

*Maksudnya: "Ketika Nabi tiba di Madinah, penduduk di situ (mereka) membayar pajakan atau tempahan buah-*

<sup>73</sup> Ibrāhīm Muhamad Mahmud al-Harīrī (1988), *al-Madkhāl ila al-Qawā'id al-Fiqhiyah al-Kulliyah*, Ammān: Dār Ammār, h. 109 dan 110.

<sup>74</sup> al-Bukhārī, *Kitab al-Salam*, Bab al-Salam fi Ajal māhīm, no. hadis 2079; Muslim, kitab al- Musaqah, Bab al-Salam, no, hadis 3010; al-Tirmīzī, *kitab al-Buyū'*, Bab Mā Ja'a fi al-Salaf fi al-ta'ām...., no. hadis 1232; Abū Daūd, *Kitab al-Buyū'*, Bab fi al-Salaf fi al-Thimār, no. hadis 4537; Ibn Majjah, *kitab al-Tijārat*, Bab al-Salaf fi Kayl Ma'lūm ...., no. hadis 2271.

*buahan untuk tempoh dua atau tiga tahun. Baginda bersabda: pajaklah atau tempahlah buah-buahan itu menurut sukatan dan tempoh tertentu”*

ii. Hadith yang diriwayatkan daripada Jabir yang berkaitan dengan keharusan melakukan 'azal yang juga dikenali secara khusus dengan bab *al-'Azal*<sup>75</sup>:

كُنْ نَعْزَلَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقُرْآنُ يُنَزَّلُ

*Maksudnya : Kami melakukan 'azal (membuang air mani diluar faraj), pada masa Rasulullah SAW, ketika al-Quran masih diwahyukan kepada baginda.*

Kemudian di dalam Sahih Muslim, Jabir meriwayatkan<sup>76</sup>:

كُنْ نَعْزَلَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَلَغَ ذَلِكَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَنْهَا

*Maksudnya : Kami telah melakukan 'azal pada masa Rasulullah SAW, perbuatan tersebut sampai kepada baginda (diketahui), namun baginda tidak menegahnya.*

Untuk menjelaskan hadith tersebut, al-Syawkānī berkata ينزل القرآن ينزل القرآن (al-Quran masih diturunkan) menunjukkan harus mengambil dalil melalui pengakuan daripada Allah dan RasulNya mengenai sesuatu hukum. Namun begitu dengan syarat sesuatu amalan itu diketahui oleh Rasulullah SAW.<sup>77</sup>

<sup>75</sup> Al-Tirmīzī, *Kitab al-Nikāh*, Bab Mā ja'a fī al-'Azal, no. hadis. 1137; al- Bukhārī. *Kitab al- Nikāh*, Bab al-'Azal, no. hadis, 5209; Muslim, *kitab al- Nikah*, Bab Hukm al-'Azal no. hadis 1440; Ibn Majjah, *kitab al- Nikah*, Bab al- 'Azal no. hadis 1927.

<sup>76</sup> Muslim, *kitab al-Nikāh*, Bab al-'Azal, no. Hadis 2610.

<sup>77</sup> al- Syawkānī (1978), *op.cit.*, h. 392.

Sebagai rumusannya, banyak adat dan ‘urf yang diakui oleh baginda Rasulullah SAW. Ketika baginda berhijrah ke Madinah. Antaranya ada yang diserap langsung dalam perundangan Islam tanpa diubah sedikitpun, seperti sistem diyat, al-Qasamah, kufu dalam perkahwinan, mudarabah dan syarikah.<sup>78</sup>

### 2.5.3 Pendapat Sahabat

Selepas wafatnya Rasulullah SAW penurunan wahyu tidak ada lagi namun pada masa yang sama pembukaan negara-negara Islam sedang rancak berlaku, sama ada di sebelah Timur, Barat, Selatan dan Utara. Ekoran daripada pembukaan wilayah yang begitu pesat, meluas serta kemasukan saudara-saudara baru ke dalam agama Islam daripada berbagai-bagai suku bangsa, hal ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah baru. Masalah tersebut kadang kala tidak pernah wujud dan terfikir oleh para sahabat pada masa sebelumnya, manakala al-Quran dan al-Sunnah tidak menyatakan secara jelas mengenai masalah itu. Oleh itu, untuk menyelesaikan sesuatu masalah perlulah diteliti keadaan sesuatu tempat berlakunya sesuatu persoalan, bangsa dan juga perubahan masa, khasnya permasalahan yang berkaitan dengan adat dan ‘urf. Hasilnya terbentuklah fiqh al-Ra’y yang diketuai oleh Umar al-Khatab dan Ibn ’Abbas r.a. Justeru itu, wujudnya sekolah-sekolah al-Ra’y dan al-Hadith di zaman fuqaha merupakan hasil cetusan daripada pendapat

---

<sup>78</sup> Nizam al-Din ’Abd al-Hamid.(1983M / 1404H), *Mafhum al-Fiqh al-Islami wa Tatawwurruhu wa Asalatuhu wa Masa diruhu al-‘Aqliyyah wa al-Naqliyyah*. T.T.P. Mu’assasah al-Risalah. h 142.

kedua-dua sahabat tersebut.<sup>79</sup> Aliran tersebut secara tidak langsungnya menyentuh tentang adat dan ‘urf. Di sini akan dikemukakan beberapa contoh amalan sahabat tentang ‘urf:

a. Keputusan ‘Ali, r.a menyelesaikan perselisihan yang berlaku antara suami isteri tentang peralatan rumah. Beliau telah memutuskan semua peralatan yang dikhkususkan kepada lelaki untuk kaum lelaki dan semua peralatan yang dikhkususkan untuk perempuan kepunyaan mereka.<sup>80</sup> Untuk membuat keputusan tersebut, ‘Ali menjatuhkan hukum menyalahi apa yang telah dilakukan terhadap isterinya Fatimah, kerana beliau telah memberikan perisai besi kepada Fatimah, sedangkan peralatan sebegitu adalah khusus untuk lelaki. Semua itu menjelaskan bahawa fatwa yang dibuat oleh beliau itu didasarkan kepada ‘urf dan keadaan tempat berlakunya sesuatu masalah.

Berdasarkan keputusan yang dibuat oleh ‘Ali r.a. itu sebahagian besar ulama mengambilnya sebagai salah satu daripada contoh ‘urf seperti ulama al-Malikiyyah, al-Hanafiah dan al- Hanābilāh. Namun begitu, Imam al-Syafi’ī tidak mengambilnya sebagai contoh ‘urf. Dalam konteks tersebut beliau pernah berkata.. Sekiranya kita menjadikan amalan Sayyidina ‘Ali, ra. tentang pemberian perisai kepada Fatimah

<sup>79</sup> Sallah’ Iwa (1402H), *op.cit.*, h. 585.

<sup>80</sup> Abū Bakr Ahmad Ibn al-Husaynī Ibn ‘Ali al-Bayhaqī, (t.t), *Sunan al-Kubra*, J. 10. al-Majlis Dār’irah al-Ma’rifah al-Nizāmīyyah, h. 269.

sebagai ‘urf, sudah tentu seolah-olah kita membenarkan kaum lelaki menerima peralatan yang tidak dikhkususkan kepada mereka.<sup>81</sup>

- b. Amalan ‘Urwah ibn al-Ja’d. Suatu ketika Rasulullah SAW memberikan kepada beliau satu dinar untuk mendapatkan seekor kambing, namun begitu tanpa mendapat persetujuan daripada Rasulullah terlebih dahulu beliau membeli dua ekor kambing dengan nilai satu dinar tersebut. Kemudiannya beliau menjual salah seekor daripadanya dengan satu dinar juga. Sekembalinya kepada Rasulullah SAW. Beliau menyerahkan satu dinar dan seekor kambing. Baginda hanya berdiam diri dengan tindakan sahabat tersebut, bahkan diriwayatkan baginda telah mendoakan keberkatan untuknya. Mengikut pendapat Ibn Qayyim, beli dan terima dalam kisah tersebut boleh didasarkan kepada ‘urf.<sup>82</sup>
- c. Amalan Bilal Ibn al-Rabah. Bilal telah menambahkan nilai harga unta kepada Jabir bin Abdullah setelah diperintahkan oleh Rasulullah SAW dengan sabda: Wahai Bilal tunaikanlah kepada Jabir dan tambahkan kepadanya.<sup>83</sup> Mengenai kisah ini Bilal telah menambah dengan kadar yang biasa dilakukan oleh orang ramai, iaitu berdasarkan ‘urf. Mengikut sesetengah pendapat ulama juga Nabi tidak menetapkan had penambahan tersebut.

---

<sup>81</sup> Muhammad bin Muda (2004), *op.cit.*, h. 85.

<sup>82</sup> Syam al-Dīn Abū Bakr’Abd Allah Muhammad Ibni Abī Bakr ibn al-Qayyim al-Jawziyah ( t.t ), *I'lām al-Muwaqqi'īn*, j. 2, h. 394.

<sup>83</sup> Imam Ahmad Ibni Muhammmad al-Qastalānī, ( t.t ), *Irsyād al-Sārī li syarh Sahih al-Bukhārī*, Mesir. al-Matba’ah al-Kubra, J. 6, h. 161; Ibni Hajar al- (1997), *al-Fath al-Bārī*, j. 3. Riyādh: : Maktabah Dār al-Salām al- ‘Asqalānī, h. 485.

#### 2.5.4 Pendapat Ulama Mazhab

Ulama bersepakat menjadikan ‘urf sebagai salah satu daripada dalil-dalil untuk menentukan hukum ketika ketidaan nas. Melihat kepada pentingnya penetapan hukum dan perubahannya, ulama fiqh telah berusaha bersunguh-sungguh membuat kajian dan penelitian untuk mengeluarkan hukum yang belum wujud sebelumnya. Antara aspek utama yang dititikberatkan oleh mereka ialah hukum yang berkaitan dengan ‘urf. Sehubungan dengan itu ulama meletakkan ‘urf dalam fatwa-fatwa mereka dan menjadikan salah satu daripada sumber tasyri’ seperti berikut :

a. Imam Abu Hanifah

Imam Abū Hanīfah menganggap ‘urf sebagai sumber perundangan yang sah. Antara kaedah berkaitan dengan yang digunakan oleh beliau ialah

الالمعروف عرفاً كالمشروط شرعاً

*Maksudnya: Apa yang terkenal menurut ‘urf samalah seperti yang disyaratkan dengan sesuatu syarat.*

Lantaran itu, menurut apa yang dijelaskan oleh Dr.’Atiyyah Musyrifah, ulama Mazhab Hanafi juga banyak menggunakan Qiyas dan ‘urf untuk menyelesaikan berbagai masalah hukum<sup>84</sup>.

---

<sup>84</sup> al-Syekh Khalil Muhy al-Din al-Mis (1988), *Mallah Majma’ al-Fiqh al-Islami, Muassasah al-Tiba’ah al-Sahabah*, bil.5.J.4 h. 2947.

Antara fatwa Imam Abū Hanīfah yang berkaitan dengan *'urf* ialah dikira berdosa bagi siapa yang bersumpah secara *itlāq*, tidak akan memakan kepala, jika ia memakan kepala unta, kambing dan lembu. Hal ini berdasarkan kepada kepala-kepala tersebut adalah terkenal serta dijual secara meluas, sama ada secara panggang atau bakar, di kedai-kedai makan. Namun begitu, fatwanya itu menjadi berubah kepada tidak berdosa apabila beliau tidak melihat penduduk-penduduk Kufah tidak lagi memanggang serta tidak menjualnya di kedai-kedai makan.<sup>85</sup>

#### b. Imam Malik

Imam Mālik menerima *'urf* sebagai sumber hukum, seterusnya dinyatakan bahawa beliau merupakan antara imam mazhab yang paling kuat berpegang dengan *'urf*, terutama mengenai *'urf* ahli Madinah. Sehubungan dengan itulah Imam al-Syātibī menjelaskan; antara pendapat Malik Ibn Anas ialah harus meninggalkan dalil untuk mengambil *'urf*.<sup>86</sup> Antara contoh amalan Imam Malik berdasarkan *'urf* ahli Madinah khasnya ialah:

Pertama : Beliau pernah menjawab pertanyaan muridnya tentang perkara yang perlu dilakukan oleh pengantin semasa kenduri kahwin,

---

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> al-Syātibī ( t.t ), *al-I'tisām, Dār al- Ma'rifah*, j. 2. h. 41.

dengan maksudnya: ia hendaklah berdasarkan kepada adat orang tempatan. Jika terdapat adat yang khusus dalam masyarakatnya, hendaklah dilakukan seperti mana yang sedia ada.

Kedua : Beliau juga memberi contoh tentang apa yang berlaku pada kaedah umum dalam jual beli unjuk-mengunjuk, katanya: setiap apa yang dilakukan oleh masyarakat sebagai bentuk jual beli, ia dikira jual beli walau apapun bentuknya.

Ketiga : Ibn al-Kalbī di dalam kitab *al-Bahr al-Muhiṭ* menyebutkan tentang pendirian Imam Malik mengenai *'urf* ketika membahaskan ayat 233 surah al-Baqarah;

وَالْوَلِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوَلَيْنِ كَمِلَيْنِ

Beliau telah mengkhususkan hukum umum dalam ayat tersebut melalui *'urf* iaitu baginya perempuan yang syarifah atau mulia dan terhormat tidak perlu menyusukan anak.<sup>87</sup>

c. Imam al-Syafi'i

Beliau tidak menyatakan secara jelas tentang penerimaan *'urf* dalam pembinaan hukum. Berkaitan dengan perkara itu, ia dapat difahami melalui kitab *al-Risalah*. Biarpun Imam al- syafi'i tidak mengambil *'urf* sebagai sumber hukum secara jelas, akan tetapi dari sudut hakikat dan secara tidak langsung sebenarnya beliau juga menerima

---

<sup>87</sup> Ibn al-'Arabī (t.t), *op.cit.*, h. 2275.

‘urf, dalam sebahagian amalannya. Hal itu dapat dibuktikan menerusi perubahan hukum yang digubal oleh beliau terhadap *Qaul Qādim* kepada *Qaul Jadīd*. Perubahan tersebut dibuat berdasarkan perubahan masa dan tempat berlakunya sesuatu masalah.

Hal itu kerana ‘urf yang diamalkan oleh masyarakat Mesir berbeza dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat di Baghdad.<sup>88</sup> Antara contoh amalan ‘urf yang digunakan oleh Imam al-Syāfi’ī dalam menetapkan hukum ialah: beliau pernah menetapkan nafkah terhadap isteri berdasarkan ‘urf, khususnya dalam masalah makan, minum dan pakaian. Untuk itu, beliau telah menentukan nafkah makanan hendaklah diberi kepada isteri mengikut kemampuan seseorang dan ‘urf setempat.<sup>89</sup>

d. Imam Ahmad bin Hambal

Dari sudut teorinya Imam Ahmad tidak menerima ‘urf sebagai sumber hukum. Hal ini disebabkan beliau banyak berpegang kepada Nas. Walau bagaimanapun dari sudut praktiknya, beliau juga tidak dapat lari daripada menerima ‘urf ketika menetapkan sesuatu hukum apabila sesuatu masalah tidak dijumpai nas yang jelas menyebutkan

---

<sup>88</sup> ‘Abd al-Wahāb Khallāf (1978), ‘Ilmu Usūl al-Fiqh, c. 12. Kuwait: Dār al-Qalam, h. 90.

<sup>89</sup> Qalyūbī dan ‘Umayrah, Syihāb al-Dīn Ahmad Ibn Ahmad (t.t), *Hāsyiah ‘Alā Syarh al-‘Allahamah Jalāl al-Dīn al-Mahallī ‘Alā Min Hāj al-Tālībī li Muhy al-Dīn al-Nawawī*, Kaherah: ‘Isa al-Bābī al-Halabī, J. 4, h. 72 dan 73.

persoalan yang sedang diperbincangkan. Antara bukti Imam Ahmad beramal dengan ‘urf ialah:

Pertama : Penjelasan yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyah tentang pendirian Imam Ahmad yang menyokong konsep jual beli unjuk-mengunjuk. Justeru itu ia mengukuhkan pendapat yang mengatakan beliau juga berpegang dengan ‘urf dalam pembinaan hukum.

Kedua : Berkaitan penentuan nama sesuatu urusan, Imam Ahmad berkata; ia boleh dilihat kepada ‘urf dan adat manusia, seperti: nama jual beli, nikah kahwin dan mana-mana nama yang tidak ditentukan oleh Allah.

Ketiga : Masalah yang berkaitan dengan sumpah, seperti; bersumpah tidak makan telur, menurut ‘urf, telur ikan tidak termasuk dalam kategori telur sebagaimana diketahui oleh masyarakat umum.<sup>90</sup>

## 2.6 Syarat penerimaan ‘Urf dan Adat

Supaya tidak berlaku perselisihan terhadap penerimaan ‘urf sebagai salah satu daripada sumber hukum dalam perundangan Islam, para ulama telah

---

<sup>90</sup> Taqiy al-Dīn Abū al-‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim ibn Taymiyah, ( t.t ), *Majmu’ah al- Fatwa*, j. 10. Juz. 20. Riyādh: Dār al-Wafā’, h. 137- 238.

mengemukakan syarat untuk dapat menentukan diterimanya ‘urf antaranya ialah:<sup>91</sup>

- a. ‘urf mestilah diamalkan oleh masyarakat secara luas dan berterusan atau sebagaimana yang disebut dengan istilah muttasi’ atau **انما تعتبر العادة اذا لطردت او غلت** penggunaan yang meluas membawa maksud:” tidak ada perselisihan pendapat daripada kalangan ahli ‘urf, sama ada umum atau khusus, kecuali sedikit sahaja yang tidak mengamalkannya.
- b. ‘urf dan adat itu hendaklah sememangnya telah wujud serta diamalkan ketika diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul, sama ada ‘urf perkataan atau perbuatan oleh yang demikian tidak harus diamalkan ‘urf yang baru diwujudkan setelah berlakunya akad atau keputusan.
- c. ‘urf hendaklah tidak bertentangan dengan syarak. Penggunaan ‘urf tidak boleh dianggap sahih hanya sekadar berpandukan kepada orang ramai yang melakukannya. Sebagai contoh: muamatat riba, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa batasan juga pendedahan aurat dalam kalangan wanita.
- d. ‘urf dan adat tersebut merupakan suatu kemestian dalam sesetengah masyarakat walaupun tidak diamalkan di tempat lain mengikut ‘urf masing-masing, sebagai contoh: ‘urf adat menyambut bulan Ramadan atau yang

---

<sup>91</sup> Mustafa Dī al-Bugha (1993), *Athār al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā fi al- Fiqh al-Islāmī*, Damsyik: Dār al-Qalam, j. 2, h. 280- 281.

dimaksud dengan *megang* di Daerah Tigo Luhah Siulak walaupun di daerah lain di Kerinci orang tidak melaksanakan seperti mana di daerah tersebut.

- e. Tidak berlaku pertentangan sesuatu perkataan atau perbuatan yang nyata menyalahi *'urf*. Justeru itu *'urf* tidak boleh menjadi dasar penentuan hukum apabila kedua-dua pihak yang berakad bersetuju untuk mengetepikan adat yang sedia ada. Keperluan merujuk kepada *'urf* hanyalah ketika kedua-dua pihak yang berakad mendiamkan diri atau terlalu teliti. Ini bermakna kekuatan *'urf* tidak mampu menghalang kelebihan dua orang yang berakad untuk tidak menerima *'urf* yang sedia ada.
- f. *'urf* dan adat adalah umum dalam semua Negara Islam, namun begitu, tentang syariat ini ada sedikit perselisihan dalam kalangan ulama sebahagian daripada ulama al-Syāfi'ī dan ulama Hanafi menerima *'urf* am sebagai syarat penentuan hukum serta menolak *'urf* khas, manakala sebahagian daripada ulama lain seperti ulama Maliki berpendapat, *'urf* am dan khas sama sahaja kedudukannya.

## 2.7 Kaedah fiqh yang utama tentang *'urf*

Antara kaedah fiqh yang penting berkaitan dengan adat dan *'urf* yang dijadikan dasar sandaran dalam penetapan hukum oleh ulama fiqh dan usūl fiqh ialah:

انما تعتبر العادة اذا اطردت او غلت  
2.7.1

*Maksudnya : "Sesungguhnya adat yang boleh diterima apabila ia berlaku secara berterusan atau amalan kebiasaan".<sup>92</sup>*

اتعيين بالعرف كالتعيين بالنص  
2.7.2

*Maksudnya : "Membuat penentuan berdasarkan 'urf. Seperti membuat ketetapan berdasarkan Nas."<sup>93</sup>*

2.7.3 ( العادة محكمة ), Maksudnya: *Adat dijadikan rujukan hukum.*<sup>94</sup>

لا يذكر تغير الحكم بتغير الا زمان  
2.7.4

*Maksudnya: "Tidak dinafikan berlaku perubahan hukum ekoran perubahan masa."*<sup>95</sup>

المعروف بين التجار كالمشروط بينهم  
2.7.5

*Maksudnya : "Sesuatu yang terkenal dalam kalangan peniaga dianggap sebagai syarat dalam kalangan mereka".<sup>96</sup>*

فorum عرفا كالمشروط شرطا  
2.7.6

*Maksudnya: "Menurut 'urf seperti yang disyaratkan dengan syarat".<sup>97</sup>*

استعمال الناس حجة يجب العمل بها  
2.7.7

*Maksudnya: "Amalan dalam kalangan masyarakat dikira suatu hujah yang seharusnya beramal dengannya".<sup>98</sup>*

---

<sup>92</sup> Mustafa Ahmad al- Zarqa (2001), *Syarhal Qawa'idil Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam,h. 233.

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 241.

<sup>94</sup> *Ibid.*, h. 219- 222.

<sup>95</sup> *Ibid.*, h. 228-229.

<sup>96</sup> *Ibid.*, h. 239-240.

<sup>97</sup> *Ibid.*, h. 237-238.

2.7.8

العبرة للغالب السار ئع لالنادر

*Maksudnya: "Apa yang diambil kira ialah yang biasa berlaku secara meluas, bukan yang nadir"*<sup>99</sup>

2.7.9

الحقيقة تترك بدلالة العادة

*Maksudnya: "sesuatu kenyataan ditinggalkan dengan ada petunjuk menurut adat"*<sup>100</sup>

2.8.17.

الممتنع عادة كالممتنع حقيقة

*Maksudnya: "yang tidak dapat berlaku sudut adat seperti tidak dapat berlaku sudut kenyataan".*<sup>101</sup>

---

<sup>98</sup> *Ibid.*, h. 2223.

<sup>99</sup> *Ibid.*, h. 235-236.

<sup>100</sup> *Ibid.*, h. 231-232.

<sup>101</sup> *Ibid.*, h. 225-226.

**BAB KETIGA**  
**SEJARAH PERKEMBANGAN DAN FALSAFAH HUKUM**  
**ADAT TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK**

### 3.1 Pendahuluan

Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah salah satu daripada bahagian negeri di antara negeri-negeri yang terdapat di Kabupaten Kerinci yang mempunyai Hukum Adat yang unik dan berbeza dengan negeri-negeri yang ada di Wilayah Sakti Alam Kerinci, baik dari segi penerapan hukum-hukum adatnya mahupun sistem pemerintahannya, sehingga dikatakan “*beranjung mencin tapian dewek*<sup>102</sup>” yang pada masa sekarang ini masih dipertahankan dan masih diamalkan oleh masyarakat dengan baik, sesuai dengan pepatah adat mengatakan “*tidak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan, yang jika dianggung tidak akan layu dan jika diansak tidak akan mati*”.

Ada beberapa keistimewaan adat dan hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang menyebabkan ianya berbeza dengan adat dan hukum adat negeri - negeri yang lain di Sakti Alam Kerinci. Di antaranya ialah:

- a. Pemberian gelaran, baik Depati mahupun gelaran Ninik Mamak di Wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah kekal melekat pada seseorang sampai dia meninggal dunia, jika tidak ada sebab-sebab yang mustahak untuk harus dipindahkan kepada orang lain, dan pemindahan gelaran ini tidak kepada

---

<sup>102</sup> Haji Qadri Gelar Dpt Intan Tengah Padang (1993), *Tambo Sejarah Sakti Alam kerinci*, T.P, h. 83

sembarang orang dan ini harus dipegang oleh waris yang mempunyai pertalian gelaran tersebut terutama sekali kepada kemenakannya yang terpilih yang dapat mengangkat darjah dan martabat dari gelaran tersebut<sup>103</sup>, dan hal ini dikatakan oleh pepatah adat lama iaitu :

*Anak merbah turun kepada  
Tibo di padi lari kesemak  
Tibo di semak mati lago  
Sejak nenek turun kemamak  
Dari mamak turun kekito  
Waris yang disambut  
Walipah yang dijunjung  
Umanah yang diturut  
Buruk lie berganti lie  
Buruk pua jelepung tumbuh  
Hilang cincin permato tumbuh  
Hilang mamak berganti kemenakan<sup>104</sup>*

Sedangkan negeri-negeri yang lain di Alam Kerinci gelaran sko tersebut boleh dipegang oleh sesiapa sahaja yang dianggap patut oleh masyarakat dan gelaran tersebut tidaklah kekal pada seseorang dalam pengertian sama dengan sistem pemerintahan biasa, mungkin dia memangku jawatan lima tahun, mungkin ada yang tiga tahun, setelah itu diserahkan pada yang lain lagi.

- b. Dari segi sejarah berdirinya hanya Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sahaja yang ada mempunyai Gelaran Depati Intan, daerah-daerah lain hanya setakat bergelar Depati sahaja. Dan para depati yang ada di Alam Kerinci piagam kepangkatan ini berdasarkan perintah dari Raja Jambi atau melalui perantaraan, akan tetapi Depati yang berada di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak piagam

---

<sup>103</sup> Haji Qadri dan dr. H. Nasrul Qadir (1994), *Hukum Adat Sakti Alam Kerinci, Suatu Pedoman dan Ico Pakai di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.*: T.P, h . 61

<sup>104</sup> *Ibid.*

- dari Raja itu dijemput sendiri dalam pengertian piagam tersebut diminta kepada Raja<sup>105</sup>
- c. Negeri-negeri yang lain dari Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak Hukum Adat mereka tidak murni lagi kerana banyak yang dicampur adukkan dengan hukum pemerintahan negara dan tidak dipisahkan antara bahagian hukum adat dan bahagian hukum negara atau undang-undang negara Indonesia.
  - d. Keistimewaan Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak juga diberi kuasa oleh Raja Jambi pada zaman dahulu untuk memberi gelaran atau mengangkat sko kepada seseorang yang sesuai dengan keperluan Wilayah dan perkembangan saudara mara, atau perkembangan penduduk. Asalkan mempunyai pertalian persaudaraan dalam erti mempunyai waris keturunan adat yang sama. Negeri-negeri yang lain tidak mendapatkan jaminan seperti hal tersebut.<sup>106</sup>

### 3.2 Sejarah lahirnya Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak

Sejarah perkembangan Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, pada mulanya sama dengan perkembangan Depati Rikno Intan Kumbalo Sembah Raja yang memerintah daerah Tiga Luhah Semurup yang mempunyai tanah ulayat Hilir muara Sekungkung Mati dan mudik Danau Bento Gunung Berapi<sup>107</sup> pada masa ini masih di bawah kekuasaan Depati IV Delapan helai kain yang berpusat di Sandarang Agung, yang diperintah oleh Depati Batu Hampar. Pemerintahan ini dinamakan dengan

<sup>105</sup> Iskandar Zakaria (1984), *Tambo Sakti Alam Kerinci, Jilid III*. Jakarta: Departemen P dan K Proyek Penerbitan Buku karya “Sastera Indonesia dan Daerah, h. 24

<sup>106</sup> Arisman Gelar Depati Amarajo, tokoh adat ( temu bual, 21 Februari 2005. di rumah beliau di Perumahann guru SD. Mukai Pintu.)

<sup>107</sup> Haji Qadri (1994), *op.cit.*, h . 28.

pemerintahan Adat yang telah berdiri beratus-ratus tahun lamanya di Alam Kerinci.<sup>108</sup> Sedangkan siapa pendirinya dan bila berdirinya masih belum dikenal pasti dan kebanyakan para ahli memperkirakan sahaja tentang waktu tersebut<sup>109</sup>. Akan tetapi disebabkan oleh faktor alam dan perkembangan manusia yang semakin hari semakin meningkat, zaman pun berubah sesuai dengan perkembangan pola fikir dari manusia yang berada dalam lingkungan daerah tersebut.

Begitu pula halnya dengan Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang mempunyai sejarah tersendiri tentang berdirinya di Sakti Alam Kerinci, yang mempunyai falsafah beranjung mencin (lain) tapian dewek (sendiri) yang jauh Raja akan Ganti Raja Parak Raja Kebayeng Raja. Proses awal berdirinya Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, tidak terlepas daripada sejarah Depati Rikno Intan Kum balo Sembah Rajo dan Rajo simpan Bumi Tuwo Suto manggalo. Nenek Manti Hulu Balang yang bergelar Depati Rikno Intan Kumbalo Sembah Rajo, beliau ini berasal dari daerah Semurup yang berkahwin dengan Sari Intan Nyato dari Kampung Dalam Siulak Mukai anak kepada Toindah dengan suaminya Depati Ambarajo. Yang pergi bertedo (menghadap) Raja Jambi berdua dengan ninik Ajo Dubalang dari Siulak Gedang, dengan mempersembahkan bajang harimau bertali suto kehadapan Raja. Kemudian Raja Jambi telah memberikan kepada mereka berdua ini Gelar dan piagam pangkatan mereka iaitu:

1. Depati Rikno Intan Kumbalo Sembah Rajo.

---

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> Iskandar Zakaria (1984), *op.cit.*, h. 54.

## 2. Depati Mangku Bumi Tuo Suto Manggalo.<sup>110</sup>

Akan tetapi disebabkan Ninik Sigado Dubalang ini berasal dari Semurup, maka waktu mereka pulang dari daerah Jambi, mahu tidak mahu mereka ini harus singgah di Semurup di rumah anak batino beliau, sebelum pulang ke Siulak Mukai. Cop Piagam pangkatan mereka dari Raja Jambi diletakkan di dalam buluh serik, dikuatir kena rompak orang waktu akan pulang ke Kerinci. Sesampainya di rumah anak batino beliau di Semurup, mereka dijemput untuk makan di tempat, sedangkan tongkat buluh serik yang berisikan Cop Piagam dari Raja Jambi disandarkan di rumah bagian luar (ruang bilik tamu) tempat di belakang pintu.

Sewaktu mereka berdua ini sedang asyik makan sambil menceritakan pengalaman-pengalaman mereka selama dalam perjalanan pulang dan pergi dari Kerinci sampai ke Jambi, oleh kemenakan daripada Manti Hulubalang kerana keingintahunya terhadap tongkat buluh serik yang diletakkan di belakang pintu oleh mamaknya, maka dipeganglah tongkat tersebut kemudian diperiksa dan diteliti dengan baik, setelah dia mengetahui dan melihat bahawa tongkat tersebut ada mempunyai sumbu (penutup) dari kayu. Maka dia berkeinginan untuk membuka sumbat atau penutup daripada tongkat buluh serik tersebut. Oleh sebab dia tidak puas hati maka sumbu kayu tersebut dicabutnya dari buluh tersebut, kemudian dia melihat ada sebuah kertas di dalamnya. Setelah dibaca dan difahami maksudnya, maka dengan spontan sahaja tongkat buluh serik yang berisikan kertas cop piagam daripada Raja Jambi tadi, secara langsung dinaikkan ke atas bumbung rumah dan semua orang

---

<sup>110</sup> Haji Qadri (1993), *op.cit.*, h. .30

menari-nari keriangan (gembira) dengan ucapan dan puji-pujian serta sanjungan dengan mengatakan anak lelaki mereka telah mendapatkan cop pusaka daripada Raja Jambi untuk mereka, mereka tersilap bahawa cop pusaka tersebut bukanlah untuk mereka melainkan untuk dibawa pulang ke daerah Siulak Tanah Sekudung.<sup>111</sup>

Pada mereka ini cop piagam dari Raja Jambi tersebut tidak mahu dikembalikan kepada mereka berdua tadi untuk diteruskan pulang ke Siulak, kedua-dua cop piagam tersebut dirampas, sehingga menimbulkan kemarahan di hati orang-orang Siulak Tanah Sekudung, kemudian menjadi punca terjadinya perang saudara antara daerah Siulak dengan daerah Semurup pada masa itu, ekoran daripada perbalahan ini pisang berbuah menghadap daerah Semurup ikut terbabas, ayam berkokok menghadap daerah Semurup pun harus dibunuh begitulah dendamnya dan panasnya situasi pada masa ini dan perang ini sampai sekarang tetap menjadi ingatan dan telah dimaktubkan di dalam pepatah Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang berbunyi “*Tinggan Awang ngalabo tudung ngapuk, lubuk sikijeng tudung hanyut, laut ampo padang berparit, muaro ayir Siulak kecil serigi nambak*”. Oleh sebab peristiwa perebutan cop piagam tersebut ekorannya orang sumando ditolak balik ke Semurup.<sup>112</sup> Berita perang ini sampai didengar oleh Raja Jambi pada waktu itu, maka beliau mengutus wakilnya yakni Depati Karto Nagoro ke Kerinci untuk mendamaikan rusuhan tersebut, serta meletakkan perbatasan pada kedua-dua daerah ini dengan menjadikan kubur nenek Jadun menjadi lantak tunggun buruan di hilir jung panjang di mudik beso dirajo. Batas sebelah barat dari tempat nenek

---

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> *Ibid.*

Jadun dihilir jung kejinak belah mudik sirajo pandak, Gao gedang, Guguk Tungku Tiga menjadi lantak. Ke atas bukit Cementah terus di Koto Limau Sering.<sup>113</sup>

Terjun ke barung Telang Terentak terus ke Sako Kecil. Batas sebelah timur dari tempat nenek Jadun ke batang air Tanah Ungguk melintang, Aro Tinggi menempuh bukit Saung Harimau, lalu di kaki Gunung Bujang ulu air pendung, sungai tanjung Gajah mati, lalu kelubuk Samo Angkah, terus ke lubuk Gemulun, batang Sungai Rumpun, tertumbuk ke Gunung Tengah Renah. Inilah perbatasan Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dengan Depati Tiga Luhah Semurup<sup>114</sup>

### 3.3 Perpisahan antara Siulak dengan Semurup

Setelah berdirinya Tiga Luhah Tanah sekudung siulak, dan dengan dirasmikannya Cop Piagam tanah ulayat Depati Intan Kumbalo Bumi, hilir Aro tebing Tinggi, mudik Ladeh Gunung Berapi, maka teringatlah oleh Pengeraan Temenggong bahawa tanah ulayat Depati Intan Kumbalo Bumi sudah dilingdungi oleh cop piagam belang, hilir muara sekungkung mati mudik Danau Bento gunung berapi. Maka beliau pada masa ini juga mengirimkan utusannya ke Kerinci yakni Depati Kertonegoro lengkap dengan pengiringnya selaku wakil daripada Raja Jambi dan sesampainya rombongan di Kerinci menginap di rumah Gedang Depati Intan Mukai Mudik<sup>115</sup>.

---

<sup>113</sup> *Ibid.*

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> *Ibid.*

Kemudian pada hari yang telah ditentukan, seluruh utusan ini berangkat menuju balai kemendapoan Semurup untuk menghadiri pertemuan dan perpisahan antara Semurup dengan Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Pada hari tersebut turut hadir ialah orang-orang yang berkelayakan dari daerah Semurup. Dalam pertemuan ini juga diperjelaskan bahawa tanah ulayat cop piagam belang, Depati Rikno Intan ilir muaro Sekungkung Mati, mudik ladeh bento Gunung Berapi yang berada dalam lingkungan cop piagam belang Depati Rikno Intan Kumbalo Sembah Rajo<sup>116</sup>.

Berdasarkan perintah dari Raja Jambi melalui utusan beliau digabungkan tanah ulayatnya, dikerat batang airnya dibahagikan anak sungainya, utan selidih dibelah dua. Tiga Luhah balik ke Siulak dan Tiga Luhah Tinggal di Semurup, Depati Intan Balik ke Siulak Depati Kumbalo Sembah tinggal di Semurup. Seri berjabat tangan antara Siulak dengan Semurup di hadapan Depati Karto Nagoro wakil dari Raja Jambi.<sup>117</sup>

Dan pada hari ini juga anak daripada Nenek Sari Intan nyato dengan suaminya Manti Dubalang yang berasal dari Semurup bernama Ajo Dubalang larik kampung Dalam, dinobatkan untuk memangku gelaran Depati Intan Kumbalo Seri. Ertinya seri berjabat tangan antara kemenakan dengan mamaknya, rantau jauh dikarana rantau dekat diulangi antara kedua belah pihak tidak boleh lagi bermusuhan di hadapan mendapo Tiga dimudik dan Tiga Luhah Tanah Sekudung.

---

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> *Ibid.*

### 3.4 Sistem Pemerintahan Adat Tiga Luhah

Sebagaimana telah termaktub dalam pepatah adat, Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Jauh raja akan ganti raja parak raja kebayeng raja,kemudian ditegaskan oleh *dismelayunya* ( istilah siulak ):

*“Menembak sambil kehulu  
kenai ular katak Tiga,  
luak diberi berpenghulu  
kampung bertuo alam berajo,”<sup>118</sup>*

Di dalam *luak* ini penghululah yang memerintah dan wajib mencari penyelesaian tiap-tiap perkara, dan dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, yang beranjung *mencin* dan *bertapian dewek*, yang dikatakan dengan rajo itu anggota-anggotanya terdiri daripada :

Depati Intan Kumbalo Bumi	:	Ketua
Depati Mangku Bumi Kulit Putih	:	Sekretaris
Rajo Simpan Bumi	:	Bendahari
Depati Sengado	:	Badan Perbekalan
Depati Penduko Rajo	:	Keamanan <sup>119</sup>

Para Depati ini mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing yang telah disepakati, sesuai dengan kedudukan depati-depati itu sendiri.

#### 3.4.1 Depati Intan

---

<sup>118</sup> Hj.Qadri Gelar Ajo Likou (1985), *Undang -Undang Adat Yang Terpakai Dalam Depati Tiga Luhah Siulak Kecamatan Gunung Kerinci*, T.P, h. 47.

<sup>119</sup> *Ibid.*

Depati intan dalam rangka memajukan kemakmuran masyarakat dan merancang serta mengarahkan anak buah anak kemenakannya di dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung, mempunyai tugas dan tanggungjawab persendirian yang harus dilaksanakan dan tidak boleh diberikan kepada orang lain untuk menyelesaikannya. Sebagaimana telah tertulis di dalam falsafah adat yang telah berurat dan berakar dari nenek moyang yakni:

*Depati intan yang memegangkan pangcung sulo dendo sti, pukat yang panjang, ambang yang lebar, yang memegangkan genting putuh. Liang tebuk dan jatah jati rupo pirak indah tari mentiko, puyuh yang panjang dengut, ketitir yang panjang rantau. Yang mengetahui orang yuk orang timpang, orang sibut beralih muka dan mengetahui pisang tua keladi berisi, tebu yang melingkar urat, pisang masak digoyang-goyang. Muntin beras mendap ke dalam muntin padi tidak berjudu, bawang, kulit manis, dasun,*<sup>120</sup>

- a. Pancung *sula* denda *sti*, pukat yang panjang, ambang yang lebar, genting putus biang tebuk: ertinya setiap keputusan mesyuarat yang diambil untuk memberikan hukuman atau denda terhadap masyarakat atau individu harus melalui persetujuan dia apakah hukuman atau denda diteruskan atau dibatalkan.<sup>121</sup>
- b. Jatah jati rupa, perak indah tari mentiko ertinya pembayaran penebusan kesalahan seseorang warga masyarakat yang berupa emas atau perak.
- c. Puyuh panjang dengut, ketitir panjang rantau ertinya penunggakan dari seseorang yang mempunyai pelbagai alasan dan berbelit lidah. Demi untuk kemajuan masyarakat Tiga Luhah orang ini harus dihadapkan kepada Depati Intan untuk disoal siasat.

---

<sup>120</sup> *Ibid.*

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 54.

- d. Orang yuk orang timpang, orang sibut beralih muka ertinya: penjahat/ penjenayah yang berlindung di dalam negeri atau pelarian dari negeri lain, masuk secara sembunyi-sembunyi.. Kemudian hendak menjadi penduduk asli/ tempatan dengan cara mengganti nama aslinya dengan nama lain agar tidak dikenali orang<sup>122</sup>.
- e. Pisang tua keladi berisi ertinya gadis-gadis yang hamil tanpa bernikah kahwin terlebih dahulu atau penzinaan
- f. Pisang masak digoyang-goyang ertinya gadis yang dihamilkkan oleh saudara mara sendiri (berzina).
- g. Tebu yang melingkar urat ertinya seorang bapa berzina dengan anak kandungnya sendiri
- h. Bunting breh (beras) mendap ke dalam, munting padi tidak berjudu ertinya seorang janda yang hamil, tidak diketahui orang yang menghamilkannya dan tidak boleh ditunjuk orang perseorangan yang telah menghamilkannya.
- i. Bawang, dasun, kulit manis ertinya seluruh rakyatnya, jika menimbulkan pelanggaran atau kesalan yang mengganggu keamanan masyarakat atau individu, kesalahan besar atau kecil, diketahui dan dapat diberkas oleh para pemangku yang enam dan permanti yang lapan. Orang ini diberikan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya dengan memukul *tabuh larangan*, yang dinamakan dengan tabuh orang panjing, *tabuh* ini memberikan

---

<sup>122</sup> *Ibid.*

isyarat untuk mengumpulkan anggota sidang Tiga Luhah purbo kalo empat.<sup>123</sup>

### 3.4.2 Depati Mangku Bumi Kulit Putih

Depati Mangku Bumi Kulit Putih dalam menjalankan tugasnya dimasyarakat Tiga Luhah dianggap sebagai setiausaha yang menguruskan masalah kesetiausahaan dan di samping tugas utama ini, beliau juga mempunyai tugas lain iaitu mengetuai, penagihan cukai di dalam wilayah adat Tiga Luhah. Hal ini telah terpatri dalam falsafah adat Tiga Luhah yakni:

*Depati Mangku Bumi Kulit Putih Sebo dirajo, yang memegangkan kait yang tidak sekah, yang memegangkan hutan tanah, rimbo mendawo, yang keayir babungo air, kedarat berbungo kayu kesawah / ladang berbungo empin menerima bayarancukai daripada petugas-petugas di dalam wilayah Tanah Sekudung Siulak, serta membawanya kepada mempuhuk Tiga Luhah<sup>124</sup>*

Ertinya: Depati menerima bayaran cukai dari petugas-petugas yang telah dilantik dalam wilayah Tanah Sekudung Siulak untuk diteruskan kepada simpanan negeri (mempuhuk). Dan jika masyakat membutuhkannya simpanan tersebut boleh diambil bila-bila masa.<sup>125</sup>

---

<sup>123</sup> *Ibid.*, h. 55.

<sup>124</sup> Haji Qadri Gelar Depati Intan Tengah Padang (1993), *op.cit.*, h. 84

<sup>125</sup> Haji Qadri Gelar Rajo likou (1993) *op.cit.*, h . 48

### 3.4.3 Rajo Simpan Bumi

Rajo Simpan Bumi dalam tugasnya melayani warga masyarakat di dalam wilayah kerajaannya iaitu daerah Siulak Panjangdan merangkap sebagai bendahari Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Semua hasil bayaran cukai yang telah dikumpulkan oleh Depati Mangku Bumi bersama petugas lain. Maka disimpan oleh Rajo Simpan Bumi sebagai bendahari yang tetap. Dia bertanggungjawab semua keperluan daripada kegiatan yang telah diperuntukkan oleh Depati-depati di dalam wilayah Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung. Sebagaimana disebutkan oleh pepatah adat:

*“ Yang memegang cermin yang tidak kabur,  
lantak yang tidak guyih,  
yang memegangkan mempuhuk Tiga Luhah,  
tempat menyimpan Mas manah  
dari seluruh Wilayah tanah Sekudung  
yang dipungut oleh pemangku yang berenam  
permanti yang delapan  
atas arahan Depati mangku Bumi”<sup>126</sup>*

Rajo Simpan Bumi juga bertugas memperhatikan semua keperluan dari wilayah Tanah Sekudung dan membahagikan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh daerah-daerah pada umumnya. Sumber-sumber *Mas manah* ini adalah diambil daripada:

- a. Dari wang sidang antara pendakwa dan yang didakwa menurut tingkatan tiap-tiap sidang dilaksanakan.
- b. Daripada denda bagi semua kesalahan yang dilakukan oleh rakyat yang berada dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung

---

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 49.

- c. Daripada hasil jual beli tanah sawah/ ladang, yang dinamakan dengan mas peluncur (wang pelicin) kerana tanah itu beribu bapa rumah bertiang bertungganai.
- d. Dari hasil *cabut unja gantung kemudi* yakni sewa menyewa seperti sewa pasar, sewa gerai, sewa pelabuhan, sewa pelayaran, kerana luak berpenghulu, kampung bertua alam beraja.
- e. Dari pengisi (iuran) ajun arah, lantak bertukun tali dihela, ukuran sempadan tanah. Jangka besar, jangka kecil jangka menengah. Wang penukun lantak ini dinamakan dengan mas sekundi.

§ yang dimaksudkan dengan jangka kecil adalah ukuran lebar dua x 7 depa sedangkan panjangnya 100 depa. Masnya Rp.6 wang lama  
§ jangka menengah lebar dua x 9 depa dan panjangnya 100 depa.  
Masnya Rp.8 wang lama.

§ Jangka gedang lebar dua x 10 depa panjangnya 100 depa wang masnya Rp.10 wang lama. Sedangkan peredaran wang menurut perkembangan semasa. Ukuran daripada 1 depa sama dengan 180 cm. Jangko ertinya ukuran yang telah ditetapkan oleh pemangku adat dalam wilayah Tanah Sekudung Siulak dan dilaksanakan oleh pemangku yang enam dan permanti yang lapan.

- f. Diambilkan daripada mas tahu-tahu / cuco air pengingat daripada orang yang masuk dari negeri lain. Iaitu orang yang masuk dari

daerah lain suami dan isteri sekadar untuk mengaku induk/ mak dan ayah / bapa dihanguskan beras dua puluh kambing seekor.

- g. Daripada Mas jatah Jati Mas ini diambil daripada denda perkahwinan yang tersalah yakni :
- § menikam bumi memecah mata sultan
  - § mencalak telur
  - § menyata raja
  - § mengengang suku
  - § semendo balik menindih ketiduran bapa.

Perkahwinan tersalah ini bukan menurut peraturan agama akan tetapi menurut Adat lama pusaka usang. Denda ini boleh dipungut oleh raja-raja atau Depati-depati mbermula daripada yang kecil sampai kepada yang paling sebesar, kerana persoalan ini termasuk ke dalam cop piagam yang diteah (di atas) yang dinamakan tujuh guling batang, layu pisang layu keladi.<sup>127</sup>

#### 3.4.4. Depati Sengado

Depati Sengado ini menyiapkan semua keperluan yang berkenaan dengan perikanan dan penternakan di dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Oleh sebab beliau inilah yang lebih mengetahui di mana rantau yang panjang, lubuk yang dalam tebat/ kolam yang berisi ikan, yang pantas

---

<sup>127</sup> *Ibid.*

disungkut dengan ambang yang lebar dan dihila dengan pukat yang panjang untuk keperluan Tiga Luhah Tanah Sekudung ertinya mereka yang belum membayar serah jajah ( bayaran cukai) di dalam Tanah Sekudung ini berada dalam pantauan Depati Sengado.

Dan pepatah adat mengatakan bahawa depati Sengado ini orang yang memegangkan cincin cinta ada ertinya apa sahaja yang diperlukan oleh depati dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Untuk keperluan dan kemakmuran rakyat dia siap memberikan bekalan apa sahaja.<sup>128</sup>

#### 3.4.5. Depati Panduko Rajo

Depati panduko rajo ini bertugas menjaga keamanan dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung yang telah dipaterikan dalam falsafah adat Tiga Luhah yakni:

*Depati panduko rajo ini orang yang memegang senjato pandak (pendek) dan senjato panjang, orang yang mengetahui parit yang terhampar, dan ranjau yang lapuk. Di mana jalan musuh masuk dan juga memegang pancung sulo dendo sti di lebuh yang berlarangan. Orang masuk orang keluar di dalam wilayah Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak<sup>129</sup>.*

---

<sup>128</sup> *Ibid.*, h. 48

<sup>129</sup> *Ibid*

### 3.4.6. Tiga Luhah Pemangku yang enam

Dalam rangka menjalankan roda pemerintahannya di wilayah Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak di samping telah dibentuknya mekanisme kerja para depati serta tugas-tugasnya, namun tidak kalah pentingnya kehadiran pemangku yang enam sebagai kerjasama daripada depati-depati yang telah disebutkan di atas. Hal ini disebabkan para depati yang disebutkan di atas tadi dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dianggap Raja duduk di kerajaannya. Dia hanya memberikan perintah dan menerima laporan dari kakitangan kerajaan yang dikenal dengan pemangku yang enam ini. Sebagai pelaksanaan tugas di lapangan. Mereka inilah yang bekerja langsung, apa sahaja keperluan dan perintah yang datang daripada Raja-Raja di atas tadi dengan penuh tanggungjawab terhadap tugas-tugas yang diberikan. Mereka ini terdiri daripada:

§ Temenggong

§ Raja Likou

§ Siraja Tungan

§ Pemangku Raja

§ Datuk Manti

§ Demang.<sup>130</sup>

---

<sup>130</sup> Haji Qadri Gelar Depati Intan Tengah Padang (1993), *op.cit.*, h. 86.

### 3.4.7. Tiga Luhah Permanti Yang lapan.

Sesuai dengan falsafah Adatnya Tiga Luhah Tanah Sekudung *jauh rajo akan ganti raja, dekat raja kebayang raja, beranjung mencin tapian dewek, yang mempunyai adat lain pusaka mencin*. Dengan lain perkataan berbeza dengan negeri yang lain di dalam Alam Kerinci. Dia dapat mengangkat permanti dan pegawainya sesuai dengan kebutuhan wilayahnya, Tanpa perlu memohon restu daripada Raja Jambi. Oleh sebab pemangku yang enam dianggarkan tidak mencukupi untuk menjalankan perintah yang begitu banyak, maka depati-depati yang tersebut di atas menambah pembantu lagi dengan nama permanti yang lapan.

Tugas dan tanggungjawab daripada permanti yang lapan ini hampir sama dengan tugas yang dijalankan oleh pemangku yang enam iaitu sebagai kakitangan depati-depati di dalam wilayah Tiga Luhah Tanah sekudung Siulak untuk meningkatkan kemakmuran rakyat dan melindungi daerah daripada gangguan dan ancaman. Mereka ini terdiri daripada:

- § -Sirajo Tumbuk Keris
- § -Sirajo Pandak
- § -Rajo Indah
- § -Jindah Nyato Depati
- § -Jindah Tuo
- § -Sirajo Tunut Gedang

§ -Datuk Agung Penghulu

§ -Rio Bayan<sup>131</sup>

### 3.5 . Sumber Hukum Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.

Pada dasarnya sumber asli hukum Adat ini adalah berdasarkan pada kebiasaan yang berlaku ditengah-tengah masyarakat. Disebabkan ia telah berakar-umbi di hati masyarakat, maka dengan sendirinya ia selalu diikuti dan dipatuhi, secara turun-temurun. Hal ini disebabkan hukum adat itu sendiri adalah hukum yang tidak tertulis, menurut Van Vollen Hoven bahawa sumber Hukum Adat adalah kebiasaan-kebiasaan dan adat istiadat yang berhubungan dengan tradisi rakyat<sup>132</sup>

Lain halnya menurut Ter Haar sumber Hukum Adat itu adalah kebudayaan tradisional rakyat<sup>133</sup>. Kemudian Djoyo Diguno menyatakan bahawa sumber-sumber hukum adat itu urgensi-urgensi yang langsung timbul sebagai kenyataan kebudayaan orang Indonesia asli, tegasnya sebagai pernyataan rasa keadilannya dalam hubungan pamrih. Dan Supomo pula mengatakan bahawa sumber hukum adat itu adalah perasaan keadilan yang hidup di dalam hati nurani rakyat.<sup>134</sup>

Dari beberapa pendapat para sarjana di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa sumber hukum adat itu adalah suatu kebiasaan adat istiadat yang berlaku ditengah-

---

<sup>131</sup> *Ibid.*

<sup>132</sup> Soerojo Wignjodipoero,SH. (1988), *Pengantar dan Asas-asas Hukum Adat*. Jakarta: CV. Haji Masagung, h. 62

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> *Ibid.*

tengah masyarakat baik yang bersifat tradisional yang telah diterima secara turun-temurun dan yang bersifat urgensi, sebagai pernyataan keadilannya dalam suatu tindakan pamrih, yang tumbuh dari perasaan hati nurani rakyat yang telah begitu lama dan telah berakar umbi dan tetap lestari sampai masa ini.

Akan tetapi menurut persepsi adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah yang diamalkan oleh masyarakat di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sebagaimana dikatakan oleh pepatah adat lama yakni *syarak kembang kemuko berpedomankan pada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah, Qias dan ijma, para ulama dan adat kembang ke belakang berpedomankan kepada yang telah sudah mengambil teladan pada yang baik menurut Ico dengan pakai dengan berpandukan pada;*

1. Hukum Syarak yang terdiri daripada al-Quran, hadith Nabi Muhammad, Qias dan ijma' para ulama.
2. Hukum Bina yakni hukum yang menghendaki adanya saksi-saksi dan keterangan-keterangan dalam penetapan hukum.<sup>135</sup>
3. Hukum Kerenah iaitu si tertuduh hanya dihukum melihat kelakuannya yang biasa dengan tidak mencari penjelasan yang lebih terang misalnya, jika ada orang kehilangan sesuatu barang, sedangkan si A terkenal sebagai pencuri maka dia langsung ditahan dan didakwa, bila dalam pemeriksaan tidak terdapat keterangan yang sah seperti keterangan daripada saksi, ia dihukum juga sebab

---

<sup>135</sup> A.M. Datuk Maruhun Batuah dan D.H. Bagindo Tanameh ( t.t.h ), *Hukum Adat dan Adat Minang Kabau*. Jakarta: Nv. Poesaka Aseli, h. 99.

kecenderungan perasaan hakim kepadanya sebagai seorang yang bersalah melihat kerennahnya selama ini<sup>136</sup>

4. Hukum Ilmu adalah menurut pengetahuan seseorang hakim dan dalam hal ini hakim mestilah seorang ahli yang tahu tentang adat dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam.
5. Akal adalah berdasarkan pada buah fikiran yang bernes dan terang daripada seseorang hakim dan tokoh-tokoh adat.
6. Ijtihad jika tidak terdapat saksi dan keterangan-keterangan yang sah bahawa yang didakwa bersalah maka atas ijtihad bersama-sama pesalah tetap dihukum

<sup>137</sup>.

Kemudian dijelaskan juga bahawa hukum kayu jangan dipakai pantang tinggi hendak menimpa, pantang gedang hendak menghimpit anak dagang akan teraniaya. Hukum besi jangan dipakai mana yang keras memakan kanti (kawan), orang bingung akan terjual. Hukum air jangan dipakai sirung kiyun sirung kemain sawah dan ladang banyak yang rosak, orang miskin akan tertindas.

Yang baik dipakai adalah hukum padi makin berisi makin merunduk makin tahu, makin belajar, segan bergalah hanyut di rantau. Orang tua dihormati, sama sepangkat dihargai, anak-anak dikasihi.<sup>138</sup>

---

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> *Ibid.*

<sup>138</sup> Haji Qadri Depati Intan & dr H. Nasrul Qadir. (1994), *op.cit.*, h. 58

Menurut Dr.Iskandar Zakaria adat ini tidak tertulis akan tetapi tetap dipatuhi oleh masyarakat, apa yang dikatakan dengan sko yang Tiga takah, emas seemas dan yang lainnya tidak satu pun yang tertulis namun ia tetap diikuti dan dipakai serta dipatuhi sampai sekarang.<sup>139</sup> Pepatah adat mengatakan: *turun undang dari minang kabau balik keminang kabau, naik telitih dari Jambi balik ke Jambi*, juga disebut dengan *undang yang bertali galeh, talitih yang bertali semat* atau disebut juga dengan *undang yang bagaleh talitih yang babiduk*. Jadi undang yang turun dari Minangkabau balik ke Minangkabau talitih naik daripada Jambi balik ke Jambi Syarak yang ada di Alam Kerinci sendiri membumbung naik langit tinggal emas seemas yang menjadi Hukum adat di tanah Kerinci.

Walaupun undang balik ke Minangkabau, talitih balik ke Jambi dan Syarak membumbung naik langit, dari tiga adat ini diambil kira oleh orang Kerinci, dijadikan pepatah dan petitih adat di dalam Daerah Kerinci yang berbunyi:

*Lembaga tidak jadi kalau tidak dengan undang  
Undang tidak akan jadi kalau tidak dengan talitih  
Meneliti haruslah menurut adat yaitu Adat yang  
Bersendi kepada Syarak, Syarak bersendi kitabullah itulah  
Hukum adat yang ada di dalam daerah kerinci pada masa ini*<sup>140</sup>

---

<sup>139</sup> Dr.Iskandar Zakaria (1984), *Tambo Sakti Alam Kerinci buku pertama*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta dan Daerah. h. 57.

<sup>140</sup> *Ibid.*, h. 19.

### 3.6 Falsafah Adat Tiga Luhah Tanah sekudung Siulak

Dalam rangka penataan dan pembinaan kehidupan yang lebih baik dan harmoni masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak mempunyai pandangan hidup yang jelas dan mempunyai acuan yang baku yang disebut dengan *Adat lazim*<sup>141</sup> *Pusaka Kawi* yang mesti harus dilaksanakan oleh semua masyarakat di dalam wilayah Tanah Sekudung Siulak. Guna untuk martabat diri yang berbudi dan berakhhlak baik bagi masyarakat dan keluarga mahupun diri sendiri. Sehingga dapat menjadi perilaku yang normatif yang disebut dengan manusia yang beradat dan beradab.

Pandangan hidup masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak bersifat *lazim* dan *kawi* dalam pengertian umum dan abadi atau kekal, hal ini selagi manusia itu ada, adat itu tidak akan hilang dan akan tetap ada. Dan diungkapkan melalui pepatah dan petitih adat yang menyatakan:

“*Tidak lekang kena paneh dan tidak lapuk kena hujan*”. (tidak lekang kerana panas dan tidak lapuk kerana hujan ).

Dasar daripada pandangan hidup masyarakat di dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah asli dari warisan nenek moyang mereka yang harus diamalkan oleh generasi ke generasi dan tidak boleh ditukar begitu sahaja oleh seseorang baik oleh warganya sendiri mahupun oleh orang yang datang kemudian. Dan ini telah dikekalkan melalui pepatah adat yang mengatakan:

---

<sup>141</sup> Haji Qadri & H. dr. Nasrul Qadir (1994), *op.cit.*, h. 8

*Titian tidak boleh diansak oleh orang lalu,  
jalan tidak boleh diansak oleh anak dagang  
masuk kandang kambek harus mengembek,  
masuk kandang kerbau harus menguak,  
dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung  
dimana kayu ara rebah disitu cendawan tumbuh  
dimana tembilang dicacak disitu terman tumbuh,  
tidak boleh bercupak sepanjang betung,  
dan tidak boleh beradat sepanjang jalan<sup>142</sup>.*

Siapa sahaja yang masuk dan berada dalam wilayah tanah ulayat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, mesti ikut peraturan adat dan hukum adat yang telah ada yang diwarisi secara turun temurun. Pandangan hidup masyarakat wilayah Tiga Luhah Sanah Sekudung Siulak dikatakan bersamaan dengan adanya manusia itu sendiri, dan dikatakan Islam itu datang bukan mengubah adat akan tetapi memperbaiki mana-mana pelaksanaan adat itu yang tidak baik di ubah menjadi baik dan tidak mengubah secara total daripada sistem adat itu sendiri. Sebagaimana disebutkan oleh pepatah adat lama mengatakan

*Syarak kembang kemuka berpedomankan  
pada al-Quran dan sunnah Nabi,  
Adat kembang Kebelakang  
berpedomankan pada yang telah sudah  
mengambil contoh pada yang benar,  
mengambil teladan pada yang baik*

(syarak berkembang kehadapan berpandukan kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah, adat berkembang ke belakang berpandukan kepada yang telah sudah/ yang silam mengambil contoh pada yang benar dan mengambil teladan kepada yang baik).<sup>143</sup>

---

<sup>142</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>143</sup> *Ibid.*, h.74.

### 3.6.1 Alam terbentang menjadi guru

Dalam sejarah perkembangan manusia di permukaan bumi ini, mereka berusaha untuk hidup yang lebih baik akan tetapi tingkat pengetahuan mereka berkembang biak secara alamiah menurut apa yang ada namun mereka mempunyai peraturan hidup yang harus dilakukan dan diikuti bersama dalam kelompok masing-masing. Jauh sebelum kedatangan agama pun, baik Budha, Hindu, Islam mereka telah mempunyai cara dan pedoman perilaku yang harus dilaksanakan untuk mengatur hidup mereka secara baik sesuai dengan keadaan alam yang mereka tempati dan keadaan alam ini sangat menentukan perilaku dan watak seseorang,<sup>144</sup> bahkan menurut mereka bahawa adat ini berkembang semenjak Adam, a.s, lahir ke dunia ini adat telah lahir walaupun agama belum disyariatkan sebagaimana dikatakan oleh pepatah adat:

*Rumah bersendi kepada batu  
adat bersendi kepada alur dan patut  
memakai angga dan tangga  
sarta rasa dan perisa.*<sup>145</sup>

(rumah bersendi kepada batu, adat bersendi kepada alur yang patut, mempunyai pedoman yang baik dan berasaskan pada hati dan perasaan).

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>145</sup> Bilarudin. Gelar Ajolikou, Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak temubual, pada 20 Februari 2005.

Berguru kepada alam ini bermakna kita harus berfikir dan mengamati serta merenungkan apa-apa yang telah ada dan ternampak oleh mata kita, untuk dijadikan suatu acuan dan pedoman di dalam hidup dan kehidupan kita sehari-hari baik sebagai individu maupun hidup di tengah-tengah masyarakat, untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan. Oleh itu alam ini bukan sekadar untuk dilihat dan dipelihara sahaja manusia juga harus merenungkan tentang kejadian dan keanehan-keanehan daripada kewujudan alam itu sendiri dan sampai pada titik akhir dan kehilangan benda-benda itu. Dan dikatakan oleh pepatah adat yakni:

*Mengambil tuah pada yang menang  
Mengambil contoh pada yang sudah  
Mengambil teladan pada yang baik  
Alam terkembang menjadi guru<sup>146</sup>*

### 3.6.1.1 Alam itu teratur dan harmoni adanya

Suatu keseimbangan antara yang satu dengan yang lain di dalam unsur-unsur alam yang ada ini yang telah diciptakan oleh Allah SWT, mempunyai kadar dan fungsi yang berlainan. Akan tetapi antara yang satu dengan yang lainnya mempunyai peranan dan keseimbangan, baik dalam menjaga kestabilan maupun dalam menjaga keharmonian.

---

<sup>146</sup> Prof. Mr. M. Nasroen (1971), *Dasar Falsafah Adat Minang Kabau*. Jakarta : Bulan Bintang, h. 37.

Dengan adanya suatu keseimbangan daripada unsur-unsur ini akan terjadinya kerjasama dan perhubungan yang serasi antara satu dengan yang lainnya. Akan tetapi tidak juga saling mengikat diri. Unsur-unsur alam yang ada ini juga saling bertentangan dan berbeza tetapi tidak juga saling melenyapkan. Kemudian dari unsur-unsur alam yang ada ini selalunya berkelompok-kelompok tetapi tidak meleburkan dan menafikan wujud kehadiran antara satu dengan yang lainnya.

Sebaliknya unsur-unsur alam yang ada dan wujud itu berkembang sesuai dengan peredaran masa, putaran waktu. Menurut kadar dan fungsinya serta mempunyai peranan yang penting dalam mewujudkan keharmonian hidup berkelompok

Berpijak daripada falsafah alam ini masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dapat membina dan meningkatkan kemajuan dan kemakmuran masyarakatnya dapat mengambil suatu pengajaran dan iktibar daripada alam yang ada, setiap individu yang ada di dalam masyarakat sama pentingnya walaupun kemampuan dan peranan serta kepakaran yang dimiliki berbeza-beza. Sebagaimana dikatakan oleh pepatah adat lama :

*Yang buta menghemus lesung,  
yang pekak melepas bedil  
Yang lumpuh penunggu rumah  
, yang kuat pembawa beban  
Yang kaya tempat bertenggang,  
yang bodoh disuruh-suruh  
Yang cerdik lawan berunding<sup>147</sup>.*

Keseimbangan antara orang yang besar dan orang kecil, antara yang kuat dengan lemah, dan antara individu-individu yang berbeza mesti ada kekurangan dan kelebihan masing-masing. Yang besar dan kuat jangan sekali-kali memandang sebelah mata dan meremehkan serta merendahkan mereka yang kecil dan lemah. Dan hal ini ditegaskan dengan pepatah adat:

*Gedang jangan nak melanda  
Yang cerdik jangan nak membuang kawan  
Yang gemuk jangan nak membuang lemak,  
jangan tibo dimata dipicingkan  
Tibo diperut dikempiskan  
tibo diduri kasanginjik,  
tibo dipapan kabarantak.<sup>148</sup>*

Setiap individu di dalam masyarakat mendapat penghargaan yang sama di hadapan hukum dan peraturan, ini bermakna adanya kesamaan hak

*tegak sama tinggi,  
duduk sama rendah  
yang kecil tidak disebut namanya  
dan yang besar tidak disebut gelarnya<sup>149</sup>*

---

<sup>147</sup> *Ibid.*, h. 58.

<sup>148</sup> Bilarudin, Gelar Ajo Likou, Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Temubual: pada 11 Februari 2005.

<sup>149</sup> Buya Adnan Depati Intan, Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Temubual, pada 11 Februari 2005.

Dengan adanya pernyataan pepatah ini maka akan lahir satu sikap demokrasi yang tinggi dan harga diri yang dalam serta dapat membangkitkan rasa percaya diri terhadap masing-masing individu yang ada, atas pengakuan kewujudan dirinya dalam mencabar kemajuan zaman yang dilaluinya. *Konsep melawan Dune* (perkembangan semasa) bermakna persaingan hidup untuk mencapai kemuliaan, kenamaan, kepintaran dan kekayaan seperti apa yang dimiliki oleh orang lain, sebagai mana pepatah adat mengatakan:

*manen uhang mitun awak,  
bisa uhang bisa awak,  
nak kayo kimak uhang,  
nak miskin kimak uhang,  
bukan bersuluh batang pisang,  
kita bersuluh mata hari.<sup>150</sup>*

(bagaimana orang begitu juga kita, orang lain boleh kita pun boleh, orang lain boleh kaya kita pun boleh kaya, jika orang lain dapat buat kita juga boleh buat. Kita mempunyai pedoman yang nyata dalam pengertian terlihat oleh mata kita mana yang baik dan mana yang tidak baik)

---

<sup>150</sup> Arisman Dpt Amarajo, Tokoh Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada: 21 Februari 2005.

### 3.6.1.2 Alam itu nyata dan realiti

Tanah Sekudung Siulak melihat alam ini sebagai suatu kenyataan dan bukan khayalan atau angan-angan. Oleh sebab itu, setiap individu mesti dapat menerima kenyataan hidup ini dengan sikap yang realistik dan mengetahui kedudukan dan kemampuan serta posisi masing-masing, dalam mengeratkan hubungan antara satu dengan yang lainnya agar tidak terjadi suatu pertentangan sosial di dalam hidup dan kehidupan sehari-hari. Mereka selalu berpandukan kepada pepatah adat yang berbunyi :

*bayang bayang sepanjang badan  
Menjangkau sepanjang tangan  
Melompat seayun langkah  
Berkato sepanjang akal  
Mengucap ngango dahulu  
Tepuk dado tanyo selero  
Memikul sekutu bahu<sup>151</sup>*

(bayang-bayang sepanjang badan, menjangkau sepanjang tangan melompat seayun langkah, berkata sepanjang akal, fikir dahulu sebelum berbicara, tepuk dada tanya selera, memikul sekutu bahu).

Bayang-bayang sepanjang badan kita, iaitu jangan terlalu panjang bayangan daripada yang asalnya, ini bererti

---

<sup>151</sup> Muhammad Ridin, Tokoh Masyarakat Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung, Temubual, Pada: 25 Februari 2005.

memikirkan sesuatu itu harus sesuai dengan diri kita. Adapun tepuk dada tanya selera ertinya kita harus tahu siapa kita, dari mana asal kita sama ada orang kaya, miskin, pintar, bangsawan atau lain sebagainya. Supaya kita dapat berinteraksi sosial dengan baik pada lingkungan umum dengan siapa sahaja. Apabila kita telah memahami dan mengerti akan kedudukan kita ini, maka tidak akan terjadi kecemburuan sosial dan permusuhan ditengah-tengah masyarakat.

#### 3.6.1.3 Alam ini punya suatu hubungan sebab akibat.

Pandangan dan wawasan hidup masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang diwarisi secara turun temurun daripada nenek moyang mereka, setiap peristiwa dan kejadian yang ada di alam ini tidak lain disebabkan oleh adanya suatu hubungan sebab akibat. Dalam pengertian lain setiap sesuatu peristiwa yang terjadi mesti ada peristiwa atau kejadian dan proses yang mendahuluinya. Perkara lain yang berlaku disebabkan oleh peristiwa tersebut yang disebutkan dengan hukum sebab akibat, hukum alam atau hukum karma. Pengajaran mereka berpandukan pada pepatah adat yang berbunyi:

*Nak lurus rentangkan tali  
Nak mulya tepati janji  
Nak kaya kuat mencari  
Nak cerdik sungguh berguru  
Adat lama jangan dirubah  
Dilebih celaka, dikurangi sia-sia  
Sia-sia hutang tumbuh  
Kurang hasil negeri binasa*<sup>152</sup>

### 3.6.1.4 Alam itu kekal dalam suatu perubahan

Sebagai masyarakat yang berguru kepada alam yang nyata ini, masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak memandang falsafah adat yang berbunyi “*tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan*”. sifat berkekalan ini bukan bererti statik atau kaku, akan tetapi kerana kemampuannya untuk beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang selalu berubah.

Proses penyesuaian diri ini disebutkan dalam pepatah adat “*adat yang berbuhul senta*”. Pada hakikatnya pandangan hidup masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak mengakui bahawa tidak semua dari adat dan istiadat mereka ini telah sempurna. Oleh itu, tidak tertutup kemungkinan untuk terjadinya suatu perubahan dan penyempurnaan, adat adalah suatu pemikiran dan untuk mencapai kesempurnaan ini kita mesti melalui tahap-tahap dan pemeriksaan yang

---

<sup>152</sup> Haji Qadri Gelar Ajo Likou ( 1985 ), *op.cit.*

berterusan dan hal ini dinyatakan di dalam pepatah adat yang mengatakan:

*Fikiran tidak sekali tumbuh  
lapuk lapuk dikajangi  
kumuh-kumuh disesah  
yang elok dipakai, yang buruk dibuang  
ramo-ramo sikumbang jenti  
katib indah lalu berkudo  
hilang bersilih  
buruk berganti  
adat pusako begitu pulo<sup>153</sup>*

Berdasarkan pada pepatah adat di atas maka pembetulan amalan adat berlaku dengan kedatangan agama Islam. Ia berjalan terus tanpa adanya pertentangan yang bererti, sehingga unsur-unsur adat yang bercangahan dengan hukum Islam terus berkurangan, dengan wujudnya perpaduan antara adat dan agama maka dikatakan sebagai; *Kalau tidak beradat tidak punya malu, jika tidak mempunyai malu tanda orang tidak beriman, kalau tidak beriman tentu saja tidak beragama.* Adat mengikuti jalan peraturan agama. Dikatakan oleh pepatah adat Syarak kembang kehadapan berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah Rasullah. Adat kembang kebelakang berdasarkan pada peristiwa yang lalu, adat berasaskan Syarak, Syarak berasaskan kitabullah, dan Syarak yang mengata adat yang memakai.

---

<sup>153</sup> Haji Qadri Depati Intan & dr. H Nasrul Qadir (1994), *op.cit.*, h. 1.

Dari itu, proses perubahan adat tidak mudah dilakukan, hal ini disebabkan adanya prinsip-prinsip dan penataan adat yang begitu kuat yang telah terpasteri dalam kehidupan mereka sebagaimana hadis Melayu mengatakan :

*Anak merbah turun ke padi  
Tibo di padi lari kesemak  
Tibo di semak mati laga  
Sejak Allah turun ke Nabi  
Sejak nenek turun ke mamak  
Dari mamak turun ke kita  
Waris yang disambut  
Walifah yang dijunjung  
Umanah nenek yang diturut  
Buruk lie berganti lie<sup>154</sup>*

### 3.6. 2. Hidup berkelompok dan berkumpulan

Di dalam kehidupan manusia di alam ini mereka tidak dapat melepaskan diri daripada orang lain. Setiap individu yang ada di dalam masyarakat tidak akan mampu hidup sendirian tanpa adanya bantuan daripada orang lain. Inilah pandangan yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, mereka sentiasa berusaha dan bekerja secara berkelompok dan berkumpulan, mereka bekerjasama dengan memegang prinsip setia kawan seperti mana yang dikatakan oleh pepatah adat mereka :

*Seciok bak ayam,  
sedancing bak besi  
Hutang emas sama dibayar  
hutang malu sama dijunjung  
Tuah kata sepakat  
celaka bersilang  
Kehilir sedangkuh dayung*

---

<sup>154</sup> *Ibid.*, h. 3.

*kemudik serentak satang  
Iluk lahak dipelihit,  
iluk kata dimuafakat*<sup>155</sup>.

Dan hal ini boleh dilihat dalam pengamalan hidup sehari-hari; acara turun ke sawah, acara *selang* menuai, selang menyabit, *menyayo* mendirikan rumah, menyelenggarakan perkahwinan, kematian, gotong-royong dan sebagainya. Kerjasama ini berpandukan kepada pepatah adat yang berbunyi:

*Duduk di kampung memaga kampung  
Duduk di dusun memaga dusun  
Duduk di negeri memaga negeri  
Berat sama dipikul  
Ringan sama dijinjing  
Hutang emas sama dibayar  
Hutang malu sama dijunjung  
Kabukit sama didaki  
Kalurah sama dituruni  
Melompat sama patah  
Menyuruk sama bungkuk*<sup>156</sup>

Ia dikuatkan lagi oleh hadis Melayu mengatakan:

*Keluk paku kacang belimbing  
tempurung dilenggang-lenggangkan,  
dibao turun kesuraso  
tanamlah sirih jo uratnya  
anak dipangku kemenakan dibimbang,  
kurung kampung ditenggangkan  
pegang serto dengan adatnya  
jago negeri jangan binaso.*<sup>157</sup>

Hidup berkumpulan dan saling memerlukan tidak bermakna mereka hidup sama rata seperti amalan dalam ajaran Komunisme. Mereka hidup

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, h .24

<sup>156</sup> Muhammad Ridin, Tokoh Masyarakat, Temubual, pada 16 Februari 2005.

<sup>157</sup> Haji Qadri Depati Intan & dr. H. Nasrul Qadir ( 1994 ), *op.cit.*, h. 8

berkumpulan demi menguatkan semangat kekeluargaan dan kebersamaan untuk menumbuhkan kegairahan kerja dan menanamkan prinsip persaudaraan dan kekeluargaan serta saling menjaga hati dan perasaan dan tidak mementingkan diri sendiri.

Dengan tertanamnya sifat kekeluargaan dan persaudaraan yang tinggi, diharapkan semua kegiatan yang besar maupun yang kecil dapat dikerjakan bersama. Inilah maksud daripada pepatah adat:

*hutang emas sama dibayar  
hutang malu sama ditanggung,  
berat sama dipikul  
ringan sama-dijinjing,  
so rek kedua padek  
petunggun jangan dianjak*<sup>158</sup>.

Dan diharapkan tidak terjadi seperti istilah yang terkandung dalam pepatah adat yang berbunyi;

*menuhuk kawan seiring  
menggunting dalam lipatan  
telunjuk lurus kelingking berkait*<sup>159</sup>

### 1.5.3. Hidup berbudi

Budi dan bahasa adalah suatu pencerminan sesuatu masyarakat dan bangsa. Ianya harus ditanam dan dihayati oleh seluruh keluarga dan masyarakat untuk mencapai perimbangan dalam suatu kumpulan demi mencapai

---

<sup>158</sup> Mat Timo, Tokoh Masyarakat dan Pemangku Adat, Temubual di rumah beliau, pada 16 Februari 2005.

<sup>159</sup> Lembaga Adat Propinsi Jambi (2003), *Pokok -Pokok Adat Pucuk Jambi Sembilan Lurah, jilid III, Sastera Adat Jambi*, Jambi: Lembaga Adat Jambi, h. 12.

keharmonian hidup dalam tatanan kehidupan sosial yang diharapkan. Budi dan bahasa juga menunjukkan tingkat kedudukan seseorang, berilmu pengetahuan atau tidaknya seseorang. Hal ini dinyatakan dalam pepatah adat:

*Nan kurik iyolah kundi  
Nan merah iyolah sago  
Nan baik iyolah budi  
Nan indah iyolah bahasa*<sup>160</sup>

Dalam pepatah adat yang lainnya dikatakan yakni:

*Dek ribut rebahlah padi  
Bercupak anak rang candung  
Jiko hidup tidak berbudi  
Duduk tegak kemari canggung*<sup>161</sup>

Dan juga dijelaskan oleh kiasan adat yang berbunyi:

*Sesuai maka terkenak  
Diuji maka disarung  
Kalau tidak pandai berorang banyak  
Diri terbuang di dalam kampung*<sup>162</sup>.

Untuk mengamalkan hidup berbudi, seseorang dilarang berbuat sesuka hati tanpa mematuhi norma-norma yang telah ditetapkan oleh orang tua-tua dahulu. Seperti dikatakan oleh pepatah adat:

*Merkik mendabik dada  
Menghardik menghantam tanah  
Berutang pantang membayei  
Ayam jantam seekor sekandang  
Semah gedang seekor selubuk  
Dikacak betis bak betis  
Dikacak lengan bak lengan  
Beraja di hati bersutan di mata  
Kehendaknya pantang dihambat*<sup>163</sup>

---

<sup>160</sup> Haji Qadri Depati Intan & dr. H. Nasrul Qadir (1994), *op..cit.*

<sup>161</sup> *Ibid.*

<sup>162</sup> *Ibid.*, h.78.

Kemudian ditegaskan dengan pepatah Melayu :

*Koto tuo koto kepayang  
Sepuluh dusun Semurup  
pecah mangkuto tersirak bintang  
jatuh moral seumur hidup  
Orang tidak percaya lagi*<sup>164</sup>

Dan juga pepatah Melayu yang lain :

*Anak ungro tangis berebut  
Anak siamang di atas punggo  
Jangan sangko lama hidup  
Masuk kubur kesudahannya*<sup>165</sup>

### 3.6.4. Tunduk serta patuh kepada peraturan yang ada

Masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sangat menghormati adat istiadat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka dan juga adat istiadat masyarakat lain. Sehingga setiap tingkah laku dan perbuatan masyarakat diukur dengan adat atau norma adat, individu-individu yang ada dalam masyarakat haruslah tunduk dan patuh pada peraturan yang telah ditetapkan demi untuk mencapai kerjasama dan keharmonian hidup agar terjalin interaksi sosial yang baik ditengah-tengah masyarakat. Dan hal ini dikatakan oleh pepatah adat:

*Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung  
Di mana tembilang dicacak di situ terman tumbuh  
Di mana batang terguling di situ cendawan tumbuh  
Di mana negeri ditunggu di situ adat dipakai*

---

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> *Ibid.*

<sup>165</sup> *Ibid.*

*Di sini lembaga ditepati  
Jalan tak boleh diasak oleh orang berladang  
Cupak tak boleh diasak dagang lalu<sup>166</sup>*

Dari pepatah adat di atas dapat dilihat bahawa seseorang warga tidak boleh membuat keputusan secara bersendirian ditengah-tengah masyarakat. mereka harus mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat setempat. Apalagi mereka yang baru masuk ke dalam suatu negeri atau pendatang baru untuk tinggal di negeri tersebut. Mereka harus mengetahui dan mengerti dengan adat istiadat tempat mereka bermastautin, supaya tidak terjadi pertentangan sosial kemasyarakatan. Dan untuk melicinkan segala kegiatan dan urusan pembangunan jika terjadi suatu pertentangan sosial di dalam masyarakat diharapkan seseorang itu tidak menghilangkan falsafah hidup berkeluarga dan prinsip kejiranan supaya tidak menimbulkan tindakan menghakim sendiri dan tunjuk kekuatan serta kekuasaan yang akhirnya mereka yang lemah dan tidak punya kuasa serta kekuatan akan menjadi mangsa dan korban penindasan. Sebagaimana dikatakan oleh kiasan adat:

*Kecik ombak gedang ombak  
Kapal lalu ke muara sakai  
Adat tidak Ugama pun tidak  
Manolah kampung akan selesai*

Dan dalam kiasan adat yang lain dikatakan:

*Temenggung menjemur padi  
Dijemur di dalam perayo  
Adat Tanggung Syarak tak jadi  
Manolah tegak badan kito<sup>167</sup>*

---

<sup>166</sup> *Ibid.*, h. 7

<sup>167</sup> Bilarudin Ajo Likou, Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Temubual, Pada 10 mac 2005.

## BAB KE EMPAT

### KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA ADAT DAN PEMBAHAGIANNYA DI TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK

#### 4.1 Pendahuluan

Yang dimaksudkan dengan kaedah pembahagian harta pusaka adat di sini adalah ketentuan-ketentuan yang mengatur tentang masalah pewarisan menurut adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, yang meliputi sistem pewarisan pusaka, harta pusaka/warisan, sebab-sebab menerima pusaka, ahli waris, sistem dan prosedur pembahagian pusaka, serta penyelesaian sengketa harta pusaka.

Dalam masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, anak perempuan (anak betina) dibebani kewajiban “*Bakembang lapik batungku jarang*” ( berkembang tikar, bertungku jarang ). Ertinya pada bila-bila masa jika ada hal yang mustahak dalam keluarga dan perlu diperbincangkan oleh pihak keluarga-keluarga, maka anak perempuanlah yang menyelenggarakan majlis mesyuarat tersebut baik masalah tempat maupun pembiayaan penyelenggaraannya. Atau apabila terjadi hal-hal musibah yang menimpa keluarga, contohnya, saudara lelaki (anak jantan) ditimpah musibah sehingga dia terpaksa pergi meninggalkan rumah mertuanya/ isterinya, merajuk atau cerai, maka anak batina (perempuan) haruslah bersedia untuk menerima kepulangan saudara lelakinya itu.

Atas pertimbangan inilah, maka dalam pembahagian harta pusaka, ahli waris yang perempuan diberi bahagian yang lebih besar<sup>168</sup>. Hal ini disedari oleh ahli waris lelaki sehingga ia dapat menerimanya dengan rela, sekalipun dia tahu bahawa pewarisan Islam menentukan ahli waris lelaki yang seharusnya mendapat bahagian lebih besar<sup>169</sup>.

#### 4.2 Jenis harta pusaka

Dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, istilah harta pusaka terbahagi kepada beberapa jenis, ia dapat dibezakan mengikut jenisnya, asal-usulnya dan cara ia diperoleh.

4.2.1 Jika dilihat daripada jenisnya, harta pusaka itu ada dua bentuk:

4.2.1.1 Harta berat, dinamakan ia harta berat kerana sifatnya yang berat, ertiya tidak boleh dibawa ke mana-mana pergi, bersifat tetap, tidak bergerak atau berpindah tempat dan merupakan keperluan asas. Jumlahnya tidak banyak dan amat terhad, iaitu tanah sawah, lumbung padi (bilik) dan rumah pusaka.

4.2.1.2. Harta ringan, disebut harta ringan kerana ia mempunyai sifat ringan, ertiya boleh dibawa ke mana-mana atau boleh dipindahkan, merupakan pelengkap (sekunder). Pada masa dahulu harta seperti ini tidak begitu banyak, baik jumlah

---

<sup>168</sup> Prof. DR. Yunasril Ali MA, Dkk ( 2005), *Adat Basendi Sarak Sarak Basendi Kitabullah*, Pemda Kerinci: h. 101.

<sup>169</sup> *Ibid.*

mahupun jenisnya. Tetapi pada masa sekarang ini, baik jumlah mahupun jenisnya sudah banyak sekali. Termasuklah dalam jenis harta ringan ini ialah haiwan ternak, wang ringgit, perkakas usaha, gerai, kebun/ ladang, kenderaan dan lainnya.

Oleh sebab itu, apa yang disebut dengan harta berat, jumlah dan jenisnya sudah amat berkurangan, termasuk harganya, sedangkan harta ringan semakin bertambah dan berkembang.<sup>170</sup>

4.2.2 Jika dilihat daripada asal-usul datangnya, harta pusaka itu dibahagikan kepada empat bahagian.

4.2.2.1 Harta pusaka iaitu harta peninggalan yang berasal daripada nenek moyang terdahulu. Harta pusaka ini ada bermacam jenis, seperti tanah/ sawah, rumah termasuklah rumah gedang (rumah pusaka), “*rumah adat*” tempat penyimpanan benda-benda pusaka seperti keris pusaka, pedang/ kelewang, tombak, catitan-catitan, fail-fail atau tambo-tambo dan sebagainya. Benda-benda pusaka banyak yang hilang diambil oleh kerajaan Belanda dan dibawa ke negara Belanda. Dan ada juga yang tidak berupa benda seperti “*gelaran pusaka*”(gelar sko), Depati Intan, Depati Mangku Bumi, Depati Simpan Bumi, Datuk, Ajo Likou, Jindah dan sebagainya.

---

<sup>170</sup> *Ibid.*

Pada masyarakat di dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak juga mengenal adanya Istilah “*harta pusaka tinggi*” dan “*harta Pusaka rendah*” Namun ia tidak popular seperti di Minangkabau.

- Harta pusaka tinggi adalah harta pusaka yang tidak boleh dibahagi. Harta ini milik bersama dan tidak boleh diperjualbelikan berbeza dengan harta pusaka rendah.<sup>171</sup> Pusaka tinggi ini berupa benda-pusaka, sebuah rumah, sejenjang sawah dan sebidang tanah tempat rumah. Ia berguna apabila terjadi hal-hal yang mustahak dalam sesebuah keluarga. Contohnya seorang lelaki apabila bercerai dengan isterinya, maka dia akan kembali ke rumah pusaka dan mengerjakan sawah padi dan ladang yang menjadi pusaka tinggi itu<sup>172</sup>. Selalunya harta pusaka tinggi ini dikuasai oleh anak perempuan, rumah tersebut didiami, dan sawah dikerjakannya. Apabila suatu masa saudara mara mendapat kesusahan baik saudara lelaki maupun saudara perempuan yang masih satu perut atau satu kalbu, maka yang menguasai harta pusaka tinggi ini wajib membantunya.

---

<sup>171</sup> Iskandar Zakaria (1984), *Tambo Sakti Alam Kerinci, Buku Pertama*; Departemen pendidikan dan Kebudayaan Projek Penerbitan Buku Sastera Indonesia dan Daerah: Jakarta., h. 51.

<sup>172</sup> Bilarudin, Gelar Ajo Likou, Tokoh Adat dan Bendahari Adat Kecamatan Kayu Aro, temubual, pada 21 Februari 2005.

Umpamanya saudara lelakinya sudah 2 tahun berkahwin tetapi belum juga mendapat pekerjaan, maka sawah ladang itulah yang dikerjakannya, selama dia belum mampu untuk mencari pekerjaan lain. Jika ia sudah mampu, mungkin dia sudah dapat membeli sawah dan tanah baru hasil dari kerjanya mengolah tanah pusaka, maka tanah pusaka tinggi itu wajib dikembalikan kepada anak perempuan yang menjadi pemegang harta pusaka tersebut yang juga disebut “*anak betina tempat nasi hangat nasi dingin anak jantan*” (anak perempuan tempat anak lelaki minta air jika panas dan tempat minta nasi jika kelaparan), dia tidak boleh menolak saudara lelakinya yang sedang kesusahan.

- Sedangkan harta pusaka rendah adalah harta yang berasal dari satu atau dua generasi sebelumnya dan pewarisnya masih jelas dan seperut.<sup>173</sup> Ia adalah harta pusaka yang boleh bergilir memakainya atau harta pusaka yang dapat dibahagikan antara ahli waris. Umpamanya; mereka mempunyai beberapa bidang tanah sawah atau beberapa rumah peninggalanorang tua. Jika situasi dan jumlah harta pusaka mencukupi untuk dibahagikan, harta tersebut terus boleh dibahagikan kepada ahli waris yang bersangkutan. Adapun jika keadaan dan jumlah harta pusaka tidak mencukupi untuk dibahagikan secara sama rata, umpama sawah hanya beberapa bidang sahaja, sawah tersebut harus digilirkan pemakaianya. Misalnya tahun ini si A yang

---

<sup>173</sup> Prof. DR. Yunasril Ali Dkk (2005), *Adat Basendi Sarak Sarak Basendi Kitabullah*, TP. h. 105.

mengerjakannya tahun hadapan pula si B dan seterusnya sampai semua mendapat giliran.

Hak keatas ahli waris sama sahaja antara anak lelaki dengan anak perempuan. Jika anak perempuan mendapatkan sejenjang tanah sawah, maka anak lelaki pun mendapat sejenjang tanah sawah. Jadi tiada perbezaan antara anak lelaki dan anak perempuan. Namun demikian ada keputusan lain, umpamanya jika anak perempuan menerima rumah maka anak lelaki akan menerima ladang atau sawah padi. Kerbau mungkin untuk anak lelaki manakala alat perhiasan emas dan lain-lainnya diberikan kepada anak perempuan. Jadi itulah yang dinamakan harta pusaka rendah, semua pihak berhak atas harta tersebut.<sup>174</sup>

Perlu untuk diketahui, bahawa di samping harta pusaka tinggi dan harta pusaka rendah ini ada lagi harta yang namanya *Gelar Pusaka* ia amat menentukan ketertiban daripada suatu suku dan kaum. Iaitu *gelar pusaka* yang diwarisi daripada nenek moyang yang disebutkan dalam pepatah adat “*sko yang tiga takah lembaga yang tiga jiring*” ( Gelaran pusaka yang tiga tingkat, dan lembaga adat yang tiga bahagian).

---

<sup>174</sup> Iskandar Zakaria (1984), *op.cit.*

Sko yang tiga takah / tingkat ini adalah:

- i. Sko Depati / Gelaran Depati, gelaran tertinggi bagi orang yang mempunyai pandangan jauh ke hadapan, pembesar daerah ertinya orang yang berkuasa dalam negeri, yang bersudut empat yang memenggal putus, membunuh mati, memakan habis. Majlis Depati ini memerlukan kerbau seekor dan beras seratus gantang. Tugas Depati adalah memberikan hukuman bagi warga masyarakat yang menyalahi peraturan adat dan menguatkuasakan undang-undang adat yang telah disepakati bersama oleh majlis adat dan keputusannya mutlak.
- ii. Sko Ninik Mamak / Gelaran ninik Mamak, Iaitu orang yang dimuliakan dan dijunjung tinggi titah / perintahnya. Beliau yang menyusun negeri dan memberikan fatwa untuk kemakmuran kaum dan sukunya. Tugasnya ialah menyusun negeri, membuat peraturan undang-undang di dalam negeri di samping memberikan fatwa dan maklumat-maklumat untuk kemakmuran kaum dan sukunya.
- iii. Sko Tengganai yang tinggi dan besar dengan sendirinya, yang mengurus rumah tangga anak betina (saudara perempuan)nya<sup>175</sup> tugasnya adalah sebagai tangan kanan para Depati Ninik Mamak.

---

<sup>175</sup> *Ibid.*, h. 51.

4.2.2.2 Harta bawaan adalah harta yang dibawa oleh seseorang suami ke rumah isterinya<sup>176</sup>. Harta bawaan ini boleh berupa hasil usaha ketika ia masih bujang (harta pembujang), harta pemberian daripada orang tuanya atau hadiah daripada pihak tertentu. Jika terjadi perceraian sama ada cerai hidup atau cerai mati dan jika tidak mempunyai anak maka akan kembali kepada pihak suami<sup>177</sup>

Harta-harta bawaan ini mestilah diberitahu sewaktu dia berkahwin, dan jika terjadi hal yang tidak dikehendaki seperti terjadinya penceraian hidup sedangkan dia tidak mempunyai anak maka harta bawaan ini kembali kepada pihak suami yang membawanya tadi.

4.2.2.3 Harta tepatan iaitu harta yang ditepati pada isterinya sewaktu berkahwin, harta tersebut dapat berupa hasil usaha si isteri ketika dia masih gadis (harta penggadih), harta pusaka, pemberian, mahupun hadiah dan lain-lainnya.<sup>178</sup> Di dalam harta tepatan ini termasuk juga tiga harta lain iaitu harta carian titik peluh perempuan sewaktu anak dara, waktu janda (carian janda), dan juga bahagian yang diperolehnya sewaktu

---

<sup>176</sup> Prof. Dr Yunasril Ali ( 2005 ), *op.cit.*, h. 106.

<sup>177</sup> Muhammad Ridin tokoh Masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Temubual ,pada 23 Februari 2005.

<sup>178</sup> Ibnu Saud, Depati Intan, Ketua Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 25 Mac 2005.

penceraian dengan bekas suaminya. Apabila si perempuan ini meninggal dunia harta ini jatuh kepada anaknya dan jika tidak mempunyai anak harta ini kembali kepada ahli warisnya. Dan jika terjadi penceraian hidup, harta tepatan ini jatuh pada perempuan atau bekas isteri<sup>179</sup>

- 4.2.2.4 Harta carian iaitu harta yang terbentuk dan diperolehi daripada usaha bersama suami isteri selama dalam ikatan perkahwinan.<sup>180</sup> Ianya tidak perlu dipersoalkan apakah si isteri ikut aktif secara langsung ataupun tidak dalam mencari nafkah. Meskipun yang berkerja hanya di pihak suami sahaja, sedangkan pihak isteri tetap tinggal di rumah mengurus anak-anak dan rumah tangga suaminya, namun dia telah dianggap sama-sama berkerja dan hasilnya menjadi harta pencarian bersama.<sup>181</sup> Sedangkan harta yang diperolehi dengan jalan pewarisan tidak termasuk dalam harta sepencarian meskipun diperolehi dalam masa perkahwinan.

Dalam hal suami isteri sama-sama berkerja di institusi kerajaan dan mempunyai penghasilan sendiri, misalnya kedua-duanya adalah pegawai kerajaan, maka harta atau penghasilan mereka berdua menjadi harta pencarian bersama. Jika si suami

---

<sup>179</sup> Dr. Nordin Selat (1984), *Sistem sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Publication. Sdn Bhd, h. 117.

<sup>180</sup> Prof.Dr. Yunasril Ali Dkk (2005), *op.cit.*, h. 105.

<sup>181</sup> *Ibid.*

mempunyai isteri lebih daripada satu orang maka akan terjadi dua macam harta pencarian, iaitu harta pencarian bersama isteri pertama dan harta pencarian bersama isteri kedua dan seterusnya. Pepatah adat mengatakan “**Duo plak duo dihuni**” ertinya dua tempat usaha maka dualah tempat tinggal.

#### 4.3 Sistem pembahagian harta pusaka adat

Dalam masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak pada masa ini terdapat dua sistem pembahagian harta pusaka. *Pertama* pembahagian berdasarkan jenis harta warisan (harta berat dan harta ringan); *Keduapula adalah* pembahagian sama rata untuk semua ahli waris lelaki atau perempuan.

##### 4.3.1 Pembahagian berdasarkan jenis harta

Sistem pembahagian harta pusaka adat seperti ini berdasarkan beberapa pertimbangan, antaranya ialah pandangan dan penilaian masyarakat tentang harta yang paling berharga seperti tanah sawah, rumah, dan bilik padi, yang merupakan keperluan asas, sehingga usaha dan tenaga ditumpukan untuk itu, seakan-akan manusia tidak boleh hidup tanpa tiga jenis harta tersebut.<sup>182</sup> Di samping itu juga, pihak saudara perempuan (anak betina) mempunyai tugas untuk “*berkembang lapik bertungku jarang*”. Pertimbangan lainnya adalah kerana anak perempuan tidak akan

---

<sup>182</sup> Muktar Lupi Depati Intan, Ketua Adat Kecamatan Kayu Aro, Temubual pada 23 Februari 2005.

pergi jauh dari kampungnya, merekalah yang tetap tinggal di kampung untuk meramaikan kampung, dan menanti orang yang pulang dari perantauan.

Meskipun seluruh harta berat ditinggalkan pada anak perempuan, tidak bermakna harta tersebut menjadi miliknya, melainkan hanya sebagai hak memakai dalam pengertian dia mengambil manfaatnya, sedangkan saudara lelaki tetap sebagai penjaga harta tersebut.. Tetapi apabila ada hal yang amat mustahak sekali saudara lelaki boleh memanfaatkannya sebagai pertolongan yang disebut dengan “*pinjam*” khas mengenai tanah sawah.

Oleh kerana hak memakai dimiliki oleh pihak perempuan, maka mereka tidak boleh menjual mahupun menggadaikannya tanpa persetujuan saudara lelaki (anak jantan/ tengganai). Dan bila dilakukan juga pemindahan mahupun penjualan tersebut, maka dia boleh dibatalkan bahkan hak memakai yang dimilikinya boleh diambil kembali. Apabila terjadi penjualan secara muafakat bersama, maka wang hasil penjualan tersebut dibahagikan sama rata antara sesama ahli waris baik yang perempuan mahupun yang lelaki.

#### 4.3.2 Pembahagian sama rata

Dasar pemikiran sistem pembahagian harta pusaka seperti ini tertulis dalam pepatah adat:

*kecik hati tungau sama dicecah,  
gedang hati gajah sama dilapah*

Ertinya apabila harta pusaka itu sedikit jumlahnya, maka dibahagikanlah pada ahli waris sedikit-sedikit, sebaliknya bila harta pusaka itu banyak jumlahnya, maka dibahagikan sama banyak. Dengan kata lain dibahagikan sama rata sesama ahli waris baik lelaki mahupun perempuan.

#### 4.4 Prosedur Pembahagian Harta Warisan

Apabila kedua-dua orang tua atau ibu bapa telah meninggal dunia, maka timbul masalah mengenai harta pusaka atau harta peninggalan si mati yang harus diselesaikan dengan baik dan bijak. Bagi masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak penyelesaian ini dilaksanakan oleh para ahli waris dengan menjemput seluruh anggota keluarga baik dari pihak ibu mahupun pihak bapa / ayah dan mesti dijemput hadir dalam majlis ini adalah para *Depati ninik mamak serta perbo kalo bungkan yang empat* (para penghulu kampung yang dianggap arif dan bijak) untuk menyaksikan bahawa harta pusaka telah dibahagikan antara adik-beradik<sup>183</sup>.

Pada masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak majlis pertemuan ini dinamakan dengan penentuan “*siupik dengan sibuyung*” (penentuan bahagian perempuan dan lelaki), “*bausai basalesai*” (membahagikan harta dan menyelesaikan hutang piutang). Majlis ini diadakan di rumah pewaris sendiri, dan

---

<sup>183</sup> Haji Qadri Depati Intan dan Dr. Haji Nasrul Qadir (1994), *Hukum Adat Sakti Alam Kerinci*: T.P. h. 63.

penyelenggaranya adalah pihak perempuan (anak betina). Dengan membawa bahan-bahan untuk memberi ibu bapa nasi secara adat. Alat-alat ini ada pelbagai jenis:

- a. Nasi seambung (nasi sepinggan besar)
- b. Gulai setangkuk (gulai sepiring kecil)
- c. Tuak berkebu (tuak yang masih panas)
- d. Lauk bercawan (lauk ikan dalam pinggan khas)
- e. Lemang berkeh (lemang yang sudah diikat)
- f. Pinang bertandan (pinang yang masih utuh)
- g. Jamba gedang empat ibat (empat bungkus nasi yang besar)
- h. Satu tempayan buah-buahan baik buah tinggi, buah rendah, yang masam, manis maupun yang pahit
- i. Satu tempayan ayam bulat yang sudah dimasak, yang dinamakan jamba penuhunkan harta (nasi penurunkan harta) satu harta dari pihak ibu dan yang satu lagi harta dari pihak bapa.
- j. Satu tempayan yang berisi dua bungkus nasi bersama dengan masing-masing satu ekor ayam bulat yang telah dimasak. Dua bungkus nasi ini akan dimakan oleh wakil dari pihak bapa dan satu lagi dari pihak ibu.

Nasi bungkus ini dinamakan dengan “*jamba*”<sup>184</sup>

Setelah bahan ini cukup lengkap baru dibawa ke hadapan perbo kalo bungkan yang empat (seluruh depati ninik mamak yang hadir), dengan menggunakan pidato adat yang menyatakan bahawa mereka antara adik-beradik ini telah siap untuk menerima harta warisan kedua ibu

---

<sup>184</sup> *Ibid.*

bapa, mereka akan memohon keizinan daripada tengganai-tengganai dan Depati ninik mamak, dan pidato adat ini dijawab pula oleh Depati ninik mamak yang hadir dengan menyatakan mereka telah mempersetujui dan memberi keizinan untuk mereka menerima harta pusaka ibu bapa mereka. Setelah selesai barulah dibacakan doa oleh alim ulama supaya harta yang diwarisi tersebut mendapat berkat dari Allah SWT.<sup>185</sup>

*Penentuan siupik dengan sibuyung dan bausai baselesai* ini bukanlah suatu yang harus atau wajib dilakukan. Pada beberapa kes bagi sesuatu keluarga boleh jadi majlis ini dianggap tidak atau belum perlu untuk dilakukan.

Sebagai contoh; dalam kes pembahagian harta pusaka Capek dan Sarimis di Desa Pauh Tinggi, penentuan si upik dan si buyung ini diadakan kerana pihak anak lelaki mendesak saudara perempuannya untuk mengadakan majlis supaya dapat ditentukan mana bahagian untuk anak lelaki dan mana untuk bahagian anak perempuan.<sup>186</sup>

Kemudian dalam kes pembahagian harta Badu Umar dan Siti Isah majlis ini tidak diadakan akan tetapi antara anak perempuan dan anak lelaki

---

<sup>185</sup> Adnan Depati Intan, bekas Pengetua Adat Tanah Sekudung Siulak dan Ulama Besar Tanah Sekudung Siulak, Tamubual pada 24 Februari 2004.

<sup>186</sup> Buya Qadir Arip Depati Mangku Bumi, Ketua Adat Siulak Gedang, Tanah Sekudung, Temubual pada 23 Mac 2005.

mengadakan persepakatan bersama di mana semua harta dibahagikan sama rata; sawah, ladang, rumah dan wang pakaian ibu bapa mereka tanpa memberitahu Depati ninik mamak dan pemangku adat.

Sedangkan yang belum atau tidak menghendaki pembahagian harta pusaka sebagai contoh dalam kes Cik Bumbun yang meninggal dunia meninggalkan harta, mesin penggiling padi, sawah, ladang, rumah, perahu dan kerbau akan tetapi anak-anak mereka tidak menghendaki harta tersebut dibahagikan kerana mak mereka masih hidup.<sup>187</sup>

Juga dalam kes Norma yang meninggal dunia pada tahun 2003, meninggalkan 6 orang anak, 1 perempuan dan 5 lelaki sedangkan suaminya telah berkahwin dengan perempuan lain, beliau juga meninggalkan harta warisan seperti sawah, ladang dan rumah tetapi anak-anaknya tidak menuntut untuk membahagikan harta pusaka tersebut akan tetapi dibiarkan bapa mereka mengusahakan sawah dan ladang serta mendiami rumah peninggalan ibu mereka.

#### 4.4 Penghalang pewarisan

Yang dimaksud dengan penghalang pewarisan adalah hal-hal yang menyebabkan seseorang yang seharusnya mendapat harta pusaka/ warisan menjadi tidak berhak

---

<sup>187</sup> M. Nasir. S.Pd. Ketua Adat Siulak Panjang, Temubual,pada22 Februari 2005.

menerima<sup>188</sup>. Halangan-halangan pewarisan menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak ada 2 ( dua ) bahagian;

#### 4.5.1 Kerana terhalang

Kerana terhalang atau tertutup oleh ahli waris yang lebih utama.

Sebagaimana diketahui, bahawa susunan ahli waris itu bertingkat-tingkat bermula daripada ahli waris yang terdekat kepada ahli waris yang lebih jauh menurut ketentuan hukum adat. Selama masih ada ahli waris tingkat atau bahagian pertama, maka tertutuplah ahli waris tingkat kedua dan selanjutnya. Sebagai contoh:

Seseorang lelaki yang mati mempunyai harta warisan yang berupa sawah padi, ladang, kereta, wang ringgit, dan meninggalkan ahli waris iaitu seorang isteri, seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan, termasuklah ayah dan ibu. Menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat dalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, orang tua si mati iaitu ayah dan ibu serta isteri yang ditinggalkannya tidak akan mendapat harta pusaka kerana dibatasi atau terhalang oleh seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan.

---

<sup>188</sup> Prof.Dr. Yunasril Ali, MA. Dkk (2005), *op.cit.*, h. 107.

#### 4.5.2 Kerana pembunuhan

Kerana pembunuhan yang disengaja dan melawan hukum terhadap si pewaris. Pembunuhan itu memutuskan hubungan kekeluargaan, bahkan akan menimbulkan rasa permusuhan dan kebencian, sedangkan hak pewarisan adalah suatu nikmat dan pertalian hubungan kekerabatan serta kasih sayang<sup>189</sup>

Pembunuhan contohnya:

Apabila seseorang anak membunuh bapa atau ibunya supaya harta pusaka segera jatuh ke tangannya, atau seseorang anak membunuh ibu bapanya kerana tidak mahu membelikan kereta untuk dirinya. Jika terjadi seperti kedua-dua kes pembunuhan diatas maka si anak putus haknya sebagai pewaris harta bapa dan ibunya.

Melawan hukum contohnya:

Apabila seseorang anak telah berkahwin dengan kaum lain yang kerana tidak mengikut perintah ayah dan ibunya, atau seseorang anak menjadi pencuri dan perompak sehingga menjatuhkan maruah keluarganya, maka dia tidak berhak menerima bahagian harta pusaka bapa dan ibunya.

---

<sup>189</sup> *Ibid.*

#### 4.6 Ahli waris

Yang dimaksud dengan ahli waris di sini adalah orang-orang yang berhak keatas harta pusaka yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia. Bagi masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak kedudukan sebagai ahli waris mempunyai erti yang amat penting. Di mana bila pengurusan harta pusaka itu berjalan dengan baik tanpa adanya pertengkaran dan perselisihan, rekod ahli waris akan baik dan terpuji di tengah-tengah masyarakat. Sebaliknya apabila pembahagian atau pengurusan harta pusaka kacau-bilau atau banyak kekecohan dan penipuan, maka rosaklah rekod dan nama ahli warisnya, bahkan dapat dikatakan pengkhianat terhadap orang tua dan para nenek moyangnya.<sup>190</sup> Tentang masalah pembahagian harta pusaka ini sebagai mana dikatakan oleh pepatah adat;

*Waris yang berjawab  
Khalifah yang dijunjung*

Waris yang berjawab ertinya ahli waris harus menguruskan pemindahan harta pusaka peninggalan pewaris secara baik dan benar, tidak boleh diabaikan atau cuai. Khalifah yang dijunjung ertinya hak dan kewajipan mengurus harta pusaka tersebut mesti ditunaikan dengan cermat dan jangan sampai terjadi perbalahan dalam hal pembahagian harta tersebut<sup>191</sup>

Dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak anak kandung mempunyai kedudukan yang amat penting dan utama bagi sesebuah “*tumbi*”

---

<sup>190</sup> *Ibid.*, h. 108.

<sup>191</sup> Buya Jamudin Depati Intan, Tokoh Adat Kecamatan Kayu Aro, Tamubual pada 25 Februari 2005.

(keluarga) kerana anak merupakan generasi penerus masa hadapan dan harapan masa hadapan bagi orang tuanya. Dalam ungkapan sehari-hari di dalam masyarakat dikatakan bahawa “*mencari untuk anak cucu*”, (mencari atau bekerja mencari harta untuk anak dan cucu). Ertinya usaha yang dilakukan oleh orang tua tidak lain adalah untuk kepentingan anak dan cucu-cicitnya. Oleh itu semua anak kandung menjadi ahli waris dari pihak orang tuanya dengan kedudukan yang sama.<sup>192</sup> Susunan ahli waris menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak jelas, berkelompok dan mempunyai perincian, sehingga dapat dilihat dari mana sahaja ahli waris itu dapat menerima harta pusaka/warisan dan kepada siapa ia diwariskan. Pembahagian ini diasaskan pada hubungan/pertalian darah dari yang paling dekat hingga yang paling jauh. Iaitu:

- a. Menarik garis lurus ke bawah pewaris, anak, cucu, dan seterusnya)
- b. Garis lurus ke atas (pewaris, orang tua, dan seterusnya )
- c. Garis ke samping (pewaris, saudara kandung, saudara sebapa atau seibu )<sup>193</sup>

Berdasarkanuraian di atas, maka tersusunlah sebanyak sembilan kelompok ahli waris yang berhak atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati. Jika kesembilan kelompok ini tidak di temui, maka harta pusaka si mati menjadi hak milik kampung<sup>194</sup> tetapi penulis belum menemui atau mendapat data faraid, apakah hal ini pernah terjadi pada masa lampau.

---

<sup>192</sup> Lukman Hakim Depati Tokoh Masyarakat dan Tokoh Adat Kecamatan Kayu Aro, Temubual pada 20 Mac 2005.

<sup>193</sup> Prof. Dr. Yunasril Ali, MA.Dkk (2005), *op.cit.*

<sup>194</sup> *Ibid.*

Berdasarkan hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, tidak ada kemungkinan dua bahagian kelompok atau lebih menerima harta warisan secara serentak seperti yang terdapat dalam hukum pewarisan Islam (faraid). Jadi jika ada kelompok pertama maka tertutuplah kelompok berikutnya.

Kelompok-kelompok yang dimaksud ialah:

- a. Anak kandung. Anak kandung adalah kelompok pertama dan utama dalam daftar penerima harta warisan, jika anak kandung tidak ada atau telah meninggal kesemuanya sebelum pewaris harta meninggal, atau dengan lain perkataan penerima warisan meninggal terlebih dahulu daripada pewarisnya akan tetapi dia ada meninggalkan anak, maka tempat dia digantikan oleh anaknya. Jadi di sini berlaku sistem pergantian tempat.
- b. Ayah /ibu dari pewaris
- c. Saudara kandung pewaris atau keturunannya, mereka ini garis keturunan lurus ke samping dan masih satu tumbi (keluarga) dengan pewaris, bukan satu tumbi (keluarga) dengan anak pewaris.
- d. Nenek/datuk pewaris
- e. Bapa saudara / ibu saudara( saudara bapak/ ibu ) dari pewaris dan juga keturunannya.
- f. Puyang / muyang ( bapak / ibu dari kakek dan nenek).
- g. Saudara nenek / datuk
- h. Nungkat ( datuk/ nenek daripada datuk / nenek ) pewaris

i. Saudara puyang / moyang dan keturunannya.<sup>195</sup>

Inilah senarai mereka yang berhak menerima harta pusaka daripada pewaris menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, jika kelompok terakhir ini tidak ditemui maka harta pusaka atau warisan baik yang berupa tanah sawah, rumah, atau ladang kembali kepada masyarakat desa atau kampung yang memilikinya.

Menurut hukum adat yang berlaku di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak si pewaris tidak tertutup kemungkinan mempunyai anak selain daripada anak kandung, seperti anak angkat, anak susuan, anak akuan, anak tiri, dan anak yatim. Namun demikian, anak kandung dan anak angkat yang pengangkatannya dilakukan menurut adat yang termasuk ahli waris atau yang berhak menerima harta warisan/ pusaka.

Dalam hubungan dengan harta pusaka, anak kandung mendapat tempat pertama dan utama. Semua anak kandung adalah ahli waris daripada orang tuanya, baik lelaki maupun perempuan. Cara pengiraannya adalah berapa jumlah mereka yang masih hidup pada ketika pewaris meninggal dunia dan berapa jumlah mereka yang telah meninggal tetapi mempunyai keturunan yang masih hidup.

Demikian juga halnya dengan janda yang kematian suaminya yang ditinggalkan dalam keadaan hamil, anak dalam kandungannya ini ikut dikira, di sini terdapat dua kemungkinan:

---

<sup>195</sup> *Ibid.*

*Pertama*, tempoh pembahagian harta pusaka sampai anak itu lahir. *Kedua* dibuat andaian bahawa anak itu lahir dalam keadaan selamat atau hidup dan jumlahnya satu orang sahaja, dengan akibatnya apabila anak itu lahir dalam keadaan kembar atau lahir ketika meninggal dunia, maka akan diadakan majlis keluarga semula untuk membincang masalah pembahagian harta pusaka tersebut.

Kemudian masalah anak angkat dalam kaitannya dengan harta pusaka semati juga terdapat dua kemungkinan:

*Pertama*: jika prosedur pengangkatannya menurut adat istiadat yang sah yakni dengan menghadirkan para pemuka adat dan pada satu majlis jamuan khas dengan membayar wang yang telah ditetapkan dan syarat-syarat lain yang harus dipenuhi. Maka anak itu akan mewarisi orang tua angkatnya sebagaimana anak kandung, dan anak angkat ini akan terputus hubungannya dengan orang tua kandungnya. Namun cara pengangkatan anak seperti ini telah ditinggalkan masyarakat kerana dirasa sangat berat sekali.

*Kedua*: bagi mereka yang ingin mengambil anak angkat, cukup melalui cara yang sederhana sahaja iaitu dengan mengambil anak saudara mara atau anak orang lain menjadi anak, apakah anak ini masih kecil atau sudah dewasa dan tidak perlu untuk memutuskan hubungan dengan orang tua kandungnya. Agar tidak menimbulkan masalah pewarisan harta kelak.

Kemudian anak susuan, anak pengakuan, dan anak tiri, mereka tidak mewarisi harta orang tua angkatnya, atau orang tua akuannya, atau orang tua tirinya. Namun demikian tidak terhalang bagi mereka menerima pemberian dalam bentuk hibah, hadiah, sedekah atau wasiat dan lain-lainnya<sup>196</sup>

Kemudian janda / atau duda yang kematian suami / isteri atau yang hidup lama, mereka ini tidak termasuk ke dalam ahli waris daripada si mati, isteri atau suaminya. Akan tetapi nasib mereka amat diperhatikan. Masyarakat tetap memandang bahawa orang yang paling dekat dengan suami adalah isterinya dan begitu pula sebaliknya, oleh itu para janda atau duda yang ditinggal mati itu perlu diambil perhatian. Itulah sebabnya kadang-kadang *bausai baselesai* mengenai harta pusaka apabila salah seorang daripada suami atau isteri yang meninggal dunia tidak dilaksanakan pembahagian harta waris / harta pusaka atau tempoh pembahagiannya sampai kedua-duanya meninggal dunia. Hal ini dijelaskan oleh pepatah adat mengatakan bahawa:

*Harta tepatan ditinggalkan  
Harta bawaan tinggal pada anak  
Harta pencaharian dibahagikan dua  
Hutang dibayar oleh janda/ duda  
Harta pusaka suami tinggal pada anak*<sup>197</sup>

Selanjutnya apabila seseorang yang meninggal dunia tanpa meninggalkan keturunan disebut dengan “guntung” dan harta yang ditinggalkannya itu dinamakan dengan *harta guntung*. Penyelesaian masalah harta guntung ini harus merujuk dari mana asal usul harta tersebut dengan berpandukan pada pepatah adat yang

---

<sup>196</sup> *Ibid.*, h. 111.

<sup>197</sup> dr. Nasrul Qadir Tokoh Adat, Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 24 Mac 2005.

mengatakan “Ayam berinduk, serai berumpun” (ayam mempunyai induk, serai mempunyai banyak anak). Dalam hal ini kemungkinan salah seorang yang guntung boleh juga kedua-duanya. Masalah harta pencarian mereka ini berpedomankan kepada pepatah adat yang mengatakan “sekutu debelah, sarang dibagi” (satu benda dua orang punya harus dibelah dua, jika harta bersama punya harus dibahagikan dua supaya adil).

Harta guntung ini ada empat bahagian:

- a. *Guntung sirih*, mereka ini tidak mempunyai keturunan tetapi mereka masih mempunyai orang tua. Ketentuan hartanya menurut adat “*guntung sirih balik kegagang*” ertinya harta yang berasal daripada orang tuanya kembali kepada orang tua menurut asal harta tersebut, harta pencarian suami isteri dibahagikan dua satu bahagian untuk pihak yang masih hidup dan satu bahagian untuk orang tua simati.
- b. *Guntung pinang*, mereka ini tidak mempunyai keturunan / anak sedangkan orang tua mereka sudah pula meninggal dunia, tetapi datuk/ nenek mereka masih hidup. Ketentuan harta mereka menurut adat; *Guntung pinang balik ketampuk / tanduk*. ertinya harta mereka kembali kepada nenek / datuk mereka.
- c. *Guntung putus tali*, mereka ini di samping tidak meninggalkan salah seorang anak, orang tua mereka dan datuk /nenek mereka juga telah pun tiada, semua telah meninggal dunia. Ketentuan harta mereka menurut adat adalah “*putus tali balik ketambang*”. ertinya harta mereka kembali kepada saudara datuk/ nenek

mereka, jika mereka juga telah meninggal, maka harta tersebut kembali kepada kelebu / perut atau kaum.

- d. *Guntung pecak biduk*, mereka ini di samping tidak meninggalkan keturunan, orang tua mereka, nenek / datuk mereka mahupun puyang mereka semua telah meninggal. Maka ketentuan harta mereka iaitu “*pecah biduk balik kekualo*” ertinya harta kembali kepada luhah atau negeri<sup>198</sup>

#### 4.7 Perlaksanaan pembahagian harta pusaka

Dalam hukum adat yang berlaku di wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak ada tiga macam cara pembahagian harta pusaka:

##### 4.7.1 Pembahagian harta pusaka tinggi dan pusaka rendah

Pembahagian harta pusaka ini dibahagikan dua; *pertama* harta pusaka tinggi dan yang *kedua* harta pusaka rendah. Harta pusaka tinggi adalah harta pusaka atau harta warisan yang telah turun-temurun daripada nenek moyang, mungkin dari tiga generasi atau lebih harta pusaka ini tidak boleh dibahagikan, dia tetap dipelihara oleh pihak perempuan (anak betina) akan tetapi dalam pengawasan pihak lelaki (anak lelaki), dia tidak boleh dijual atau digadaikan kecuali atas persetujuan pihak anak lelaki (anak jantan), atau kerana ada hal yang amat mustahak sekali seperti hal kematian, membela maruah suku. Dan jika anak lelaki dalam keadaan amat memerlukan dia boleh memakai tanah sawah harta pusaka tinggi ini dan

---

<sup>198</sup> Iskandar Zakaria ( 1984 ), *Tambo Sakti Alam Kerinci, buku pertama*. Dep. P dan K ; Penerbit Buku Sastera Indonesia dan Daerah, Jakarta. h. 54.

ia harus mendapat persetujuan dari Depati nenek mamak atau tua-tua adat mereka yang lebih tinggi dengan istilah dalam adat *tegak minjam* (memimjam pakai ).

Sedangkan harta pusaka rendah adalah harta yang diperolehi daripada dua atau satu generasi sahaja. Pembahagiannya dengan merujuk kepada pepatah; *yang berat tinggal dan yang ringan terbawa*,<sup>199</sup> harta berat yakni tanah sawah, rumah pusaka, bilik padi sedangkan harta ringan seperti ladang, wang, kenderaan dan lainnya. Namun demikian khas untuk tanah sawah pembahagiannya satu bahagian untuk anak lelaki, satu bahagian untuk anak perempuan, satu bahagian lagi untuk milik bersama akan tetapi dititipkan pada anak perempuan yang memeliharanya atau memakainya. Jika pada bila-bila masa ada hal yang amat memerlukan pihak anak lelaki boleh memakainya atau istilah dalam adat, *tegak minjam* mungkin telah terbelit hutang, mungkin kalah berjudi, mungkin juga ditinggal mati oleh isteri sedangkan yang dimakan tidak ada.<sup>200</sup>

Istilah dalam adat *anak betina tempat nasi hangat nasi dingin anak jantan* (anak perempuan tempat anak lelaki / anak jantan meminta air jika kehausan dan tempat meminta makan jika kelaparan), dan anak perempuan tidak boleh menolaknya, dan jika terjadi penolakkan atau tidak mahu menerima kehadiran saudara lelakinya itu, sawah yang ada boleh

---

<sup>199</sup> Muhammad Ridin Tokoh Masyarakat Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 25 Februari 2005.

<sup>200</sup> Mat Kiro Depati Intan, Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 23 Mac 2005.

ditarik kembali oleh Depati Ninik Mamak, atau pihak perempuan mensiasakan mak atau bapaknya yang telah tua, giliran sawah atau sawah pusaka tadi boleh ditarik hak pakainya dan di sinilah letak kuasa anak jantan (pihak anak lelaki) dalam masalah harta pusaka.<sup>201</sup>

#### 4.7.2 Pembahagian harta sepencarian

Masalah pembahagian harta sepencarian dalam kaedah pembahagian harta pusaka adat yang berlaku di wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, pembagiannya merujuk kepada pepatah adat yang bunyi:

*Harta bawaan kembali  
Harta tepatan tinggal  
Harta sarang dibahagikan dua  
Harta sekutu dibelah  
Ada anak dibagikan tiga  
Tidak ada anak dibagikan dua  
Mati laki bini yang berkerajat  
Mati bini laki yang berkerajat<sup>202</sup>*

(harta pembawa kembali, harta tepatan tinggal, harta sarang atau sepencarian dibahagikan dua, harta satu milik berdua dibelah, ada anak dibahagikan tiga, tidak ada anak dibahagikan dua, maninggal isteri suami yang membiayai segala keperluan pemakaman dan kenduri untuk mendoakan arwahnya, meninggal suami isteri yang menanggung segala pembentangan penguburan dan kenduri untuk mendoakan arwahnya).

---

<sup>201</sup> Nurjanah, Warga Masyarakat, Temu bual pada 24 Februari 2005.

<sup>202</sup> Bilarudin; tokoh adat kayu Aro, Temu bual : 20 Mac 2004.

Perlu diketahui di sini jika salah seorang suami atau isteri yang meninggal dunia segala pembiayaan penguburan dan kenduri-kenduri untuk mendoakan arwah simati diambil daripada harta peninggalannya.

#### 4.7.3 Pembahagian harta guntung

Pembahagian harta guntung ini sebagaimana telah penulis terangkan pada huraiān di atas sudah cukup jelas dan terang. Di mana harta guntung ini ialah istilah pembahagian harta bagi mereka yang meninggal dunia tiada mempunyai anak / keturunan seorang pun baik perempuan maupun lelaki. Dalam pengertian guntung = puntung = putus atau tidak ada yang melanjutkan lagi keturunannya.<sup>203</sup>

Dari semua huraiān kaedah pembahagian harta pusaka adat yang penulis paparkan di atas tadi tidak bermakna atau boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pihak yang tidak berkenaan jika tidak disahkan oleh Depati Ninik mamak dengan pembayaran wang majlis yang disebut dengan *wang mas hangus / meh hangus* (wang bukti bahawa sesuatu perkara betul-betul telah selesai dengan baik dan disaksikan oleh para Depati Ninik Mamak yang hadir).

---

<sup>203</sup> Maryanis S.Ag, Warga Masyarakat, Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 28 Februari 2005.

# BAB KE LIMA

## ANALISIS KADEAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA ADAT

### TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK DARI

### PERSPEKTIF HUKUM SYARAK

#### 5.1 Pendahuluan

Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat wilayah Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung adalah berasal daripada Paga Ruyung Minangkabau yang telah diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sabatang dan Datu Katamenggungan. Beliau juga dikenali dengan nama Sutan Balun iaitu anak kepada Indo Jati (ibu) dengan Jati bilang Pandai (ayah).<sup>204</sup> Walau bagaimanapun, akibat daripada pengaruh persekitaran yang berbeza, konsep adat Perpatih di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak mengalami banyak perbezaan dengan adat Perpatih yang diamalkan oleh orang Minangkabau.

Hal ini terungkap melalui sejarah perkembangan adat Perpatih itu sendiri yang selalu dimainkan oleh penggemar adat pada malam hari<sup>205</sup> di daerah Siulak dan juga melalui *tambo-tambo* adat yang dipelajari oleh masyarakat pada masa ini. Hukum pusaka adat ini juga telah mendapat pengiktirafan undang-undang di Negara Indonesia melalui Ketetapan No. II MPRS / 1960 pada paragraf 402 No. 34 dan 35 yang menyatakan;

<sup>204</sup> Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih Perbezaan dan persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Pajar Bakti, h. 28-29.

<sup>205</sup> H. Adnan Depati Intan, Seorang Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Temubual pada 23 Februari 2005.

- a. *Pembangunan Hukum Nasional harus diarahkan kepada homogenitet hukum dengan memperhatikan kenyataan-kenyataan yang hidup di Indonesia.*
- b. *Harus sesuai dengan haluan Negara dan berlandaskan kepada hukum adat yang tidak menghalang perkembangan masyarakat adil dan makmur.*<sup>206</sup>

## 5.2 Sistem pembahagian harta pusaka adat

Pada masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak pada masa ini terdapat dua sistem pembahagian harta pusaka. Iaitu *pertama* pembahagian berdasarkan jenis harta warisan (harta berat dan harta ringan); *Kedua* pembahagian sama rata antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan.

### 5.2.1 Pembahagian berdasarkan jenis harta

Sistem pembahagian harta pusaka seperti ini berdasarkan kepada beberapa pertimbangan. Antaranya, pandangan dan penilaian masyarakat bahawa harta yang paling berharga adalah tanah sawah, rumah dan bilik padi yang merupakan keperluan asas sehingga usaha dan tenaga ditumpukan untuk itu, seakan-akan manusia tidak boleh hidup tanpa tiga jenis harta tersebut.<sup>207</sup> Di samping itu juga pada pihak saudara perempuan (anak betina), mempunyai tugas untuk “*berkembang lapik bertungku jarang*”. Pertimbangan lainnya adalah kerana anak perempuan tidak akan pergi jauh dari kampungnya, mereka yang tetap tinggal di kampung untuk meramaikan kampung, menanti orang yang pulang dari rantau.

---

<sup>206</sup> Soerojo Wignjodipoero, SH (1982), *Pengantar dan Asas-asas Hukum Adat*, Jakarta: Penerbit, CV. Haji Masagung, h. 63.

<sup>207</sup> Muktar Lupi Depati, Ketua Adat Kecamatan Kayu Aro, Temubual pada 23 Februari 2005.

Meskipun seluruh harta berat ditinggalkan pada anak perempuan, tidak bermakna harta tersebut menjadi miliknya, melainkan hanya sebagai hak pakai dalam erti dia mengambil manfaatnya, sedangkan saudara lelaki tetap mengawasi harta tersebut. Tetapi apabila ada hal yang amat mustahak saudara lelaki boleh memanfaatkannya sebagai pertolongan yang disebut dengan “*meminjam pakai*” terutama mengenai tanah sawah.

Oleh sebab hak pakai dimiliki oleh pihak perempuan, maka mereka tidak boleh menjual mahupun menggadaikannya tanpa persetujuan saudara lelaki. Apabila diperlakukan juga pemindahan mahupun penjualan tersebut, maka dia boleh dibatalkan bahkan hak pakai yang dimilikinya dapat ditarik kembali. Apabila terjadi penjualan dengan secara muafakat bersama, maka wang hasil penjualan tersebut dibahagikan sama rata antara sesama ahli waris baik yang perempuan mahupun yang lelaki.

Di dalam sistem hukum faraid tidak mengenal pembahagian seperti ini, menurut hukum syarak konsep pemilikan harta sebegini dikenali sebagai pemilikan tidak sempurna (*milk al-naqis*), kerana ia melibatkan pemilikan sama ada harta (*milk al-‘ayn*), atau manfaat (*milk al-manfa’ah*), sahaja.<sup>208</sup> Berdasarkan hukum fiqh Islam, konsep harta pusaka yang boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup mestilah terdiri daripada harta yang dimiliki si

---

<sup>208</sup> Wahbah al-Zuhayli (1997 M / 1418 H), *al-Fiqh al-Islami wa ‘Adillatuhu*, j. 6, c. 4 Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 4551- 4553.

mati sama ada berbentuk wang ringgit, benda atau hak-hak tertentu. Harta-harta amanah dan sebagainya tidak tergolong kedalam harta peninggalan si mati.<sup>209</sup>

### 5.2.2 Pembahagian sama rata

Dasar pemilikan sistem ini antara anak lelaki dan anak perempuan berpandukan kepada pepatah adat “*kecik hati tungau samo dicecah, gedang hati gajah samo dilapah*”. Ertinya apabila harta pusaka itu jumlahnya sedikit, maka dibahagikanlah kepada ahli waris sama-sama sedikit, sebaliknya apabila harta pusaka itu banyak jumlahnya, maka dibahagikan sama-sama banyak. Dengan lain perkataan dibahagikan sama rata sesama ahli waris baik lelaki maupun perempuan. Dari huraihan di atas dapat difahamkan bahawa kaedah pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh masyarakat di dalam daerah Tiga Luhah Siulak adalah dua cara iaitu sistem pembahagian harta pusaka mengikut jenis harta dan sistem pembahagian harta sama rata antara lelaki dan perempuan.

Pembahagian harta pusaka menurut hukum syarak tidak mengenal pembahagian seperti ini. Hukum Islam memberikan panduan yang cukup jelas kepada umatnya tentang pembahagian harta pusaka yang dijelaskan oleh Allah SWT melalui Firman Nya dalam surat An-nisa' ayat: 7, 11, 12, 176 dan juga surat-surat yang lain<sup>210</sup> kemudian mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. melalui sabda beliau yang berbunyi:

---

<sup>209</sup> *Ibid.*, h. 7703.

<sup>210</sup> Drs. Fatchur Rahman (1988), *Ilmu Waris*: Kuala Lumpur, Maju jaya Indah sdn.bhd, h. 33.

تعلموا الفرائض وعلموها فاعنها نصف العلم وهو ينسى  
وهو أول شيء ينزع من امتى

*Maksudnya: Pelajarilah ilmu faraid, dan ajarkanlah ia kepada orang lain, sesungguhnya ia adalah setengah daripada ilmu dan ia adalah ilmu yang akan dilupakan dan ia merupakan suatu ilmu yang mula-mula akan ditarik dari ummatku.*<sup>211</sup>

Hukum Islam memberikan suatu gambaran yang jelas dan terang tentang pembahagian harta pusaka yang dinamakan dengan ilmu faraid.<sup>212</sup>. Dalam hukum faraid para ahli waris yang berhak menerima harta pusaka dibahagikan kepada tiga golongan, mereka ini adalah:<sup>213</sup>

1. Golongan dhawi al-furud

Mereka adalah yang mengambil harta pusaka menurut bahagian yang telah ditentukan bahagiannya di dalam Al-Quran, ada enam jenis bahagian, iaitu satu perdua ( $\frac{1}{2}$ ), satu perempat ( $\frac{1}{4}$ ), satu perlapan ( $\frac{1}{8}$ ), dua pertiga ( $\frac{2}{3}$ ), satu pertiga ( $\frac{1}{3}$ ), dan satu perenam ( $\frac{1}{6}$ ).

2. Golongan Mu'asib.

Mereka yang mengambil habis harta pusaka si mati, setelah golongan dhawi al-furud mengambil bahagiannya. Perkataan ‘asabah dalam bahasa Arab bererti saudara seseorang daripada pihak bapa. Dalam ilmu faraid saudara diistilahkan dengan Asabah, hal ini demikian disebabkan mereka

---

<sup>211</sup> al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad, (t.t). *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akbar Min Ahadith Sayyid al- Akhyar*. Juzuk 6, Beirut: Dar al-Fikr, h. 168.

<sup>212</sup> *Ibid.*, h. 32.

<sup>213</sup> al- Ustaz H. Idris Ahmad, SH. (1983), *Fiqh menurut Madhhab Syafi'i*: Kuala Lumpur, Pustaka Antara, h. 183.

melindungi dan menguatkan<sup>214</sup> sedangkan pengertian ‘Asabah menurut para fuqaha ialah ahli waris yang tidak disebutkan banyaknya bahagian masing-masing di dalam Al-Quran dan al-Sunnah dengan tegas.<sup>215</sup> Sebagai contoh, anak lelaki, cucu lelaki keturunan anak lelaki, saudara kandung lelaki dan saudara lelaki sebapa, dan bapa saudara (saudara kandung ayah).

‘Asabah terbahagi kepada dua (2), bahagian iaitu:

k. ‘Asabah nasabiyyah (kerana nasab )

‘Ashabah nasabiyyah ini timbul kerana adanya hubungan nasab atau keturunan atau ada hubungan pertalian darah. ‘Asabah nasabiyyah dibahagikan kepada tiga golongan iaitu :

1). ‘Asabah bin nafs iaitu lelaki yang nasabnya kepada si mati tidak bercampur dengan perempuan mereka ini mempunyai empat peringkat iaitu<sup>216</sup>

a). Peringkat anak, merangkumi seluruh lelaki keturunan anak lelaki bermula daripada cucu, cicit, dan seterusnya.

b). Peringkat bapa, yang merangkumi ayah, datuk, dan seterusnya, yang pasti hanya daripada pihak lelaki sahaja. misalnya ayah daripada bapa, ayah daripada datuk dan seterusnya.

c). Peringkat saudara lelaki, merangkumi saudara kandung lelaki, saudara lelaki sebapa, anak lelaki keturunan saudara kandung

---

<sup>214</sup> Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1969 M/1389 H), *Al-Mawarisu Fi Syari’ati al-Islamiyyati ‘Ala Dau’ilkitabi Wa Sunnati*, Cetakan Pertama: T.P, h. 55.

<sup>215</sup> *Ibid.*

<sup>216</sup> *Ibid.*

lelaki, anak lelaki keturunan saudara lelaki sebapa dan seterusnya, arah ini hanya terbatas pada saudara kandung lelaki dan sebapa, termasuk juga keturunan mereka, namun hanya lelaki sahaja.

- d). Peringkat bapa saudara (paman), Iaitu saudara lelaki ayah kandung mahupun yang sebapa, termasuk keturunan mereka dan seterusnya.

Kekuatan ke empat-empat ‘asabah bi al-nafs tersebut sesuai dengan urutan di atas. Peringkat anak lebih didahulukan (lebih kuat) daripada peringkat ayah, dan peringkat ayah lebih kuat daripada peringkat saudara. Waris-waris di atas apabila tidak ada waris lain (seorang sahaja), akan mengambil seluruh harta atau apabila ada ahli al-furud, dia akan mendapat harta tersebut atau tidak akan mendapat apa-apa harta jika harta tersebut telah dihabiskan oleh ahli al-furud.

- 2). ‘Asabah bil ghairihi ertinya asabah dengan yang lain. Mereka ini adalah anak-anak perempuan dengan anak-anak lelaki, dan saudara perempuan dengan saudara lelaki. Dan dalam hal ini perlu berlaku undang-undang pembahagian, iaitu bahagian lelaki sebanyak dua bahagian daripada orang perempuan. Mereka ini mengambil harta

pusaka secara ta'sib.<sup>217</sup> ‘Asabah bil ghairi hanya terbatas pada empat orang ahli waris sahaja dan kesemuanya perempuan iaitu:

- a) Anak perempuan, akan menjadi ‘asabah apabila bersamaan dengan saudara lelakinya.
- b) Cucu perempuan keturunan anak lelaki akan menjadi ‘asabah apabila bersamaan dengan saudara lelakinya, atau anak lelaki bapa saudara (paman), baik sederajat dengannya, atau bahkan lebih dibawahnya.
- c) saudara kandung perempuan akan menjadi ‘asabah apabila bersama saudara kandung lelaki.
- d) Saudara perempuan sebaik akan menjadi ‘asabah apabila bersamaan dengan saudara lelakinya, dan pembahagiannya, bahagian lelaki dua kali ganda lebih daripada bahagian perempuan.

3). ‘Asabah ma’ a al-ghayr, adalah ‘asabah yang khusus bagi para saudara kandung perempuan mahupun saudara perempuan sebaik apabila mewarisi bersamaan dengan anak perempuan yang tidak mempunyai saudara lelaki. Jadi, saudara kandung perempuan ataupun saudara perempuan sebaik apabila bersamaan dengan anak perempuan atau cucu perempuan keturunan anak lelaki dan seterusnya akan menjadi ‘asabah.<sup>218</sup>

---

<sup>217</sup> al-Ustaz H. Idris Ahmad (1969 H), *Fiqh Menurut Mazhab Sjafii*: Penerbit Wijaya Djakarta, h. 131.

<sup>218</sup> Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1389 H), *op.cit.*, h. 65.

l. ‘Asabah Sababiyyah (kerana sebab).

‘Ashabah sababiyyah adalah ‘asabah yang timbul apabila seseorang tidak mempunyai ‘asabah dengan sebab keturunan tetapi dia mempunyai tuan yang membebaskannya. Oleh itu harta atau bahagian baki daripada harta pusakanya akan diserahkan kepada tuan yang membebaskannya itu. Jika tuan yang membebaskan dia tidak ada, ia akan diwarisi oleh ‘asabah daripada tuannya itu seperti anak lelaki, atau saudara lelakinya.<sup>219</sup>

3. Golongan dhawi al-furud dan Mu’asib.

Mereka ini adalah yang mengambil harta pusaka, kadang-kadang menurut aturan dhawi al-furud, dan kadang-kadang menghabiskan harta pusaka yang tertinggal.

Dariuraian di atas dapatlah diambil suatu rumusan bahawa sistem pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sejak nenek moyang adalah berdasarkan peraturan kebiasaan masyarakat semata-mata dengan lain perkataan mengikut kehendak ahli waris dan kebiasaan yang berlaku, sementara hukum faraid atau hukum pewarisan Islam pula berpandukan kepada al-

---

<sup>219</sup> Noor Hazizah BTE Abdul Aziz. (1999), “Perlaksanaan Pusaka Adat Perpatih di daerah Kuala Pilah dan Pandangannya dari perspektif Islam ( kertas Kerja, Fakulti Syari’ah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 14.

Quran dan Sunnah Rasūlullāh s.a.w. yang begitu jelas dan terang dan mempunyai hikmah tersendiri.

Apabila dibandingkan antara kedua-duanya sistem pewarisan Islam lebih luas huraianya daripada hukum pewarisan adat, hal ini disebabkan sistem hukum faraid menjelaskan dan menghuraikan bermula daripada si mati meninggal hingga kepada hutang piutang si mati, segala bentuk wasiat si mati, bahagian masing-masing ahli waris yang berhak menerima, dengan lain perkataan bermula daripada hal yang paling kecil hingga kepada hal yang terbesar dijelaskan dan di dalam hukum faraid hanya mengenal satu cara yang berpandukan al-Quran dan Sunnah Rasūlullāh sedangkan kaedah pembahagian harta pusaka adat adanya dua sistem pembahagian iaitu mengikut jenis harta pusaka ia merupakan harta pusaka tinggi atau pun harta pusaka rendah, dan yang kedua pembahagian sama rata.

## 5.2 Prosedur Pembahagian Harta Pusaka

Sebagaimana yang telah dihuraikan di atas bahawa prosedur pembahagian harta pusaka menurut hukum pewarisan adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak boleh dilakukan setelah kedua-dua ibu bapa meninggal dunia dan jika salah seorang daripada mereka masih hidup harta pusaka belum dibenarkan untuk dibahagi. Dan juga di dalam kaedah pembahagian harta pusaka menurut hukum pewarisan adat adanya syarat-syarat tertentu menurut kebiasaan untuk

menghormati para nenek moyang dan para pewaris harta yang mesti di selesaikan sebelum acara majlis pembahagian harta pusaka di laksanakan.

Pembahagian harta pusaka adat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sering di istilahkan dengan *penentuan si upik dengan sibuyung* atau *bausai basa lesai*. Di dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak pembahagian harta pusaka bukanlah suatu hal yang mesti harus dilakukan setelah ibu bapa atau pewaris harta meninggal dunia. Bagi sesetengah keluarga boleh jadi pembahagian harta pusaka ini tidak perlu dan bagi sesetengah pihak pula pelaksanaan pembahagian harta pusaka ini belum perlu untuk dilakukan.

Sebagai contoh dalam kes Cik Bumbun yang meninggal dunia pada tahun 1993.M, meninggalkan seorang isteri dan 8 orang anak, 5 orang anak lelaki dan 3 orang anak perempuan. Meninggalkan harta warisan berupa; mesin penggiling padi, sawah, ladang, rumah, perahu, kerbau. Akan tetapi anak-anaknya tidak menghendaki harta tersebut dibagikan kerana ibu mereka masih hidup<sup>220</sup>

Hukum Islam dalam hal ini memberikan panduan yang jelas kepada umatnya tentang perlaksanaan harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati, sebelum harta dibahagikan kepada waris yang berhak menerimanya. al-Quran memerintahkan supaya diselesaikan terlebih dahulu tuntutan hutang dan hak Allah dan hamba-Nya yang lain yang ditanggung oleh si mati dan juga wasiat yang

---

<sup>220</sup> Zainal Abidin Abas, Jindah Tuo, Ketua adat Desa Pauh Tinggi, Temu bual pada 22 Februari 2005.

ditinggalkannya<sup>221</sup> daripada sederetan hak yang harus ditunaikan oleh ahli waris sebelum harta pusaka dibahagikan ialah:

- a. Semua keperluan dan biaya pengurusan pengebumian si mati hendaklah menggunakan harta miliknya dengan syarat tidak boleh berlebihan. Keperluan-keperluan pengebumian tersebut menyangkut dengan segala sesuatu yang diperlukan mayat, semenjak wafatnya hingga pengebumiannya.

Antaranya;

- biaya memandikan mayat
- biaya pembelian kain kapan
- biaya pengebumian
- dan yang lainnya hingga mayat sampai kepada tempat peristirahatannya yang terakhir<sup>222</sup>

Menurut mazhab Maliki, apabila seorang isteri mati lalu meninggalkan suaminya, suaminya bertanggungjawab atas perbelanjaan pengebumian isterinya itu. Menurut mazhab Hanafi, suami bertanggungjawab atas perbelanjaan pengebumian isterinya walaupun dia sendiri sudah mati dan walaupun isterinya itu kaya.<sup>223</sup>

Menurut mazhab Syafi'i, jika suami kaya, dia bertanggungjawab atas perbelanjaan pengebumian isterinya itu. Suami juga berkemungkinan

---

<sup>221</sup> 'Abdur Rahman I.Doi, (1995 ), *Ibid..*

<sup>222</sup> Muhammad 'Ali al-Sabuni (1389H), *op.cit.*, h. 24.

<sup>223</sup> Prof.'Abd al- Rahman I.Doi (1995 , *op.cit.*, h. 404.

dapat menjadi kaya dengan mewarisi harta pusaka isterinya. Tetapi jika isteri kaya, perbelanjaan pengebumiannya hendaklah dibayar melalui harta pusaka yang ditinggalkannya sambil mengecualikan bahagian harta pusaka yang boleh dimiliki suami. Jika isteri tidak kaya dan suami tidak mungkin menjadi kaya apabila mewarisi harta pusaka isterinya, perbelanjaan pengebumian hendaklah dibayar daripada bahagian yang ditinggalkannya termasuk bahagian suami. Jika dia tidak meninggalkan apa-apa, saudaranya hendaklah membayar perbelanjaan pengebumian itu daripada perpendaharaan awam.<sup>224</sup>

- b. Hendaklah hutang piutang yang masih ditanggung si mati ditunaikan terlebih dahulu. Ertinya, seluruh harta peninggalan si mati tidak dibenarkan dibahagikan kepada warisnya sebelum hutang piutangnya ditunaikan terlebih dahulu. Hal ini berdasarkan kepada sabda Rasūlullāh s.a.w :<sup>225</sup>

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مَعْلَقَةٌ بِدِينِهِ حَتَّىٰ يَقْضَى عَنْهُ

*Maksudnya: orang mukmin bergantung pada hutangnya hingga ditunaikan hutang tersebut”.*

Maksud hadis ini adalah hutang piutang yang bersangkutan dengan sesama manusia. Adapun jika hutang tersebut berkaitan dengan Allah S.W.T., seperti belum membayar zakat atau belum menunaikan nazar, atau belum memenuhi

---

<sup>224</sup> *Ibid.*

<sup>225</sup> al-Tirmizi, Kitab: *al-Jana’iz*, Bab: Nafs al-Mu’mīn Mu’allaqah, Bil: 998. Beliau mengatakan Hadith tersebut adalah hasan, Ibnu Majah, Kitab: *al-Ahkām*, Bil 2404. Ahmad, *Baqqi Musnad al-Mukthirin*, Bil: 9302. al-Darimi, Kitab: *al-Buyu’*, Bil: 2478.

kafarat (denda), maka dalam kalangan ulama ada sedikit perbeaan pandangan.<sup>226</sup> Kalangan ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa warisnya tidaklah diwajibkan untuk menunaikannya. Sedangkan jumhur ulama berpendapat wajib bagi ahli warisnya untuk menunaikannya sebelum harta warisan (harta peninggalan) si mati dibahagikan kepada para ahli warisnya.<sup>227</sup> Kalangan mazhab Hanafi beralasan bahawa menunaikan hal-hal tersebut merupakan ibadah, sedangkan kewajipan ibadah gugur apabila seseorang telah meninggal dunia. Pada hal, menurut mereka, pengamalan suatu ibadah harus disertai dengan niat dan keikhlasan, dan hal itu tidak mungkin dapat dilakukan oleh orang yang telah meninggal dunia. Akan tetapi, meskipun kewajipan tersebut dinyatakan telah gugur bagi orang yang telah meninggal dunia, dia tetap akan dikenakan hukuman kelak pada hari kiamat sebab dia tidak menunaikan kewajipan ketika masih hidup.

Sedangkan jumhur ulama yang menyatakan bahawa waris wajib menunaikan hutang si mati terhadap Allah beralasan bahawa hal tersebut sama saja seperti hutang kepada sesama manusia.<sup>228</sup> Menurut mereka, hal ini merupakan amalan yang tidak memerlukan niat kerana bukan termasuk ibadah mahdiah, tetapi termasuk hak yang berkaitan dengan harta peninggalan si mati. Oleh sebab itu, wajib bagi ahli waris untuk menunaikannya, baik si mati mewasiatkan ataupun tidak.<sup>229</sup>

---

<sup>226</sup> *Ibid.*

<sup>227</sup> *Ibid.*

<sup>228</sup> *Ibid.*

<sup>229</sup> *Ibid.*

Menurut pandangan ulama Mazhab Syafi'i hal tersebut wajib ditunaikan sebelum memenuhi hak yang berkaitan dengan hak sesama hamba.<sup>230</sup> Sedangkan Mazhab Maliki berpendapat bahawa hak yang berhubungan dengan Allah wajib ditunaikan oleh ahli warisnya sama seperti mereka diwajibkan menunaikan hutang piutang si mati yang berkaitan dengan hak sesama hamba. Hanya saja madhhab ini lebih mengutamakan agar mendahulukan hutang yang berkaitan dengan sesama hamba daripada hutang kepada Allah. Sementara itu, ulama Mazhab Hanbali menyamakan antara hutang kepada sesama hamba dengan hutang kepada Allah. Kedua-duanya wajib ditunaikan secara bersamaan sebelum seluruh harta peninggalan si mati dibahagikan kepada setiap ahli waris.<sup>231</sup>

- c. wajib menunaikan seluruh wasiat si mati yang semuanya tidak boleh melebihi jumlah satu pertiga (1/3) daripada seluruh harta peninggalannya. Hal ini demikian jika memang wasiat tersebut diperuntukkan bagi orang yang bukan waris, serta tidak ada bantahan daripada salah satu bahkan seluruh warisnya. Adapun penunaian wasiat si mati dilakukan setelah sebahagian harta tersebut diambil untuk membiayai keperluan pengebumiannya, termasuk diambil untuk membayar hutang.<sup>232</sup> Apabila ternyata wasiat si mati melebihi satu pertiga daripada jumlah harta yang ditinggalkannya, maka wasiatnya tidak wajib ditunaikan kecuali dengan kesepakatan

---

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> *Ibid.*

<sup>232</sup> *Ibid.*

d. Setelah itu barulah seluruh harta peninggalan si mati dibahagikan kepada para ahli warisnya sesuai dengan ketetapan al-Quran, al-Sunnah dan kesepakatan para ulama (ijmak).<sup>233</sup> Dalam hal ini dimulakan dengan memberikan warisan kepada:

- Ashabul al-Furud (ahli waris yang telah ditentukan jumlah bahagiannya, misalnya ayah, ibu, suami, isteri, anak dan lain-lain),
- Kemudian kepada para ‘Asabah (saudara si mati yang berhak menerima baki harta warisan jika ada setelah ashabul al-furud menerima bahagiannya).<sup>234</sup>

Berdasarkan pada huraiyan yang telah diperkatakan di atas dapatlah dirumuskan bahawa pembahagian harta pusaka di dalam daerah Tiga Luhah Siulak dilakukan apabila kedua ibu bapa atau suami isteri yang mempunyai harta warisan atau sebagai pewaris telah meninggal dunia. Sedangkan menurut hukum Syarak yang didasarkan kepada peraturan dan petunjuk daripada Allah yang cukup jelas dan terang dan dipertegas oleh Sunnah Rasulullah dan ijmak para ulama bahawa apabila seseorang telah meninggal dunia dan punya harta warisan maka para ahli warisnya boleh membahagikan harta tersebut jika telah ditunaikan hutang piutangnya dan telah dibayarkan wasiatnya.

Jika dilihat kepada prosedur yang dilakukan dalam pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah

---

<sup>233</sup> *Ibid.*

<sup>234</sup> *Ibid.*

Tanah Sekudung Siulak mengandung unsur syirik dan khurafat yang boleh merosakkan akidah umat Islam. Hal ini dapat kita lihat daripada syarat-syarat yang harus dipenuhi sebelum acara pembahagian harta pusaka dilaksanakan, adanya ayam bulat, jamba kecil, jamba besar, buah tinggi, buah rendah, buah manis, buah masam, tuak, lemang, kerins, sirih pinang, kemenyan dan lainnya.

#### 5. 4 Penghalang pewarisan

Yang dimaksud dengan penghalang pewarisan adalah hal-hal yang menyebabkan seseorang yang seharusnya mendapat harta pusaka/ warisan menjadi tidak berhak menerimanya.<sup>235</sup> Halangan-halangan pewarisan menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Lurah Tanah Sekudung Siulak ada 2 ( dua ) bahagian;

##### 5.4.1 Kerana terdinding (terhalang).

Kerana terdinding atau tehalang oleh ahli waris yang lebih utama. Sebagaimana diketahui, susunan ahli waris dalam kaedah pembahagian harta pusaka adat bertingkat-tingkat bermula dari yang terdekat kepada ahli waris yang lebih jauh. Jika masih ada ahli waris bahagian tingkat pertama, maka terhalanglah ahli waris tingkat atau bahagian kedua dan seterusnya untuk mendapat bahagian harta pusaka.

Contoh: seseorang yang meninggal dunia, mempunyai harta warisan berupa, sawah padi, ladang, haiwan ternakan, wang ringgit. Meninggalkan ahli waris; seorang anak lelaki, 2 orang anak perempuan, isteri, ayah dan ibu. Dalam

---

<sup>235</sup> Prof. Dr. Yunasril Ali, MA. Dkk (2005), *op.cit.*, h. 107.

kes ini yang mendapat harta pusaka atau harta warisan adalah seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan, isteri menumpang pada anak, ayah dan ibu tidak mendapat harta pusaka, jika tidak ada anak, ayah mendapat bahagian bersama ibu dan juga isteri.

#### 5.4.2 Kerana pembunuhan

Pembunuhan yang disengaja atau tidak mengikut perintah dan melawan hukum terhadap si pewaris. Pembunuhan itu memutuskan hubungan kekeluargaan, bahkan akan menimbulkan rasa permusuhan dan kebencian, sedangkan hak pewarisan adalah suatu nikmat serta penghujung kekerabatan dan kasih sayang<sup>236</sup>

Berdasarkan pada huraiyan di atas bahawa kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak membatasi seseorang ahli waris untuk menerima warisan si mati disebabkan dua faktor sahaja iaitu terhalang dan pembunuhan. Akan tetapi di dalam kaedah pembahagian harta pusaka menurut hukum Syarak, halangan-halangan untuk menerima waris ada 3 bahagian utama. Meskipun ada sebahagian ulama mengkategorikan enam halangan dan ada yang membahagikan kepada sepuluh bahagian<sup>237</sup> iaitu:

---

<sup>236</sup> *Ibid.*

<sup>237</sup> Prof. ‘Abdur Rahman Idoi (1984), *Syariah: The Islamic Law*. Rohani Abdur Rahim (*terj.*), Dewan bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: h. 398.

1. Pembunuhan ( al-Qatl ).

Semua ulama bersetuju bahawa pembunuhan tidak boleh mewarisi harta pusaka yang dibunuhnya walaupun dia adalah ahli waris terdekat. Hal ini berdasarkan kepada sabda Rasūlullāh S.A.W yang berbunyi:<sup>238</sup>

لِيْسَ لِلْقَاتِلِ مِنْ تِرْكَةِ الْمَقْتُولِ شَيْءٌ

*Maksudnya: Tidaklah seorang pembunuhan berhak mewarisi harta orang yang dibunuhnya.*

Namun demikian golongan Khawarij berpendapat bahawa pembunuhan berhak terhadap harta warisan<sup>239</sup> Sayyidina Umar menghalang pembunuhan yang membunuh bapanya daripada mewarisi harta pusaka bapanya itu. Jika mereka dibenarkan membunuh dan mendapat faedah daripada pusaka mangsanya itu, ini akan menggalakkan pembunuhan dan orang yang didakwa seolah-olah dibenarkan mendapat faedah daripada jenayah yang dilakukannya.

Persoalan tentang kaedah undang-undang yang menyebut “Pembunuhan tidak boleh mewarisi harta pusaka” terpakai juga kepada “Wasiyah”<sup>240</sup>. Para ulama Maliki berpendapat, jika si mangsa tahu tentang perlakuan itu tetapi dia tidak menarik balik wasiatnya, kita tidak boleh menghalang pembunuhan daripada

---

<sup>238</sup> Drs. Fathur Rahman (1988), *op.cit.*, h. 91

<sup>239</sup> *Ibid*

<sup>240</sup> *Ibid*

mendapat bahagian daripada wasiat itu. Namun demikian Imam Abu Hanifah berpendapat, dia juga akan memakai sekatan yang sama terhadap wasiat. Lebih lanjut para ulama Maliki membahagikan pembunuhan kepada dua kategori<sup>241</sup>

- a. Qatl al-'Amad: membunuh dengan sengaja dan dirancangkan, manakala pembunuhan oleh orang yang tidak siuman dan kanak-kanak tidak dianggap sengaja atau tidak sengaja. Menurut ulama Maliki, mereka ini tidak terhalang daripada mendapat hak dalam pewarisan.
- b. Qatl al-Khata': membunuh dengan tidak sengaja atau tergilap membunuh atau secara kekeliruan. Para ulama Maliki berpendapat bahawa pembunuhan tersebut tidak dihalang daripada mendapat hak dalam pewarisan akan tetapi ia tidak boleh mewarisi diyyah yang dibayar olehnya.

Menurut mazhab Hanafi, pembunuhan akan menghalang hak *warith* sama ada pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja atau dengan tidak sengaja dengan pengecualian dalam kes:

- a. Pembunuhan oleh orang yang tidak waras atau kanak-kanak.
- b. Pembunuhan yang sah disisi Undang-undang menurut keputusan kadhi:

-Pembunuhan secara tidak langsung.

---

<sup>241</sup> *Ibid.*, h. 399.

- Pembunuhan yang dibenarkan menurut syariah
- Membunuh kerana mempertahankan diri.

Kemudian Imam Ahmad bin Hanbal mempunyai pendapat yang sama dengan Imam Abu Hanifah. Tetapi Imam Syafi'i berbeza pendapat dengan semua madhab lain. Beliau berpendapat bahawa semua jenis pembunuhan sama ada sah, dibenarkan, sengaja atau tidak sengaja, langsung atau tidak langsung, akan menghalang untuk menerima harta warisan. Oleh itu, orang yang melakukan apa jua jenis pembunuhan tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka.<sup>242</sup>

## 2. Perbezaan agama

Seorang Muslim tidak dapat mewarisi ataupun diwarisi oleh orang bukan Muslim, apapun agamanya.<sup>243</sup> Hal ini berdasarkan kepada penjelasan Rasūlullāh dalam sabda beliau yang berbunyi<sup>244</sup>:

لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

*Maksudnya: “Orang Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi harta pusaka orang yang beriman”*

Majoriti ulama bersepakat bahawa orang Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang kafir begitu pula sebaliknya.

<sup>242</sup> *Ibid.*

<sup>243</sup> Muhammad Ali al-Sabuni (1389H), *op.cit.*, h. 34.

<sup>244</sup> Prof. ‘Abdur Rahman I. Doi ( 1984 ), *op.cit.*, h. 400.

Misalnya, seorang suami yang beragama Islam mati meninggalkan isterinya yang beragama Yahudi atau beragama Kristian, isteri tersebut tidak boleh mewarisi harta pusaka suaminya tetapi dia berhak mendapat harta tersebut melalui wasiat yang tidak akan melebihi satu pertiga daripada pusaka bersih. Beberapa sahabat seperti Mu'az bin Jabal, Muawiyah bin Abu Sufyan dan lain-lain berpendapat, orang Islam dibenarkan mewarisi harta pusaka saudaranya yang bukan Islam tetapi orang bukan Islam tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam.<sup>245</sup>

Pada masa Muawiyah menjadi Khalifah baginda memperkenalkan peraturan ini dalam istananya. Amalan ini berterusan pada masa pemerintahan Umayyah sehingga semasa pemerintahan Umar bin Abd al-'Aziz. Beliau menghapuskan peraturan ini selepas mengadakan perundingan dengan ulama Islam zaman itu.<sup>246</sup> Mereka yang menerima pendapatnya bersandarkan kepada prinsip yang menyatakan:

الا سلام يزيد ولا ينقص

*Maksudnya : Islam bertambah dan tidak berkurang.*

Berkaitan dengan harta pusaka orang-orang murtad yang mati sama ada disebabkan hukumam hudud atau mati secara biasa,

---

<sup>245</sup> *Ibid.*

<sup>246</sup> *Ibid.*

majoriti ulama di Hijaz dan juga Imam Malik serta Imam Syafi'i berpendapat, hartanya haruslah diserahkan kepada perbendaharaan awam. Tetapi ulama Hanafi di Kufah dan Basrah, dan para sahabat seperti Sayyidina 'Ali dan Ibnu Mas'ud menyokong pendapat Imam Abu Hanifah dan Sufyan al-Thauri yang mengatakan bahawa harta pusaka orang murtad itu boleh diwarisi oleh saudaranya. Mereka mencapai kesimpulan ini dengan berdasarkan kepada qiyas bahawa hubungan orang murtad dengan saudaranya lebih dekat berbanding hubungannya dengan Baitulmal.<sup>247</sup> Menurut mazhab Maliki, Syafi'i dan Hambali bahawa seorang Muslim tidak berhak mewarisi harta saudaranya yang telah murtad. Sebab, menurut mereka, orang yang murtad telah meninggalkan ajaran Islam sehingga secara automatik orang tersebut telah menjadi kafir. Sedangkan menurut mazhab Hanafi, seorang Muslim dapat mewarisi harta saudaranya yang murtad. Bahkan kalangan ulama mazhab Hanafi sepakat mengatakan "seluruh harta peninggalan orang murtad diwariskan kepada saudaranya yang muslim" pendapat ini diriwayatkan daripada Abu Bakar al-Siddiq, 'Ali bin Abi Talib, Ibnu Mas'ud dan lainnya<sup>248</sup>

---

<sup>247</sup> *Ibid.*,h. 402.

<sup>248</sup> Muhammad Ali al-Sabuni (1389H), *op.cit.*, h. 35.

### 3. Perhambaan

Semua ulama bersetuju bahawa perhambaan menghalang kepada perwarisan. Mereka tidak boleh mewarisi harta pusaka dan harta pusaka mereka juga tidak boleh diwarisi. Jika seseorang hamba mati, harta pusakanya tidak boleh diwarisi oleh saudaranya kerana hamba tidak memiliki apa-apa disebabkan apa yang dimiliki oleh hamba adalah kepunyaan tuannya malah dia sendiripun dianggap sebagai harta.<sup>249</sup> Islam memberi ganjaran yang besar terhadap sesiapa yang membebaskan hamba. Perbuatan tersebut dipuji sehingga perhambaan tidak wujud pada hari ini dan masalah perhambaan ini tidak timbul.

Berdasarkan pada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa halangan-halangan pewarisan menurut hukum Islam lebih jelas dan terang serta luas cakupannya, daripada halangan pewarisan menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Dalam hal penghalang pewarisan hukum syarak lebih luas dan jelas menghuraikan tentang sebab-sebab terhalangnya seseorang menerima harta pusaka berbanding kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung yang hanya memberi halangan kepada seseorang ahli waris untuk menerima harta pusaka apabila seseorang membunuh pewaris dan tidak mengikut perintah pewaris (derhaka) sahaja.

---

<sup>249</sup> Drs. Fatcur Rahman (1988), *op.cit.*, h. 84.

## 5.5 Ahli waris

Yang dimaksud dengan ahli waris di sini adalah orang-orang yang berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia. Bagi masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak kedudukan sebagai ahli waris mempunyai erti yang amat penting. Di mana apabila pengurusan harta pusaka itu berjalan dengan baik tanpa adanya pertengkaran dan perselisihan, maka laporan ahli waris akan baik dan terpuji ditengah-tengah masyarakat. Sebaliknya apabila pembahagian atau pengurusan harta pusaka kacau bilau atau banyak kekecohan dan penipuan, maka rosaklah imej dan nama ahli warisnya, bahkan dapat dikatakan pengkhianat terhadap ibu bapa dan para leluhur.<sup>250</sup> Pembahagian harta pusaka ini sebagaimana dikatakan oleh pepatah adat;

*Waris yang berjawat  
Khalifah yang dijunjung*

Waris yang berjawat ertinya ahli waris harus menguruskan pemindahan harta pusaka peninggalan pewaris secara baik dan benar, tidak boleh diabaikan atau cuai. Khalifah yang dijunjung ertinya hak dan kewajipan mengurus harta pusaka tersebut mesti ditunaikan dengan cermat dan jangan sampai terjadi perbalahan dalam hal pembahagian harta tersebut<sup>251</sup>

Dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak anak kandung mempunyai kedudukan yang amat penting dan utama bagi sesebuah “*tumbi*” (keluarga) kerana anak merupakan generasi penerus masa hadapan dan harapan masa hadapan bagi ibu bapanya. Dalam ungkapan sehari-hari di dalam

---

<sup>250</sup> *Ibid.*, h. 108.

<sup>251</sup> Buya Jamudin, Tokoh Adat Kecamatan Kayu Aro, Tamubual pada 25 Februari 2005.

masyarakat dikatakan bahawa “*mencahi untuk anak cucu*” (berusaha atau bekerja mencari harta untuk anak dan cucu). Ertinya usaha yang dilakukan oleh ibu bapa tidak lain adalah untuk kepentingan anak dan cucu-cicitnya. Semua anak kandung menjadi ahli waris melalui orang tuanya dengan kedudukan yang sama<sup>252</sup> susunan ahli waris menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, jelas, berkelompok dan mempunyai perincian, sehingga dapat dilihat di mana sahaja ahli waris itu dapat menerima harta pusaka/warisan dan kepada siapa ia diwariskan. Pembahagian ini didasarkan pada hubungan/pertalian darah yang paling dekat hingga yang paling jauh. Iaitu :

- d. Menarik garis lurus ke bawah (pewaris, anak, cucu, dan seterusnya)
- e. Garis lurus ke atas (pewaris, orang tua, dan seterusnya)
- f. Garis ke tepi (pewaris, saudara kandung, saudara sebaik atau seibu)<sup>253</sup>

Berdasarkanuraian di atas, maka tersusunlah sebanyak sembilan kelompok ahli waris yang berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati. Jika kesembilan kelompok ini tidak ditemui, maka harta pusaka si mati menjadi hak milik kampung<sup>254</sup> tetapi penulis belum menemui atau mendapat data faraid, apakah hal ini pernah terjadi pada masa lampau.

Berdasarkan kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, tidak ada kemungkinan dua kelompok atau lebih menerima harta warisan

---

<sup>252</sup> Lukman Hakim Depati, Tokoh Adat Kecamatan Kayu Aro, Temubual pada 20 Mac 2005.

<sup>253</sup> Prof. Dr. Yunasril Ali, MA. Dkk (2005 ), *op.cit.*

<sup>254</sup> *Ibid.*

secara serentak seperti yang terdapat dalam hukum pewarisan Islam (faraid). Jadi jika ada kelompok pertama maka tertutuplah kelompok berikutnya.

Sebagai contoh: Si mati meninggalkan harta warisan berupa; sawah, ladang, wang, rumah. Sedangkan ahli waris; isteri dua orang anak lelaki dan satu orang perempuan, ayah dan ibu serta saudara lelaki dan perempuan masing-masing satu orang. Menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang mendapat harta pusaka adalah dua orang anak lelaki dan satu orang anak perempuan, isteri ikut menumpang pada anak. Ibu bapa dan saudara tidak mendapat bahagian harta pusaka tersebut sebagaimana pembahagian menurut hukum faraid ada yang mendapat seperenam  $1/6$ , ada yang mendapat  $1/8$  dan lain-lainnya. Dan jika tidak ada anak, barulah harta pusaka tersebut diberikan kepada waris ayah dan ibu, begitulah seterusnya ke atas dan ke samping.

Kelompok-kelompok yang berhak terhadap harta pusaka yang dimaksudkan di atas ialah:

- j. Anak kandung, Anak kandung adalah kelompok pertama dan utama dalam daftar penerima harta warisan, jika anak kandung tidak ada atau telah meninggal kesemuanya sebelum pewaris harta meninggal, atau dengan lain perkataan penerima warisan meninggal terlebih dahulu daripada

pewarisnya akan tetapi dia ada meninggalkan anak, maka tempat dia digantikan oleh anaknya. Jadi di sini berlaku sistem pertukaran tempat.

- k. ibu / bapa dari pewaris
- l. Saudara kandung pewaris atau keturunannya, mereka ini garis keturunan lurus ke samping dan masih satu keluarga dengan pewaris, bukan satu keluarga dengan anak pewaris.
- m. Nenek/datuk pewaris
- n. Bapa saudara / bibi (saudara bapa / ibu) dari pewaris dan juga keturunannya.
- o. Poyang / moyang ( bapa / ibu dari datuk dan nenek).
- p. Saudara nenek / datuk
- q. Nungkat ( datuk / nenek daripada datuk / nenek ) pewaris
- r. Saudara poyang / moyang dan keturunannya.<sup>255</sup>

Hingga di sini senarai penerima harta pusaka dari pewaris menurut hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, jika kelompok terakhir tidak ditemui maka harta pusaka atau warisan baik berupa tanah, rumah, atau ladang dikembalikan kepada masyarakat desa atau kampung untuk memiliki.

Menurut hukum adat yang berlaku di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak si pewaris berkemungkinan mempunyai anak selain daripada anak kandung, seperti anak angkat, anak susuan, anak akuan, anak tiri, dan anak yatim. Namun demikian, anak kandung dan anak angkat yang pengangkatannya dilakukan

---

<sup>255</sup> *Ibid.*

menurut sepanjang adat yang termasuk ahli waris atau yang berhak menerima harta warisan/ pusaka.

Kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sejak nenek moyang sampai pada masa ini membatasi para penerima warisan atau ahli waris yang berhak menerima harta pusaka. Demikian juga halnya dengan janda yang ditinggal mati oleh suaminya yang dalam keadaan hamil, anak dalam kandungannya ini ikut dikira, di sini terdapat dua kemungkinan:

*Pertama*, menunda pembahagian harta pusaka sampai anak itu lahir. *Kedua* membuat andaian bahawa anak itu lahir dalam keadaan selamat atau hidup dan jumlahnya seorang sahaja, dengan akibatnya apabila anak itu lahir dalam keadaan kembar atau meninggal dunia ketika lahir, maka akan diadakan majlis keluarga kembali tentang pembahagian harta pusaka tersebut.

Kemudian masalah anak angkat dan kaitannya dengan harta pusaka si mati juga terdapat dua kemungkinan:

*Pertama* : jika prosedur pengambilannya menurut adat istiadat yang sah maka anak itu akan mewarisi orang tua angkatnya sebagaimana anak kandung, dan anak angkat ini akan terputus hubungannya dengan orang tua kandungnya. Namun cara pengambilan anak seperti ini telah ditinggalkan masyarakat, kerana dirasa sangat berat sekali.

*Kedua* : bagi mereka yang ingin mengambil anak angkat, cukup melalui cara yang sederhana sahaja agar tidak menimbulkan masalah perwarisan harta kelak.

Kemudian anak susuan, anak akuan, dan anak tiri, mereka tidak mewarisi harta orang tua angkatnya, atau ibu bapa akuannya, atau ibu bapa tirinya. Namun demikian tidak dinafikan kemungkinan mereka menerima pemberian dalam bentuk hibah, hadiah, sedekah atau wasiat dan lain-lainnya<sup>256</sup>

Kemudian janda / atau duda yang ditinggal mati atau yang hidup lama, mereka ini tidak termasuk dalam ahli waris daripada isteri / suami si mati. Akan tetapi nasib mereka diberiperhatian. Masyarakat tetap memandang bahawa orang yang paling dekat dengan suami adalah isterinya dan begitu pula sebaliknya, makanya para janda atau duda yang ditinggal mati itu perlu diberikan perhatian. Itulah sebabnya kadang-kadang *bausai baselesai* mengenai harta perkahwinan apabila salah seorang daripada suami atau isteri yang meninggal dunia tidak dilaksanakan pembahagian harta waris / harta pusaka atau ditunda pembahagiannya, sampai kedua-duanya meninggal dunia. Hal ini dijelaskan melalui pepatah adat mengatakan bahawa:

*Harta tepatan ditinggalkan  
Harta bawaan tinggal pada anak  
Harta pencaharian dibahagikan dua  
Hutang dibayar oleh janda/ duda  
Harta pusaka suami tinggal pada anak*<sup>257</sup>

---

<sup>256</sup> *Ibid.*, h. 111.

<sup>257</sup> Muhammad Ridin, Tokoh Masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Temu bual: 24 Mac 2004.

Selanjutnya apabila seseorang yang meninggal dunia tanpa meninggalkan keturunan disebut dengan “*guntung*” dan harta yang ditinggalkannya itu dinamakan dengan *harta guntung*. Penyelesaian masalah harta guntung ini harus merujuk dari mana asal usul harta tersebut dengan berpandukan pada pepatah adat yang mengatakan “*Ayam berinduk, serai berumpun*” (ayam mempunyai induk, serai mempunyai banyak anak). Dalam hal ini kemungkinan salah seorang yang guntung boleh juga kedua-duanya. Masalah harta pencarian mereka ini berpandukan pada pepatah adat yang mengatakan “*sekutu dibelah, sarang dibahagi*” (satu benda yang dimilikinoleh dua orang harus dibelah, jika harta bersama dimiliki keduanya harus dibahagikan dua supaya adil)

Sebagaimana telah dihuraikan di atas bahawa kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak membahagikan tingkatan ahli waris kepada tiga (3), bahagian dan mereka itu terbahagi kepada sembilan ( 9 ) kelompok penerima. Lain halnya dengan sistem perwarisan menurut hukum syarak bahawa faktor timbulnya ahli waris ada empat sebab utama iaitu:

1. Faktor perkahwinan mereka ini adalah suami dan isteri
2. Faktor hubungan darah (kekeluargaan), iaitu ibu, bapa, datuk, nenek, anak, cucu, cicit, saudara, anak saudara, dan lainnya.
3. Wala’, orang yang telah memerdekaan budaknya (hambanya) adalah ahli waris bagi bekas hambanya itu, kalau hamba tersebut tidak mempunyai ahli waris

4. Hubungan sesama Islam, orang Islam yang meninggal dunia dan tidak ada ahli warisnya yang tertentu, harta peninggalannya diserahkan ke baitulmal untuk kepentingan umat Islam<sup>258</sup>

Kemudian menurut hukum perwarisan Islam jumlah ahli waris yang berhak menerima harta pusaka si mati berjumlah 25 orang, 15 orang dari kalangan lelaki dan 10 orang dari kalangan perempuan. Kedua puluh lima orang inilah yang berhak menerima harta pusaka menurut ketentuan hukum Islam sebagaimana yang telah digariskan oleh Allah dalam al-Quran dan melalui penjelasan Sunnah Rasulullah.<sup>259</sup> Orang-orang yang berhak menjadi ahli waris dari pihak lelaki adalah:

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki
3. Bapa si pewaris
4. Datuk dari pihak Bapa
5. Saudara lelaki kandung
6. Saudara lelaki sebapa
7. Saudara lelaki seibu
8. Anak lelaki dari saudara lelaki kandung
9. Anak lelaki saudara lelaki sebapa

---

<sup>258</sup> Dr. Haji Abdullah Siddik,SH (1984), *Hukum Waris Islam dan Perkembangannya diseluruh dunia Islam*: Jakarta, Penerbit Widjaya, h. 48.

<sup>259</sup> al-Ustazh. Idris Ahmad, SH ( 1983 ), *Fiqh Menurut Mazhab Syafi'i* : Kuala Lumpur, Penerbitn. Pustaka Antara, h. 182.

10. Saudara lelaki daripada bapa (bapa saudara) daripada pihak bapa yang seibu seberapa
11. Saudara lelaki dari bapa yang seberapa sahaja (bapa saudara seberapa)
12. Anak lelaki dari saudara bapa yang lelaki (bapa saudara) yang seibu seberapa
13. Anak lelaki dari saudara bapa yang lelaki (bapa saudara) yang seberapa sahaja
14. suami dari si mati
15. Lelaki yang memerdekakan si mati.

Jika kelima belas ahli waris lelaki tersebut di atas ada semuanya, maka yang benar-benar mendapat harta pusaka si mati hanya tiga orang sahaja iaitu:

-bapa

-Anak Lelaki

-dan suami si mati, yang lainnya tidak mendapatkan harta pusaka kerana terdinding ( hijab ) oleh tiga orang ini.<sup>260</sup>

Sedangkan orang-orang yang berhak menjadi ahli waris dari pihak perempuan menurut hukum Islam adalah:

1. Anak perempuan
2. Anak perempuan dari anak lelaki (cucu perempuan) dan seterusnya ke bawah
3. Ibu si mati
4. Ibu dari bapa si mati ( nenek dari sebelah bapa ).

---

<sup>260</sup> Dr. Haji Abdullah Siddik,SH (1984), *op.cit.*, h. 50.

5. Ibu dari ibu si mati terus ke atas
6. Saudara perempuan kandung
7. Saudara perempuan yang sebapa
8. Saudara perempuan yang seibu
9. Isteri si mati
10. Perempuan yang memerdekakan si mati.<sup>261</sup>

Jika kesepuluh ahli waris perempuan yang tersebut di atas ada seluruhnya, maka yang benar-benar mendapat harta pusaka si mati adalah lima orang sahaja daripada mereka iaitu;

-Isteri

-Anak perempuan.

-Anak perempuan dari anak lelaki (cucu perempuan).

-Ibu.

-Saudara perempuan yang seibu sebapa, yang lainnya itu tidak mendapat kerana terdinding (terhijab) oleh orang lima ini.<sup>262</sup>

Seterusnya, jika kedua puluh lima daripada ahli waris yang tersebut di atas ada semua, maka yang tetap pasti mendapat harta pusaka si mati hanya salah seorang dari, suami isteri, ibu dan bapa, anak lelaki dan anak perempuan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-

---

<sup>261</sup> *Ibid.*

<sup>262</sup> *Ibid.*

Quran<sup>263</sup> Semua nama-nama ahli waris yang telah dihuraikan di atas, mereka ini terbahagi kepada 3 kelompok utama menurut hukum syarak iaitu:

1. Golongan Dhawi al-furud.

Golongan dhawi al-furud ini adalah mereka yang mengambil harta pusaka si mati, menurut ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran.

2. Golongan Mu ‘asib.

Golongan mu ‘asib adalah mereka yang mengambil harta pusaka si mati secara mengemaskini (mengambil habis), setelah golongan dhawi al-furud mengambil bahagiannya.

3. Golongan dhawi al- Furud dan Mu’asib.

Golongan dhawi al-furud dan mu’asib adalah mereka yang mengambil harta pusaka si mati, kadang-kadang menurut aturan dhawi al-furud, dan kadang-kadang menjadi golongan mu ‘asib (mengambil yang masih berbaki).<sup>264</sup>

Adapun mu’asib terbahagi pula kepada tiga bahagian, iaitu:

a. Mu’asib bi Nafsih

Mu’asib bi nafsih iaitu seseorang ahli waris mengambil harta pusaka secara menyeluruh (membulatkan), kerana dia sendiri saja, tidak disebabkan oleh adanya ahli waris yang lain dekatnya.<sup>265</sup> ‘Asabah bi-nafsihi, ini baik di dalam al-Quran mahupun di dalam hadith Nabi Muhammad SAW tidak dinyatakan bahagiannya yang tertentu, tetapi

---

<sup>263</sup> *Ibid.*

<sup>264</sup> Al-Ustaz H. Idris Ahmad,SH, (1983), *Op.cit.*, h. 184.

<sup>265</sup> *Ibid.*

mereka pasti mendapatkan harta pusaka si mati kerana mereka lebih dekat kepada si mati<sup>266</sup>

Contohnya: Anak lelaki. Untuk anak lelaki ini tidak ada bahagiannya yang tertentu, tetapi ia pasti mendapat harta pusaka si mati kerana ia paling hampir kepada bapa dan ibunya. Hanya berapa banyak ia mendapatkan harta pusaka bergantung kepada jumlah dhawi al-furud yang telah mengambil bahagiannya. Dan ia menghabisi harta yang tinggal.<sup>267</sup>

b. Mu'asib bi ghairihi.

Mu'asib bi-ghairihi iaitu ahli waris yang sesungguhnya ia bukanlah termasuk “mu'asib” (menghabisi harta) kerana bahagiannya ada ketentuannya di dalam al-Quran. Tetapi kerana ia berdampingan dengan orang yang satu derjat dengan dia, maka orang yang mendampinginya ini merupakan sebab baginya supaya ia mu'asib.

Contohnya: anak perempuan kandung. Untuk anak perempuan ini dinyatakan oleh Allah bahagiannya di dalam al-Quran, iaitu;  $\frac{1}{2}$  (seperdua) kalau ia seorang, atau  $\frac{2}{3}$  (dua pertiga), kalau ia lebih dari seorang. Tetapi apabila ia berdampingan dengan saudaranya yang lelaki maka ia tidak termasuk dhawi al-furud lagi. Melainkan menjadi “ mu'asib bil- ghairi ”. (menghabisi harta bersama-sama dengan saudaranya yang

---

<sup>266</sup> Ibid.

<sup>267</sup> Ibid.

lelaki itu)<sup>268</sup> maka bagi saudaranya yang lelaki mendapatkan harta pusaka si mati 2x (dua kali) dari bahagiannya. Jadi saudaranya mendapat 2/3 (dua pertiga), sedangkan ia sendiri mendapat 1/3 (sepertiga), harta pusaka si mati.

c. Mu'asib ma'al-ghairi.

Mu'ashib ma'al-ghairi adalah ahli waris yang mengambil harta pusaka secara mengemas, bersama-sama sekaligus, dengan dhawi al-furud. Dengan lain perkataan, ahli waris, yang sesungguhnya kalau ia seorang, maka ia belum ada hak untuk menerima harta pusaka, selagi ada ahli waris yang lebih dekat dengan si mati. Akan tetapi kerana ia berada di samping Ahli al-furud, maka dia menjadi mu'asib dengan ahli furud itu.<sup>269</sup>

Contohnya: Seorang saudara perempuan, berada di samping anak perempuan. Maka saudara perempuan mendapat  $\frac{1}{2}$  (seperdua), dari harta pusaka, disebabkan seorang anak perempuan mendapat  $\frac{1}{2}$  (seperdua), harta pusaka. Maka saudara perempuan mendapat 1/3 (sepertiga), apabila ia berada di samping dua atau tiga atau lebih daripada anak perempuan. Sebab bahagian dua anak perempuan atau lebih, tidak melebihi daripada 2/3 (dua pertiga), harta pusaka si mati.

---

<sup>268</sup> *Ibid.*

<sup>269</sup> *Ibid.*

Dariuraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa pengertian ahli waris menurut kaedah hukum perwarisan Islam lebih luas dan lebih jelas perincian dan bahagiannya apabila dibandingkan dengan pengertian ahli waris yang diguna pakai oleh kaedah pembahagian harta pusaka adat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Meskipun ada beberapa aspek mempunyai persamaan akan tetapi lebih besar perbezaannya. Dan juga kaedah pembahagian harta pusaka menurut hukum Islam telah jelas diterangkan oleh Allah dalam al-Quran dan sabda Rasūlullāh SAW serta dengan bahagian-bahagiannya. Sedangkan kaedah yang diamalkan oleh hukum adat tidak menyebutk secara terperinci jumlah bahagian yang diterima oleh seorang ahli waris. Pembahagian harta pusaka adat di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak seseorang ahli waris boleh menggantikan tempat ahli waris yang lain dan jika si mati ada meninggalkan anak, ahli waris yang lain tidak akan mendapat bahagian harta pusaka, dalam sistem hukum faraid hal ini tidak dikenal pasti dan tidak ada ketentuannya.

## 5.6 Pelaksanaan pembahagian harta pusaka

### 5.6.1 Pembahagian harta pusaka

Pada dasarnya, sistem perwarisan adat perpatih adalah berbentuk kolektif<sup>270</sup> berdasarkan kenyataan ini, pemilikan terhadap harta pusaka adat tidak boleh

---

<sup>270</sup> Abdullah Siddik (1975), *Pengantar Undang - undang Adat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 145.

dibahagikan dalam kalangan ahli waris. Setiap tanah adat yang dimiliki oleh sesuatu kaum atau *suku* ataupun *kalbu* adalah hak milik bersama dan setiap rumpun atau keluarga dikhkususkan kepada kawasan-kawasan tertentu untuk mengusahakan tanah tersebut<sup>271</sup>. Pertikaian kerap timbul apabila sistem pembahagian tanah pusaka adat ini dianalisis dari sudut perkembangan hukum fiqh Islam. Punca utama yang menyebabkan pertikaian ini adalah kaedah sebenar yang seharusnya diguna pakai bagi membolehkan amalan tanah adat diterima dalam Islam. Dalam kalangan pengkaji adat Melayu, pendekatan yang sering kali digunakan ialah berdasarkan sistem pusaka Islam ( *al-faraaid* )<sup>272</sup> hal ini disebabkan, pemilikan harta adat dianggap sebagai harta milik peribadi seseorang individu berdasarkan catatan nama-nama yang terdapat di dalam geran tanah. Oleh yang demikian, apabila pemilik tanah adat meninggal dunia, pentadbiran harta tersebut akan dilaksanakan dan dibahagikan kepada ahli waris yang masih hidup berdasarkan sistem *al-faraaid*.<sup>273</sup>

Bentuk perwarisan yang diamalkan oleh adat berbeza dengan sistem perwarisan sebagaimana yang difahami dalam Islam. Perwarisan tanah adat sebenarnya merupakan suatu proses yang melibatkan pemindahan peranan dalam pengurusan dan pengelolaan harta pusaka milik bersama bukannya

---

<sup>271</sup> Norhalim Hj. Ibrahim ( 1994 ), “sistem adat Masyarakat Negeri Sembilan ( suatu Pengenalan Ringkas )”, dalam A. Samad Idris ( ed. ), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman, op.cit.*, h. 64.

<sup>272</sup> Abdul Kadir H. Muhammad (1997), “Hukum Pusaka orang - orang Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas”, *Jurnal syari’ah*, Jil. 5. Bil. 1 Januari 1997. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syari’ah, APIUM, h. 63.

<sup>273</sup> Noor Haslina Binti Osman (2004), “Adat Melayu sebagai Sumber Hukum: Penilaian dari perspektif Teori Al-‘Uruf wa al’adah:( Disertasi sarjana *Jabatan Fiqh dan Ushul bahagian Pengajian Islam* ), Universiti Malaya, h. 99.

peralihan harta kepada individu secara peribadi untuk dimiliki secara perseorangan.<sup>274</sup> Selain itu, perwarisan tanah adat daripada pihak ibu kepada pihak anak berlaku bukan sahaja disebabkan oleh kedudukan anak tersebut (hubungan anak dengan ibu), akan tetapi ianya juga disebabkan oleh pertalian anak dengan suku ibu.<sup>275</sup>

Berdasarkan perbezaan yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa konsep pembahagian tanah pusaka menurut hukum adat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak tidak sepatutnya diklasifikasikan sebagai harta pusaka sebagaimana menurut Islam kerana ia tidak memenuhi kriteria-kriteria sistem pusaka Islam. Hal ini dapat dilihat melalui konsep hak milik terhadap harta tersebut. Menurut hukum syarak, konsep pemilikan harta sebegini dikenali sebagai pemilikan tidak sempurna (*milk al-naqis*), kerana ia melibatkan pemilikan sama ada harta (*milk al-'ayn*) atau manfaat (*milk al-manfa'ah*) sahaja<sup>276</sup> selain itu, kedudukan harta pusaka adat juga tidak menepati syarat harta (*al-mawruth*) dalam rukun al-faraid.<sup>277</sup> Berdasarkan hukum Fiqh Islam, konsep harta pusaka yang boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup mestilah terdiri daripada harta yang dimiliki oleh si mati sama ada berbentuk wang ringgit, benda atau hak-hak tertentu.

---

<sup>274</sup> H. Sjoffian Thaib (1999), “Pembahagian harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman Indonesia”, dalam *pentaadbiran Harta menurut Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM ), h. 269.

<sup>275</sup> Safrudin Halimy Kamaluddin (2000), “Hukum Keluarga Adat Minang Kabau: Satu kajian Menurut Hukum Syarak”. (Desertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 281.

<sup>276</sup> Wahbah al-Zuhayli (1997 M / 1418 H), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, j. 6, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 4551-4553.

<sup>277</sup> *Ibid.*, h. 7703.

Harta-harta amanah dan sebagainya tidak tergolong ke dalam harta peninggalan si mati.<sup>278</sup> Berdasarkan kenyataan ini, golongan perempuan yang bertanggungjawab memegang harta amanah kaumnya tidak termasuk dalam konsep al-faraaid. Harta pusaka adat bukan hak milik persendirian tetapi sebenarnya adalah hak bersama cuma pihak perempuan diberi keistimewaan untuk menjaga tanah tersebut.

Jadi pendekatan yang boleh diguna pakai bagi membolehkan adat itu diikuti dan diteruskan adalah berdasarkan konsep wakaf dalam Islam. Melaluinya, konsep harta pusaka adat diklasifikasikan sebagai tanah wakaf khas<sup>279</sup>. Wakaf menurut istilah kalangan Fuqaha al-Hanafiyyah, al-Syafi'iyyah dan al-Hanabillah ialah pemberian harta atau benda yang bersifat kekal ‘aynnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya kepada sesuatu tempat atau pihak tertentu semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>280</sup> Wakaf khas pula merupakan wakaf yang dilakukan oleh seseorang khusus untuk individu tertentu umpamanya anak dan cucu dan sebagainya.<sup>281</sup>

Dan konsep ini bagi penyelesaian harta pusaka tinggi dan masalah harta pusaka rendah pula sering tidak ada ketentuan yang jelas tentang pembahagiannya, sehingga sering terjadi kekecohan dalam pembahagian

---

<sup>278</sup> *Ibid.*, h. 7701.

<sup>279</sup> A. Samad Idris (1999), “Pembahagian Harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman di Malaysia”, dalam *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, h. 760.

<sup>280</sup> al-Zuhayli (1997 / 1418), *op.cit.*, h. 7601.

<sup>281</sup> *Ibid.*, h. 7607.

harta pusaka rendah ini kerana kaedah pembahagian harta pusaka rendah bersandarkan pada pepatah adat yang mengatakan;

*Berat tinggal,  
Ringan terbawa*

(maksudnya; semua harta berat akan ditinggalkan, dan semua harta ringan akan dibawa pergi ).

Harta berat yang dimaksudkan di atas adalah sawah padi, rumah, bilik padi, tanah tempat rumah ia akan ditinggalkan pada anak perempuan, sedangkan ladang, wang ringgit, kenderaan akan diambil oleh anak lelaki. Dan apabila rumah, tanah tempat rumah dijual ia akan menjadi harta ringan. Pada ketika ini harta ringan ini lebih banyak daripada harta berat dan inilah punca terjadinya kekecohan dan ketidakadilan. Dan dalam hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak anak perempuan harus tunduk pada peraturan *tengganai* (anak jantan). Dan pembahagian harta pusaka rendah ini menurut penulis harus dikembalikan kepada hukum pusaka Islam, kerana untuk menghindarkan dari penindasan atau perampasan hak sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang pandai berkata-kata atau mereka yang pandai berhujah. Dan menurut pengalaman dan pengamatan penulis di lapangan hal ini sering terjadi, apatah lagi pihak-pihak yang pandai berhujah ini cetek agamanya, perkara ini adalah amat dinantikannya. Satu hal yang sangat mendasar untuk mengabsahkan dalam kaedah pembahagian harta pusaka adat adalah wang sidang majlis yang terkenal dengan istilah *wang pausai* jika tidak dibayar wang sidang ini pembahagian harta pusaka, harta sepencarian boleh

dibatalkan oleh pihak yang tidak berkenaan. Dan wang ini dibahagikan oleh para Depati Ninik Mamak yang menghadiri majlis pembahagian harta warisan tersebut. Dan istilah wang pausai ini dalam hukum faraid tidak ditemukan, dalam hukum faraid dinamakan dengan amil atau yang mengurus harta warisan si mati.

#### 5.6.2 Pembahagian harta sepencarian

Harta sepencarian atau harta carian suami isteri merupakan harta yang diperoleh suami isteri semasa perkahwinan secara usaha bersama.<sup>282</sup> Ia merupakan amalan adat yang telah diwarisii secara turun-temurun oleh orang Melayu sebelum kedatangan Islam.<sup>283</sup> Amalan pembahagian harta sepencarian telah diamalkan secara meluas di dalam undang-undang adat Perpatih dan adat Temenggung. Bagi negeri yang mengamalkan adat Temenggung, konsep pembahagian harta ini dikenali sebagai harta sepencarian<sup>284</sup> di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung yang mengamalkan adat Perpatih, harta yang diperoleh semasa perkahwinan ini dapat dikategorikan kepada 3 (tiga) jenis iaitu harta carian, harta tepatan, harta bawaan. Sebagaimana diungkapkan dalam perbilangan adat yakni:

*Tepatan tinggal  
Pembawa kembali  
Carian dibagi  
Ada anak dibagikan tiga*

---

<sup>282</sup> M.B Hooker (1976), *Personal law of Malaysia*. Singapore: Oxford University Press, h. 7.

<sup>283</sup> Suaid Tapah (1996), “Konsep dan Amalan Pembahagian Harta sepencarian Orang-orang Islam di Malaysia” ( tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 100.

<sup>284</sup> Noor Haslina Binti Osman (2004), “Adat melayu sebagai Sumber Hukum: Penilaian dari Perspektif Teori Al-‘Urf wa al-adah (tesis sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, h. 82.

*Tidak ada anak dibagikan dua*

Harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri semasa perkahwinan dikenali sebagai harta carian suami isteri<sup>285</sup> yang juga dikenali sebagai harta suarang<sup>286</sup> sebagaimana yang dikatakan oleh pepatah adat:

*Harta suarang dibahagi  
Sekutu dibelah  
Tepatan tinggal  
Pembawa kembali  
Ada anak dibagikan Tiga  
Tiada anak dibagikan dua  
Mati laki bini bekerajat  
Mati bini laki yang bekerajat*

Tuntutan mengenai harta sepencarian ini biasanya dilakukan oleh pihak isteri apabila berlakunya perceraian sekiranya ada harta yang dikumpulkan selama tempoh perkahwinan dan sama ada salah satu pihak yang membuat tuntutan atau ia tidak boleh diselesaikan mengikut muafakat adat<sup>287</sup>.

Dalam kaedah pembahagian harta pusaka adat daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak harta sepencarian ini jika berlaku kematian terhadap tuan punya harta maka, harta akan menjadi milik isteri dan keluarga suami jika suami yang meninggal, dan akan menjadi milik suami dan keluarga isteri jika isteri yang meninggal dunia, dan pembahagian seperti ini apabila mereka tidak mempunyai anak dan jika mereka mempunyai anak maka harta carian ini menjadi milik anak bersama ibu jika suami yang meninggal dan apabila ibu

---

<sup>285</sup> M. B hooker (1972), *Adat Laws In Modern Malaya: Land Tanure, Traditional Government and Religion*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 210.

<sup>286</sup> Othman Ishak (1992), *Hubungan Antara Undang-undang Islam Dengan Undang-undang Adat*, c. 3. Kuala Lumpur, DBP, h. 76.

<sup>287</sup> Suwaid Tapah ( 1996 ), *op. cit.*, h. 27.

yang meninggal harta carian ini menjadi milik anak dan suami, tetapi kebiasaan yang berlaku ditengah-tengah masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak hingga kini adalah jika isteri meninggal dunia mempunyai anak, suami dalam kedaan masih muda, maka harta carian ini ditinggalkan pada anak dan suami rela melepaskan haknya, kemudian dia berkahwin lagi.

Kemudian di dalam hukum perwarisan Islam bahawa harta carian yang melibatkan suami dan isteri ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran surat al-Nisa yang berbunyi :

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَمْ يَكُن لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ  
فَلَكُمُ الْرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَيَتْ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الْرُّبُعُ  
مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن لَمْ يَكُن لَكُمْ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْثُمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ  
مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصَوْنَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ اُمْرَأً وَلَهُ  
أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلٍّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا الْسُّدُسُ فَإِن كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شَرِكَاءٌ  
فِي الْثُلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍ وَصِيَّةٌ مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ  
حَلِيمٌ شُرَكَاءٌ

*Maksudnya: "Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. jika Isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) seduah dibayar hutangnya. para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. tetapi jika Saudara-*

*saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris)*

surat Al-Nisa' (4) :12.

Ayat ini secara khususnya telah menghuraikan pembahagian harta pusaka bagi suami isteri<sup>288</sup> dan pembahagian ini tidak melibatkan pemilikan harta yang diperoleh melalui perkongsian bersama. Di dalam ayat yang lain, Allah melarang seseorang menceroboh harta milik orang lain atau mengambil harta tersebut dengan cara yang batil seperti menipu, menindas dan sebagainya. Ini ditegaskan oleh firman-Nya dalam surat al-Baqarah yang berbunyi:

تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ وَلَا بِالْبَطْلِ وَتَدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ  
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*Maksudnya: Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui.*

Surat al-Baqarah (2): 188

Harta sepencarian yang diusahakan secara bersama antara suami dan isteri dikategorikan sebagai hak milik bersama dan sekiranya berlaku perceraian, ianya hendaklah dibahagikan secara sama rata. Kedua-dua pihak yang terlibat mempunyai hak yang sama terhadap pemilikan harta tersebut. Jika hanya satu pihak sahaja yang mendapat manfaatnya, sudah pasti ianya termasuk dalam ayat ini yang melarang mengambil harta atau hak milik orang lain secara salah.

---

<sup>288</sup> Sayyid al-Qutub (1995 M/ 1415 H), *Fi Zilal al-Quran*, j. 4, c. 24. Beirut: Dar al-Syuruq, h. 593.

Pembahagian harta secara adil dan saksama diterangkan oleh Allah dalam surat al-Nisa ayat 32 yang berbunyi:

وَلَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا  
أَكَّتَسُوا ۖ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكَّتَسْبَنَ ۗ وَسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِۚ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

*Maksudnya: Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain. (kerana) bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian daripada kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui segala sesuatu.*

Surat al-Nisa'(4): 32

Harta sepencarian yang diperolehi oleh pasangan suami isteri hendaklah dibahagikan secara sama rata kerana pembahagian sebegini menepati konsep keadilan yang dituntut oleh ajaran Islam.

Berdasarkan pada huraiyan di atas dapatlah dirumuskan bahawa pengertian harta sepencarian semata-mata dari istilah hukum pewarisan adat yang telah sejak lama diamalkan oleh warga masyarakat adat dan khususnya di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, sedangkan dalam hukum perwarisan Islam tidak mengenal istilah harta sepencarian. Namun demikian, oleh sebab ia adalah telah menjadi amalan masyarakat sejak dahulu kala maka hukum syarak memberikan ruang untuk berlakunya amalan pembahagian harta sepencarian ini berdasarkan pada konsep umum

pembahagian harta pusaka seperti yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam ayat di atas, dan juga berdasarkan pada kaedah pemakaian ‘urf yang telah disepakati oleh para ulama sebagaimana yang telah penulis huraikan pada bahagian bab dua.

### 5.6.3 Harta guntung

Pengertian guntung di dalam kaedah pembahagian pewarisan adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah istilah yang dihubungkaitkan dengan orang yang tiada mempunyai ahli waris (anak) mereka dinamakan guntung ertiannya putus pertalian darahnya atau tiada keturunannya, sedangkan harta pusaka mereka dinamakan dengan harta guntung. Dalam istilah hukum perwarisan adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak istilah guntung ini ada empat bahagian:

- e. *Guntung sirih*, mereka ini tidak mempunyai keturunan tetapi mereka masih mempunyai orang tua. Penentuan hartanya menurut adat “*guntung sirih balik ke gagang*” ertiannya harta yang berasal daripada orang tuanya kembali kepada ibu bapa menurut asal harta tersebut, harta pencarian suami isteri dibahagikan dua satu bahagian untuk pihak yang masih hidup dan satu bahagian untuk ibu bapa si mati.
- f. *Guntung pinang*, mereka ini tidak mempunyai keturunan / anak sedangkan orang tua mereka sudah pula meninggal dunia, tetapi kakek/

neneh mereka masih hidup. Penentuan harta mereka menurut adat; *Guntung pinang balik ketampuk / tanduk*. Ertinya harta mereka kembali kepada neneh / kakek mereka.

- g. *Guntung putus tali*, mereka ini di samping tidak meninggalkan salah seorang anak, orang tua mereka dan kakek/neneh mereka juga telah pun tiada, semua telah meninggal dunia. Ketentuan harta mereka menurut adat adalah: “*putus tali balik ketambang*”. Ertinya harta mereka kembali kepada saudara kekek / neneh mereka, jika mereka juga telah meninggal, maka harta tersebut kembali kepada kalbu / perut atau kaum.
- h. *Guntung pecah biduk*, mereka ini di samping tidak meninggalkan keturunan, orang tua, neneh/datuk, mahupun puyang mereka semua telah meninggal. Maka ketentuan harta mereka iaitu “*pecah biduk balik ke kualo*” ertinya harta kembali kepada luhah atau negeri<sup>289</sup>

Pengertian putus ahli waris atau seseorang yang tidak mempunyai ahli waris menurut hukum adat berbeza dengan pengertian orang yang tidak mempunyai ahli waris menurut hukum faraid. Pada huraian tentang ahli waris di atas, penulis telah menjelaskan bagaimana sistem ahli waris yang disebutkan oleh kaedah pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dan berapa jumlah ahli waris yang berhak menerima harta pusaka si mati, penulis juga telah memaparkan ahli waris-ahli waris menurut hukum syarak serta orang-orang yang berhak menerima harta pusaka si mati.

---

<sup>289</sup> Iskandar Zakaria (1984), *op.cit.*, h. 54.

Pengertian orang yang tidak mempunyai ahli waris menurut hukum Islam lebih luas cakupannya daripada pengertian yang dimaksudkan oleh kaedah pembahagian harta pusaka Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak kerana pengertian orang yang putus ahli waris atau tidak mempunyai ahli waris yang dimaksudkan oleh kaedah pewarisan adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah anak kandung daripada si mati dengan lain perkataan, orang yang mati tidak meninggalkan anak (tidak mempunyai anak) sedangkan dia mempunyai harta pusaka, kaedah pembahagian harta pusaka adat lebih menitikberatkan kepada anak kandung, selagi ada anak kandung harta pusaka tidak jatuh ketangan ahli waris yang lain seperti; ayah, ibu, saudara, isteri, cucu. dan lain-ainnya. Sedangkan pengertian ahli waris menurut hukum syarak telah ditetapkan dengan jelas oleh Allah melalui firmanNya pada surat al-Nisa, ayat; 7, 11, 12, 176 dan surat-surat yang lain.

Dariuraian di atas dapatlah penulis simpulkan bahawa pengertian orang yang tidak mempunyai ahli waris menurut hukum pewarisan adat sungguh berbeza dengan pengertian orang yang tidak mempunyai ahli waris menurut al-Quran dan sunnah Rasūlullāh. Berdasarkan pengalaman dan pengamatan penulis di lapangan, sering terjadi kekecohan apabila pembahagian harta pusaka orang yang tidak mempunyai keturunan atau pembahagian harta guntung ini. Di mana, selalunya orang yang pandai berhujah dan berdalih akan mendapat bahagian yang banyak daripada harta pusaka guntung ini.

Kadang-kadang pihak yang pandai berhujah sengaja membuat kekecohan. Untuk menghindarkan diri daripada dosa dan supaya generasi yang akan datang tidak salah, sudah sepantasnya pembahagian harta pusaka gunting ini dikembalikan kepada peraturan yang telah dibawa oleh RasulullÉh iaitu al-Quran dan sunnah RasÉlulÉh SAW yang menjamin kebahagian dunia dan akhirat dengan pembahagian sistem faraid.

## BAB KEENAM

### P E N U T U P

#### A. Rumusan

‘urf, budaya, adat dan amalan kebiasaan adalah istilah yang hampir sama maknanya ianya bermaksud budaya masyarakat yang lumrah dan diterima dengan penuh rela dan senang hati sama ada dalam bentuk perkataan ataupun perbuatan sama ada umum mahupun khusus. Ia berbeza dengan zurūf kerana ‘urf merujuk kepada amalan sesuatu masyarakat dan telah sebatи dalam jiwa mereka serta dianggap baik dan patut. Manakala zurūf merujuk kepada keadaan persekitaran sama ada baik ataupun buruk, disukai ataupun tidak walaupun berbeza kedua-duanya mempunyai peranan yang sama dalam memberi kesan terhadap perubahan hukum.

Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah suatu perilaku dan peraturan yang dibuat oleh nenek moyang mereka yang telah diwarisi secara turun-temurun yang dianggap patut dan sesuai untuk mengatur segala aspek tingkah laku dan pergaulan dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung.

Di dalam daerah Kerinci, hukum adat dan tradisi adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak mempunyai keunikan dan ciri yang khas dengan negeri-negeri lain yang dalam pepatah adat dikatakan *beranjung mencin*

*bertapian dewek* sampai setakat ini masih utuh dan dipertahankan, dan juga dia akan tetap ada sesuai dengan peredaran zaman sebagaimana ditegaskan oleh pepatah adat “*tidak lekang kena paneh dan tidak lapuk kena hujan,*”

Kaedah pembahagian Harta Pusaka Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah peraturan adat yang telah disepakati bersama serta telah sebatи dengan perasaan masyarakat yang dianggap patut serta dapat memberikan keadilan dan melindungi hak-hak individu mereka dalam hidup bermasyarakat dan berkeluarga di dalam Wilayah Hukum Adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Yang mempunyai falsafah kekeluargaan dan bergotong-royong. Sebagaimana dikatakan oleh pepatah adat itu sendiri:

*Keluk paku kacang belimbing  
Tempurung dilenggang-lenggangkan  
Dibao turun kesuraso, tanam lah sirih jo uratnyo  
Anak dipangku, kemenakan dibimbang  
Kurung kampung dipegangkan  
Pegang serto dengan adatnyo,  
jago negeri jangan binaso.*

Sehubungan dengan itu sememangnya banyak ‘urf dan adat yang boleh diambil kira serta dapat diterima pakai dalam penetapan hukum syarak namun begitu dengan syarat ianya tidak ada sebarang percanggahan dengan dasar syariat mahupun nas. Begitu juga ‘urf dan adat boleh dijadikan hukum dan tidak dinafikan berlakunya perubahan hukum

ekoran perubahan zaman hanyalah berkaitan dengan hukum yang dibina atas dasar ‘urf dan adat semata-mata.

## B. Kesimpulan

1. Kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak perlu disemak kembali dan diluruskan kerana terdapat unsur khurafat dan syirik. Hal ini terlihat pada proses penerimaan harta warisan yang mempunyai syarat-syarat tertentu yang mesti dipenuhi iaitu:  
ayam bulat, tuak, buah masam dan buah manis, buah tinggi dan buah rendah nasi bungkus (jamba), kemenyan, lemang, pinang untuk dikemukakan kepada depati ninik mamak sebagai syarat yang mesti ada dalam majlis pembahagian harta pusaka. Sedangkan didalam sistem hukum faraid atau hukum syarak, jika seseorang telah meninggal dunia mempunyai harta pusaka sebelum harta pusaka dibahagikan pada ahli waris yang berhak menerimanya, syarat-syarat yang harus dipenuhi adalah membayar semua biaya pengebumian si mati, hutang piutangnya, wasiatnya bila semua telah ditunaikan barulah harta pusaka boleh dibahagikan, kepada ahli waris yang berhak untuk menerimanya.

2. Kaedah pembahagian harta pusaka adat dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak memberikan ketentuan bahawa harta pusaka boleh dibahagikan kepada ahli waris jika kedua-dua orang tua telah meninggal dunia yang disebut dengan istilah *memberi ibu bapa nasi* atau *bausai basa lesai* sedangkan dalam hukum syarak atau hukum Islam mengisyaratkan bahawa apabila seseorang telah meninggal dunia, meninggalkan harta pusaka dan telah ditunaikan segala macam pembiayaan sampai pada biaya pengebumian dan telah ditunaikan hutang serta wasiatnya, harta pusaka tersebut boleh dibahagikan kepada ahli waris yang berhak menerimanya.
3. Harta pusaka tinggi adalah harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia (untuk diwarisi oleh ahli keluarganya dan lain-lain), atau harta turun temurun daripada nenek moyangnya yang boleh digunakan oleh kaum keluarga sahaja dan tidak boleh dijualbeli. Berdasarkan hukum faraid harta pusaka yang boleh diwariskan kepada ahli waris yang masih hidup mestilah terdiri daripada harta yang dimiliki oleh si mati samada wang ringgit, benda atau hak-hak tertentu, harta amanah dan sebagainya tidak digolongkan kepada harta peninggalan si mati.
4. Harta pusaka rendah adalah harta pusaka yang diperolehi daripada satu generasi, dan ia boleh dibahagikan kepada para ahli waris,

seperti, wang ringgit, kerbau, rumah, kebun sawit dan sebagainya.

Sistem pembahagiannya berpandukan pada pepatah adat yang berbunyi; *berat tinggal, ringan terbawa*. Maksudnya segala macam harta berat seperti rumah, sawah, bilik padi, tanah tempat rumah tinggal pada anak perempuan, sedangkan harta ringan seperti wang ringgit, ladang, kerbau dan semua harta yang bersifat ringan akan dibawa oleh anak lelaki, rumah bila telah dijual akan menjadi harta ringan dan akan di ambil oleh anak lelaki.

5. Pembahagian harta pusaka adat yang melibatkan tanah kepada pihak perempuan di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sebenarnya tidak sama dengan pengertian pusaka sebagaimana yang difahami dalam Islam kerana, pemilikan harta pusaka di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak lebih merupakan harta milik bersama bukannya harta milik persendirian yang kebetulan hanya dikhkususkan kepada perempuan untuk menjaganya. Sehubungan itu hak pemilikan adalah elemen utama yang membezakan sistem pembahagian harta pusaka adat ini dengan pusaka Islam. Pendekatan terhadap amalan pembahagian tanah adat kepada golongan perempuan di daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak seharusnya dirujuk berdasarkan konsep wakaf khas yang telah diterima pakai dalam hukum fiqh Islam.

6. Konsep harta sepencarian merupakan amalan adat yang telah sebatی dengan masyarakat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak yang berkembang sejak dahulu kala. Adat pembahagian harta sepencarian merupakan adat yang sahih. Hal ini kerana, perbincangan secara umum mengenainya bertepatan dengan firman Allah yang menekankan aspek keadilan dalam pembahagian sesuatu harta di samping menjauhi amalan mengambil harta milik orang lain secara batil. Masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak menerima sistem pembahagian harta perkahwinan berdasarkan kepada ketetapan adat kerana ia meraikan konsep keadilan dan keadilan ini juga bersesuaian dengan asas perundangan Islam.
  
7. Faktor yang membuat hukum pembahagian harta pusaka adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak ini dapat bertahan sampai pada masa ini adalah:
  - a. Kerana telah diwarisi secara turun temurun sejak dari nenek moyang.
  - b. Undang-undang negara Indonesia melalui ketetapan No.II MPRS / 1960 mengiktiraf berlakunya hukum adat, sehingga masalah yang ada hubung kait dengan harta pusaka hrndaklah dirujuk kepada mana-mana hukum adat negeri yang berkaitan untuk memutuskannya.

- c. Kerana cetek pengetahuan agama, mereka mengira apa yang dilakukan oleh para leluhur telah selari dengan hukum Islam hal ini mereka dapati pada pepatah adat yang mengatakan; *adat bersendi kepada Syarak, Syarak bersendi kitabullah. Syarak mengata adat memakai.*
  - d. Tidak adanya komitmen daripada kerajaan negeri maupun pusat untuk menerapkan sistem hukum Islam secara 100 peratus, sehingga kurang pemahaman masyarakat tentang hukum syarak secara luas dan mendalam.
  - e. Kurangnya para ulama yang pakar dalam wilayah hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak sehingga kurang pendedahan tentang kebaikan Fiqh Islam dan hukum syarak untuk diterapkan.
8. Dalam susunan ahli waris menurut hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adalah berbeza dengan susunan ahli waris menurut hukum faraid. Menurut hukum adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak susunan ahli waris iaitu:
- a. anak kandung
  - b. ayah/ ibu
  - c. saudara kandung atau keturunannya
  - d. datuk /nenek
  - e. bapa saudara/ ibu saudara

- f. puyang / moyang ( bapak / ibu dari datuk )
  - g. saudara nenek / datuk
  - h. Nungkat ( datuk / nenek daripada datuk/ nenek )
  - i. Saudara puyang/ moyang dan keturunannya.
9. Dalam hukum pembahagian harta pusaka adat tidak ada kemungkinan dua bahagian kelompok atau lebih menerima harta warisan secara serentak seperti yang terdapat dalam hukum pewarisan Islam (faraid), di dalam hukum perwarisan adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak jika ahli waris kelompok pertama ada, maka tertutuplah kelompok ahli waris yang lain untuk menerima bahagian harta pusaka dan seterusnya.
- Contohnya; jika seseorang meninggal dunia, meninggalkan harta warisan seperti rumah, sawah, wang, dan ahli warisnya adalah anak, isteri, ibu / bapa, maka dalam kes ini bapa/ibu, isteri tidak mendapat bahagian harta warisan kerana ditutup oleh anak. Sedangkan di dalam hukum faraid mengikut kes ini, ibu dan ayah mendapat seperenam( 1/6 ) bahagian harta pusaka.
10. Pengertian orang putus ahli waris atau tidak mempunyai ahli waris dalam kaedah pembahagian harta pusaka adat di dalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak mempunyai perbezaan dengan pengertian menurut peraturan hukum syarak. Pengertian putus ahli

waris menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat adalah orang yang meninggal dunia tidak meninggalkan anak kandung atau dengan lain perkataan si mati mempunyai harta pusaka tetapi tidak mempunyai anak kandung untuk mewarisi hartanya. Sedangkan pengertian orang tidak mempunyai ahli waris dalam hukum syarak adalah jika seseorang meninggal dunia setelah dicari ahli warisnya baik menurut pembahagian dhawi al-furud, Asabah, dan telah dimaklumkan kepada pihak-pihak yang ada hubung kaitnya dengan si mati dan tidak ada ahli waris, maka baru dikatakan seseorang tidak mempunyai ahli waris. Dalam hal ini apa yang dikatakan putus ahli waris menurut kaedah pembahagian harta pusaka adat di dalam hukum syarak tidak dikatakan putus ahli waris.

11. Untuk yang demikian amat perlu kiranya dilakukan semakan semula terhadap kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat didalam daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dan aturan-aturan adat yang lainnya, dari semasa-ke semasa agar sesuatu hukum yang telah ditetapkan itu selari dengan hukum Islam serta dapat diterima pakai dalam wilayah Hukum Adat Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung. Sejajar dengan itu kajian ini amatlah mengalu-alukan sebarang kajian seterusnya sebagai kesinambungan dari kajian ini atau untuk memberikan ulasan terhadap kajian yang telah dilakukan ini.

### C. Cadangan

Pada bahagian cadangan ini penulis memberikan beberapa alternatif dan bahagian-bahagian yang perlu diambil kira oleh semua mereka atau pihak-pihak yang mempunyai kepentingan terhadap kelestarian kaedah pembahagian harta pusaka adat didalam wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak iaitu:

1. Pengkajian tentang kaedah pembahagian harta pusaka Adat dan adat istiadat serta peraturan-peraturan adat lainnya yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Siulak Tanah Sekudung hendaklah sentiasa dilakukan dan diperhalusi agar ianya selari dengan prinsip Hukum Islam dan dapat diterima pakai secara berlanjutan, bagi generasi yang akan datang.
2. Para ulama di Wilayah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak dapat memperjelas tentang kaedah pembahagian harta pusaka adat mahupun adat istiadat yang boleh diamalkan dan tidak bercanggahan dengan hukum syarak secara mendalam untuk mengelakkan masyarakat terjerumus kepada syirik dan kufur.
3. Para Majlis agama Islam dan Majlis adat Istiadat hendaklah memainkan peranan yang lebih jelas dalam hal-hal yang berkaitan

dengan hukum adat terutamanya amalan hukum pembahagian harta pusaka dan adat istiadat masyarakat pada masa ini supaya masyarakat mendapatkan pendedahan yang benar dan dapat dijadikan pegangan hidup didalam dunia moden pada masa ini dan akan datang.

4. Dalam semakan penulis di lapangan, ramainya para pemangku adat tidak mengetahui hakikat adat yang sebenar dan juga mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan agama yang mendalam hanya pandai dalam memperkatakan pepatah dan petitih adat sahaja, sehingga adat itu sering disalah ertikan. Oleh itu kiranya perlu diadakan perombakan besar untuk memperbaiki imej oleh tokoh-tokoh adat, di samping untuk mempertingkatkan kualiti tokoh itu sendiri dalam menghadapi cabaran zaman moden pada masa ini, sekaligus mengemaskinikan kepangkatan adat yang telah ketinggalan zaman.
5. Pemerintahan daerah diharapkan menyediakan dana yang cukup paling tidak dapat memberikan alternatif lain dalam rangka mempertingkatkan kualiti pemakaian nilai-nilai adat yang sebenar pada masa ini, sebagai usaha memantapkan autonomi daerah yang memberikan ruang untuk berlakunya hukum adat mengikut warna dan ragam wilayah dalam mempertingkatkan pembangunan daerah masing-masing. Sesuai dengan undang-undang No.22 tahun 1998.

6. Para generasi muda pada masa ini yang mempunyai keintelektualan dan pandangan yang jauh, hendaklah, dapat berperanan aktif dalam mempertahankan adat yang sebenar adat supaya tetap dapat dipertahankan sebagai khazanah budaya Melayu yang tetap lestari dan dapat membendung pengaruh budaya dan adat barat yang tidak sesuai dengan norma-norma ketimuran kita, serta bercanggahan dengan hukum syarak.

## **BIBLIOGRAFI**

### **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

*Al-Quran al-Karim*

*Abdul Halim b.Mat Diah ( 1987), Suatu contoh Tentang Huraian Metodologi, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya.*

*Abdul Jalal Ajmain, Sim Chee Wing dan Sim Hock Hye ( 1960 ), Adat-adat Melayu, Singapura: Educational Book Center.*

*Abdul Kadir b. Haji Muhammad ( 1996 ), Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia,Kuala Lumpur: DBP.*

*Abdul Latiff Abu Bakar ( 1987 ), “Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia”, dalam Pertemuan Dunia Melayu’82. Kuala Lumpur:DBP.*

*Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan perkembangannya Hingga Abad Ke-19. Kuala Lumpur : DBP.*

*Abdul Rauh Yaacob (1994), “Dunia Islam dan Pembaharuan: Satu TinjauanTerhadap Reaksi Ulama”, dalam abdul Rauh Yaacob (ed.), Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam.Kuala Lumpur: DBP.*

*Abdul Samad Idris (1994 ), “Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya”, dalam A. Samad Idris (ed.), Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan.*

-----(1999), “Pembahagian Harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman di Malaysia”, dalam Pentadbiran Harta Menurut Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

*Abdullah Alwi Hj. Hassan (2001), “Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Islam di Malaysia”, dalam abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).*

*Abdullah Jumain Abu Samah (1985), Asal Usul Adat perpatih dan Adat Temenggung:Suatu Analisis Tambo-tambo Minang Kabau Berasaskan Strukturlisme. Selangor : UKM.*

*Abdullah Siddik (1975), Pengantar Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.*

*Abdullah Taib (1985), Asaz-Asaz Antropologi. Kuala Lumpur: DBP.*

*Amir Syarifuddin ( 1984 ), Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam dalam Lingkungan Minang Kabau, Jakarta : Gunung Agung.*

*Asmad (1990), Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua. Melaka: Associated educational Distributors (M) Sdn. Bd.*

*Atta, Syed Muhammad Naguib al- (1972), Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Univesiti Kebangsaan Malaysia.*

*B. Ter Haar (1974), Asaz dan Susunan Hukum Adat. K. Ng. Soebakti Poesponoto (terj.). Jakarta: Pt. Pradnya Paramita.*

*Fathur Rahman ( 1975 ), Ilmu Waris, Bandung : Penerbit P.T Al-Ma'arif.*

*Ghazali Darusalam (200), Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Utusan publications.*

*Hazairin ( 1967 ), Hukum Kewarisan Bilateral menurut al-Qur'an, Jakarta : Tintamas.*

*H. Idris Djakfar, Taufik Yahya ( 1975, Kompilasi Hukum Kewarisan Islam, Jakarta : P.T. Pustaka Jaya.*

*Hadi, Syed Alwi Sheik al-(1980), Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Kuala Lumpur: DBP.*

*Haj, Mohd Shah b. Mohd Said al- (1996), Tambo alam Naning. Kuala Lumpur: DBP.*

*Haji Abd. Kadir Hj. Ismail & Abd. Monir Yaacob (1988), "Harta Sepencaharian Menurut Pandangan Islam", dalam Mohd Riduan b. Awang (ed.), Undang-Undang dan Pentadbiran Harta Pusaka orang-orang Islam di Malaysia. Selangor: al-Rahmaniah.*

*Harun Mat Piah (1993), "Tamadun Melayu Sebagai Asas Kebudayaan Kebangsaan: Satu Tinjauan dan Justifikasi", dalam Ismail Hussen (ed.), Jil. 2, Tamadun Melayu. Kuala Lumpur: DBP.*

*H. M Sidin (1964), Asal usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.*

*H. Sjoffian Thalib (1999), "Pembahagian Harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman Indonesia", dalam Pentadbiran Harta Menurut Islam. Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).*

*Ismail b. Awang (1983), Adat Orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Akidah Islam.  
Kota Bharu: Pustaka Aman Press.*

*Ismail Hamid (1985), Peradaban Melayu dan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar  
Bakti Sdn.Bhd.*

*Ismail Muhammad Sjah (1964), Penjaharian Bersama suami Isteri. Jakarta: Penerbit,  
Bulan Bintang.*

*Jawatan Kuasa Mengkaji Penulisan Tesis/ Disertasi APIUM ( 2001), Buku Panduan  
Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian  
Islam, Universiti Malaya.*

*Kadir Ismail ( 1993 ), Sistem Pusaka Islam, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah  
Malaysia ( YAD ).*

*Kadir Ismail ( 1993 ), Sistem Pusaka Islam, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiyah  
Malaysia ( YADIM ).*

*Koentjaraningrat (1970), Pengantar Antropologi. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.*

-----(ed.), (1977), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit P.T  
Gramedia.

*Lembaga Adat Propinsi Jambi (2001), “Proses Kegiatan Acara Pernikahan Adat Jambi”,  
dalam Abdul latiff Abu Bakar (ed.), *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak*  
*Syarak Bersendi kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).*

*Muhammad Abu Zahrah ( 2001 ), Hukum Waris : Menurut Imm Ja’far al-Sadiq,  
Muhammad Alkaf(penterj : ), Jakarta : Lentera.*

*Muhammad bin Muda (2004), ‘Urf tempatan di Negeri Kelantan Dan Kesannya  
Terhadap Perubahan Hukum satu Analisis. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.*

*Mahmood Zuhdi b. Hj. Abdul Majid ( 1992), Sejarah pembinaan Hukum Islam,c. 2.  
Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.*

*Muhd Ridzuan Awang ( 1988 ), Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang  
Islam di Malaisyia, Selangor : Al- Rahmaniuh.*

*Muhammad ‘Ali al-Sabuni ( 1995 ), Pembahagian Waris menurut Islam, A.M Basalamah  
( pent, Jakarta : Gema insani Press.*

*Mohd Taib Osman (1988), Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan. Kuala  
Lumpur: DBP.*

*Muhammad Sidin Hj. Muhammad Reshad (1954), Asal Usul Alam Melayu. Pulau Pinang:Sinaran Bross.*

*Nik Abdul Rashid nik abdul Majid (2001), “Adat dan Undang-Undang”, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).*

*Nordin Selat (1976), Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications.*

*Norhalim Hj. Ibrahim (1993), Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaannya Dengan Adat Temenggung. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.*

*Oemarsalim ( 2000 ), Dasar-dasar Hukum Waris di Indonesia, Jakarta : Rinekacipta.*

*Othman b. Haji Ishak (1981), Fatwa dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.*

-----(1992), *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*, c. 3. Kuala Lumpur:dbp.

*Qaradaawii, Yuusuf al- (2000), Ijtihad Kontemporerkode Etika dan Berbagai Penyimpangan. Abu Barzani (terj.), c. 2. Surabaya: Risalah Gusti.*

*Power David S. ( 2001 ), Peralihan Kekayaan dan Politik kekuasaan – kritik Historis Hukum Waris Arif , Arif Maftuhin ( pent ) Yogyakarta : LKIS.*

*Rahim Syam Norhale (1985), Mendekati Kebudayaan Melayu. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.*

*Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), “Fiqh Malaysia: satu Tinjauan Sejarah”, Dalam Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed.), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.*

*Sajuti Thalib.SH. ( 1982 ), Hukum Kewarisan Islam di Indonesia, Jakarta : PT. Bina Aksara.*

*Siddiqy, Hasbi al- (1975), Falsafah Hukum Islam. Jakarta: Bulan Bintang.*

*Soekanto (1981), Meninjau Hukum Adat Indonesia. Suatu Pengantar Untuk Mempelajarai Hukum Adat. Jakarta : Penerbit CV Rajawali.*

*Soerjono Soenkanto dan Soleman b. Taneko (1981), Hukum Adat Indonesia. Jakarta: Penerbit CV Rajawali.*

*Sudarsono ( 1991 ), Hukum Waris dan Sistem Bila teral, Jakarta. Rineka Cipta*

*Suwaid Tapah (2001), “Wanita dan Hak Pembahagian Harta Sepencaharian : Satu Perbincangan”, Dalam Raihanah Abdullah (ed.), Wanita dan Perundangan Islam. Selangor: Ilmiah Publisher Sdn.Bhd.*

*Syarif Ibrahim Alqadrie (2001), “Nilai Budaya, Tradisi dan Adat Istiadat Kelompok Etnik, Bugis di Kalimantan Barat”, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).*

*Tgk Hj. Ali Hasjmy ( 2001), “Adat Melayu Aceh”, dalam Abdul Latiff abu Bakar (ed.), Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah.*

*Tsuyoshi Kato (1989), Nasab Ibu dan Merantau. Azizah Kassim (terj.). Kuala Lumpur: DBP.*

*Wan Abdul Kadir (1993), Tradisi dan perubahan Budaya Melayu. Kota Bharu :Masfami Enterprise.*

*Wan Mohammad Bin Haji Wan Mustapha ( 1988 ), Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam”, Mohd Rizuan Awang ( od ), Undang-undang dan pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia, Selangor al-Rahmaniah.*

*Wan Hashim Wan The (1991), “Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu”, dalam Mohd Yusof Hasan (ed.), Dunia Melayu. Kuala Lumpur: DBP.*

*Yaacob Harun (1995), Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu, Konsep Asas. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.*

*Zainal Abidin Borhan (1996), “Adat Istiadat Melayu”, Dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), Adat Istiadat Melayu Melaka. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (ISKEP).*

*Zakaria Stapa (1994), Masyarakat Islam dan Isu Semasa. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM).*

*Zulyani Hidayah (1997), Ensiklopedia Suku Bangsa di Indonesia. Jakarta: LP3ES.*

## **RUJUKAN BAHASA ARAB**

*Abu al-'Anin, 'Abd al-Fatah Muhammad (t.t), Ahkam al- Mirath fi al-Syari'ah al-Islamiyyah, Kaherah : Jami'ah al-Mansurah.*

*Abi Muhammad 'Izz al-Din 'Abd. al-'Aziz b. 'Abd. al-Salam (1968M/1388H), Qawa 'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam, j. 1. Qahera: Maktabah al- Kulliyat al-Azhariyyah*

*Abu Zahrah, Muhammad (1963), Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith, Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.*

*'Adil b. 'Abd. al-Qadir b. Muhammad Wali Qutah (1996), al-'Urf, Hujjiyyatuhu wa Atharuhu fi Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyyah 'inda al-Hanabilah (Dirasah Nazariyyah Ta'siliyyah Tatbiqiyah), j. 1. Mekah; al-Maktabah al-Makkiyyah.*

*Abu Zahrah, al-Imam Muhammad (1997M/1417H), Usul al-Fiqh. Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.*

*Amidi, Sayf al-din Abi al-Hassan 'Ali b. Abi 'Ali b. Muhammad al-(t.t.), al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam, j. 3-4. Beirut: Dar al- Kutub Iilmiyah.*

*Amir, 'Abd. al-'Aziz (1984), al-Ahwal Syakhsiyyah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah Fiqhhan wa Qada'an. Mesir: Dar al-Fiqh al-'Arabi.*

*Badran, Abu al-'Aynayn Badran (t.t.), Usul al-Fiqh al-Islami. T.T.P: T.P.*

*Badran, Abu al-'Aynayn Badran ( 1975 ), al-Mawarith wa al-Hibah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun, al-Iskandariyyah : Mu'assasah Syabah al-Jami'ah.*

*Baghdadi, Abi'Abd Allah Muhammad bin al-Nu'man al-Harithi al-Mufid al-, "al-Muqni'ah Fi al-Usul wa al-Furu'", dalam 'Ali Asyghar Mawarid ( 1990 ), al-Mawarith Silsilah al-Yanabi al-Fiqhiyyah, Beirut Lubnan : Dar Ibn Haza, j.2.*

*Baki, Zakariya al- ( 1975 ), al- Wasit Fi Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith, Kaherah : Dar al-Nahdah al-'Ambiyyah, c.4 ( 1395 H ).*

*Darqawi, 'Abd Allah al- (1999), Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith wifqa al-Madhahib al-'Arba'ah-Dirasah wa Tatbiq, al-Ribat .*

*Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al- (1332H), al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul, j. 1. Qaherah: Dar al-Hadith.*

*Hamid Nizam al-Din ‘Abd.al- (1983M/1404H), Mafhum al-Fiqh al-Islami wa Tatawwuruhu wa Salatuhu wa Masadiruhu al-‘Aqliyyah wa al-Naqliyyah. T.T. P.: Mua’ssasah al-Risalah.*

*Hamdi ‘Abd al-Mun’im Syalabi (1989), al-Ra’id Fi ‘Ilm al-Fara’id, Kaherah : Maktabah Ibn Sina*

*Hasan, Husayn Hamid (t.t.), al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islami. Qaherah: Syarikah al-Tubhi.*

*Hussayn, Muhammad al-khadar (1971M/ 1391H), al-Syari’ah al-Islamiyyah Salihah li Kulli Zaman wa Makan. T.T.P. : ‘Ali al-Rida al-Tunisi.*

*Ibn ‘Abidin, al-Sayyid Muhammad Amin Affandi (t.t.), Majmu’ah Rasa’il Ibn ‘Abidin. T.T.P.: T.P.*

*Ibn ‘Atiyyah (t.t.), Tafsir Ibn ‘Atiyyah (al-Muharrar al-Wajiz), j.6. T.T.P.: T.P.*

*Ibn Kathir, al-Imam al-Hafiz ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma’il (t.t.), Tafsir al-Qur’an al-‘Azim, j. 2. Beirut: Dar al-Jayl.*

*Jaziri, ‘Abd. al-Rahman (t.t.), al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-‘Arba’ah, j. 3. Mansyurah: Maktabah al-Iman.*

*Jalal al-Din ‘Abd.al-Rahman (1992M/1413H), Ghayah al-Wusul ila Daqa’iq ‘Ilm al-Usul: Adillah al-Mukhtalaf Fi ha. T.T.P. : T.P.*

*Khallaf, ‘Abd. al-Wahhab al- (1970M/1390H), ‘Ilm Usul al-Fiqh, c. 9. Kuwait: Dar al-Qalam.*

*Khayyat, ‘Abd. al-‘Aziz al- (1977M/1397H), Nazariyyah al-‘Urf. Oman :Maktabah al-Aqsa.*

*Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (1947), (1984) (1991), Ahkam al- Mawarith fi al-Syari’ah al-Islamiyyah, ‘ala Madhahib al-‘A’immah al-Arba ‘ah, Mesir : ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah (1984), Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi (1991), Beirut : al-Maktabah al-‘Asriyyah.*

*Muhammad Mustafa Syalabi (1978), Ahkam al-Mawarith bayn al-Fiqh wa al-Qanun, Beirut Lubnan : Dar al- Nahdah al-‘Arabiyyah.*

*Musawi, al-Sayyid al-Syarif al-Murtada ‘Ilm al-Huda Abi al-Qasim ‘Ali bin al- Husayn al-, “al-Intisar”, dalam ‘Ali Asyghar Marwarid (1999), al-Mararith Silsilah al-Yanabi, al-Fiqhiyyah, Beirut Lubnan: Mu’assasah Fiqh al-Syi’ah.*

*Muhammad Khayri al-Mufti* ( t.t. ), ‘Ilm al Fara’id wa al-Mawarith, Damsyiq : T.P.  
*Madkur, Muhammad Sallam al-* (1963M/1383H), *al-Madkhal al-Fiqh al-Islami. Qaherah:*  
*al- Dar al-Qawmiyyah.*

*Mutawalla, ‘Abd. al-Hamid* (1978), *Mabadi’ Nizam al-Hukm Fi al-Islam*, c. 3.  
*Iskandariyyah: al-Ma’arif.*

*Nawawi, Abu Zakariyya Yahya b. Syarf al-* (t.t.), *Rawdah al-Talibin*, j. 4. *Qaherah: al-*  
*Maktabah al-Islami li al-Tiba’ah.*

*Qaradawi, Yusuf al-* (1991), *al-Madkhal li Dirasah al-Syari’ah al-Islamiyyah. Qaherah:*  
*Maktabah Wahbah.*

*Qutub, Sayyid* (1995M/1415H), *Fi Zilal al-Qur’an*, j. 4, c. 24. *Beirut: Dar al-Syuruq.*

*Qummi, Abi Ja’far Muhammad bin ‘Ai bin al-Husayn bin Musa bin bi-abawayhi al-*, “*al-*  
*Hidayah bi al-Khayr*”, dalam ‘Ali asyghar Marwarid (1990), *al-Mawarith Silsilah al-Yanabi’ al-Fiqhiyyah*, *Beirut Lubnan : Muassasah Fiqh al-Syi’ah.*

*Sabuni, Muhammad ‘Ali al-* (t.t.), *al-Mawarith fi al-Syari’ah al-Islamiyyah fi Daw’al-*  
*Kitab wa al-Sunnah*, *Mesir: Dar al-Hadith*

,*Sayyid Sabiq* (1997M/1417H), *Fiqh al-Sunnah*, j.2,3. *Qaherah: al-Fath li al-I’lam al-*  
*‘Arabi.*

*Sadlan, Salleh b. Ghanim al-* (1999M/ 1420), *al-Qawa’id al-Fiqhiyyah al-Kubra*, c. 2.  
*Riyad: Dar Balnasiyyah li Nayar wa Tawzi’.*

*Salah al-Din Sultan* (1999), *Mirath al-Mar’ah wa Qadiyyah al-Musawah, Kaherah ;*  
*Nahdah Misr.*

*Syaraf al-Din, ‘Abd al-‘Azim* (196 ), *Ahkam al-Mirath wa al-Wasiyyah Fi al-Syari’ah al-*  
*Islamiyah, Kaherah : Dar al-Fikr al-Hadith.*

‘Umar’Abd Allah (1966), *Ahkam Mawarith fi al-Syari’ah al-Islamiyyah, Kaherah : Dar*  
*al-Ma’arif.*

*Zahrah, Muhammad Abu al-* ( 1963 ), *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith, Kaherah : Dar*  
*al-Fikr al-‘Arabi.*

## **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

Ahmad Abu Bakar Jarma' ( 1988 ), *In Heritance in Islam, Negeria : T.P*

----- ( 1996 ), “blood Relationship as a Ground of in Heritance Under Islamic Law”, dalam *Journal of Malaysia and Comperative Law ( JMCL )*, June 1979, v.6 part 1, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Alexander David Russel dan Abdullah al-Ma'mun Suhraunardy (t.t), *Muslim Law An Historical Introduction to the Law of in Heritance*, London : Kegan Baul, Trench, Trubner & Co, Ltd.

----- ( 1965 ), “ Recnt Reforms in The Islamic Law of in Heritance” dalam *The International and Comperative Law Quarterly*, V.14. London : The British Institut of International and Comperative Law.

Bashir Ahmad Baqri ( 1995 ), *A Learner's Guide to the Division of in heritance ( Hanafi )*, Pakistan : S H. Muhammad Ashraf.

----- ( 2002 ), “Islamic In Heritance Law in Indonesia – the Influence of Hazairin’s Theori of Bilateral In heritance”, *The Australian Journal of Asian Law*, Dec. 2002, v.4, No. 3. Sydney : The Federation Press.

Cilardo, Aqostino ( 1990 ), “The Super imposition Theory in the Islamic Law of In heritance”, dalam *studies on the Islamic Law of In heritance*, Nopali : Istituto Universitario Orientale, Suplemento. n.63 agli ANNALI-V, 50 ( 1990 ), Fasc.2

Alarmic rumsey ( 1994 ), *Muhammadan Law of Heritance*, Lahore – Pakistan : Sany e – meel Publication.

Anjuam Ara ( 2003 ), “ In Heritance Law in Islam and Women”, *Jamaat – e – Islami Digest*, Friday, 5 Dec.

Brugman, J. ( 1969 ), “The Islamic Law of Inheritance”, dalam *Essays on Oriental Laws of succession*, Leiden : E. J. Brill.

## **SEMINAR**

*Abd. Wahid bin Abu Hassan ( 2005 ), “ Pengenalan Kepada Sistem Pusaka Islam”, dalam seminar Faraid anjuran Persatuan Pegawai-Pegawai Syari’ah di Hotel Quality Kuala Lumpur pada 19.2.2005.*

*Abu Bakar Karsan ( 1979 ), Dasar-dasar Pembahagian Harta Sepencaharian Felda dan Jawatan Kuasa Syari’ah, dalam Bengkel ASDO/ SDA ( V ), Kuala Lumpur ; Felda.*

----- -( 2002 ), “Pelaksanaan Harta Hibah”, dalam ar i kuni Wakaf, Wasiat, Hibbah, dan Harta Pusaka, pada 15 – 17 Disember 2002 di Hotel Grand Blue Ware, Shah Alam Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

*Wan Abdul Halim bin Wan Harun ( 2005 ), “ Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia: Urusan Melibatkan Amanah Raya Berhad, Pejabat Pusaka Kecil dan Makhkamah Tinggi” dan “Proses Siasatan, Waris, dalam penentuan Fara’id”, dalam Seminar Faraid anjuran Persatuan Pegawai-Pegawai Syariah di Hotel Quality Kuala Lumpur pada 19. 2. 2005.*

----- ( 2004 ), “Konflik dan Perkongsian Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mengenai pengurusan Aset dan Pentadbiran Harta Pusaka orang Islam dan Wakaf di Malaysia”, Kolokium Pengurusan Aset dan Penyelesaian Pusaka Muslim mengikut perundangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2004, pada 25.05.2004 di Hotel Marriot, Putrajaya.

*Jamilah Karim Khan ( 1980 ), Isu-isu Sosiologi dalam Pembahagian Harta Pusaka dan Harta Sepencaharian di Pulau Pinang dan Kedah”, Bengkel Undang-undang Syariah dan Sivil: Perkembangan Pelaksanaan dan kedudukan wanita Islam: Pada 23 September 1989 di USM Pulau Pinang.*

*Noh bin Gadut ( 2005 ), “ Wasiat dan Faraid dari Perspektif Islam”, dalam Bengkel Hibah dan Wasiat Islam di Kinrara Golf Club pada. 5.2.2005 anjuran Wassiyah Shoppo.*

## **RUJUKAN TEMU BUAL**

*Bilaruddin, Ajo Likao, Tokoh adat Tanah Sekudung Siulak Tinggal di Sungai Bendung Air. Temu bual, Pada. 12. 02. 2005.*

*Darus Taib, Tokoh Masyarakat Tanah Sekudung Siulak Tinggal di Desa Sungai Tanduk, temu bual pada. 27. 02. 2005.*

*Drs. Darul Udin, tokoh masyarakat Tanah Sekudung Siulak, bekerja pada bahagian jabatan agama Islam Kabupaten Kerinci. Tinggal di Desa Siulak Gedang. Temu bual, pada.24 02. 2005.*

*Buya jamudin Depati Intan, wakil rakyat dari Tanah Sekudung Siulak, tinggal di Koto Tengah. Temu bual pada .20.02.2005*

*Buya Adnan, Depati Intan, Mantan Ketua adat Tanah Sekudung Siulak, juga mantan Wakil Rakyat Tanah Sekudung Siulak. Tinggal di Desa Mukai Mudik. Temu bual , Pada. 10. 02. 2005.*

*Drs. Firdaus. Staf Jabatan Guru daerah Sungai Penuh Kabupaten Kerinci, Tinggal di Siulak Panjang. Temu bual. Pada. 24. 02 . 2005.*

*Harisman, Depati Ambarajo, Tokoh adat tanah sekudung Siulak, Tinggal di perumahan Guru Desa Mukai Pintu, Temu bual. Pada. 11. 02. 2005.*

*Ibnusaud, BA. Depati Intan. Ketua adat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak, Tinggal di Desa Mukai Mudik. Temu bual. Pada. 19. 02. 2005.*

*Haji Jemaah Ali Depati Intan, bekas kepala jabatan guru kecamatan Gunung Kerinci, Tinggal di Senimpik Mukai Mudik.Temu bual. Pada, 25. 02. 2005.*

*Lukman Hakim Depati, Tokoh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Tinggal di Desa Sungai Bendung Air. Temu Bual, Pada. 21. 02. 2005.*

*Haji Matkiro, Depati Intan bekas kepala daerah kemendapoan Tanah Sekudung Siulak, Tinggal di Koto Beringin. Temu bual pada. 23.02 2005.*

*Mukhtar Lopi, Depai Intan. Ketua adat dan anggota NGO Tanah Sekudung Siulak, Tinggal di Desa Koto Panjang, Kayu aro. Temu bual. Pada 14. 02. 2005.*

*Muhammad Ridin, Tokoh Masyarakat Tanah Sekudung Siulak, Tinggal di Desa Pauh Tinggi. Temu bual, pada. 20 02. 2005.*

*Haji. Murasman, Depati Intan. Tokoh masyarakat dan bekas wakil rakyat Tanah Sekudung Siulak. Tinggal di Sungai Penuh. Temu bual, pada. 20. 02. 2005.*

*Drs. Haji Mansurdin, Tokoh masyarakat dan bekas wakil Rakyat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak. Tinggal di Desa Mukai Mudik, temu bual. Pada. 22. 02.2005.*

*M. Nasir, S.Pd. Depati Simpan Bumi Sibo Dirajo, Ketua adat Siulak Panjang, Tinggal di Desa Siulak Pnjang. Temu Bual. Pada, 20. 02. 2005.*

*dr. Haji Nasrul Qadir, Wakil Rakyat dan Tokoh Adat Tanah Sekudung Siulak, Tinggal, di Siulak Panjang. Temu bual. Pada. 14. 02. 2005.*

*Haji Qadir Arif, Depati Mangku Bumi, ketua adat Siulak Gedang, Tinggal di Pasar Siulak Gedang. Temu bual Pada. 13. 02. 2005*

*Haji. Qadri Depati Intan Tengah Padang Tuo, Sesepuh Adat Tanah Sekudung Siulak. Tinggal di. Desa Mukai Mudik. Temu bual pada. 22. 02. 2005.*

*Zainal Abidin Abas, Jindah Tuo Tunggu Negeri, tokoh masyarakat dan pemangku adat Tinggal di Desa Pauh Tinggi, temu bual, pada. 26. 02. 2005.*

## **GLOSARI**

AJO LIKOU	= Gelaran adat untuk setia usaha Depati
ANAK BATINO	= Anak perempuan atau waris keturunan perempuan
ANAK JANTAN	= Anak lelaki atau waris keturunan lelaki
ADAT LAZIM	= Adat yang telah terpakai sejak dahulu kala
BAUSAJ BASALESAI	= Istilah dalam pembahagian harta pusaka
BUNGKAN EMPAT	= Seluruh suku sakat yang ada dipersekitaran kita, kiri dan kanan muka dan belakang
DEPATI	= Gelaran Adat tingkat tertinggi
HARTA TEPATAN	= Harta milik si isteri yang dibawa pada saat berkahwin. Harta ini mungkin didapat daripada perkahwinan pertama dahulu atau pemberia ibu bapa atau boleh juga harta milik pembujang
HARTA GUNTUNG	= Harta pusaka yang ditinggalkan oleh mereka yang tidak mempunyai anak.
HARTA BAWAAN	= Harta yang dibawa oleh seseorang lelaki ke rumah isterinya pada saat berkahwi, harta ini di bawah kuasa suami sebelum mereka mempunyai anak, jika mereka telah mempunyai anak harta ini menjadi harta bersama.
HARTA CARIAN	= Harta yang diperolehi oleh suami isteri selama tempoh perkahwinan mereka.
HARTA PUSAKA TINGGI	= Harta pusaka yang diperolehi dari nenek-moyang terdahulu
HARTA PUSAKA RENDAH	= Harta pusaka yang diperolehi daripada satu generasi sahaja atau harta peninggalan ibu bapa.
HUKUM SYARAK	= Hukum Islam

KARANG SETIO	= Akuan Sumpah pada saat pengangkatan sumpah jabatan adat.
MAS SEKUNDI	= Nama daripada wang sidang tingkat tertinggi
MANGGIN	= Menjemput para tokoh adat pada majlis-majlis penting seperti kenduri kahwin, akan mendirikan rumah.
PURBOKALO	= Orang ramai
SKO	= Gelaran Pusaka
TAMBO	= Buku-buku Kuno isinya tentang sejarah perkembangan adat dari masa ke semasa.
TEGAK MINJAM	= Istilah adat untuk menghalalkan bagi pihak anak lelaki mengusahakan sawah pusaka setelah harta pusaka dibahagikan.
TIGA LUHAH	= Tiga daerah / tiga wilayah
TANAH SEKUDUNG	= Tanah sepenggal.

## **BORANG SOAL SELIDIK**

Borang ini diedarkan adalah untuk mendapatkan maklumat dalam rangka kajian mengenai tajuk: Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Adat Daerah Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak Ditinjau Dari Perspektif Hukum Islam. Kajian ini dilakukan bertujuan memenuhi syarat mendapat ijazah sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini juga mengenal pasti kaedah pembahagian harta pusaka adat yang diamalkan oleh masyarakat Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak adakah ianya selaras dengan ajaran syariat Islam atau sebaliknya dengan membuat analisis tertahap jawapan-jawapan responden. Penulis amat mengharapkan kerjasama sewajarnya dari pihak responden agar kajian ini mencapai matlamatnya demi meningkatkan syiar Islam di kalangan masyarakat Islam di Tiga Luhah Tanah Sekudung Siulak.

Calon Ijazah Sarjana Syariah:  
Siarman Mohammad Idin  
Bahagian Pengajian Syariah  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.

Sila tandakan ( v ) pada tempat yang disediakan.

## Bahagian A

## Bahagian B

15. Bilakah harta pusaka boleh dibahagikan kepada ahli waris ?

- A. Setelah meninggalnya para pewaris lelaki mahupun perempuan
- B. Setelah meninggalnya salah satu daripada pewaris
- C. Setelah meninggalnya kedua-dua pewaris iaitu ibu dan bapa dan telah dibayarkan segala biaya pengebumian, hutang piutang si mati dan telah ditunaikan wasiat yang tidak melebihi daripada 1/3 satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

16. Menurut pendapat saudara bagaimana perlaksanaan pembahagian harta pusaka adat di kampung saudara.....

- A. Selalunya pihak perempuan yang mendapat bahagian yang lebih
- B. Selalunya harta ringan dibawa pergi oleh pihak anak lelaki
- C. Tertakluk kepada budi bicara sesuatu pihak kepada tokoh adat yang hadir.

17. Daripada mana anda paham dengan pembahagian harta pusaka adat.....


- A. Saya pelajari daripada tokoh-tokoh adat terdahulu
- B. Saya mendengar daripada kawan
- C. Kebiasaan yang telah dilakukan oleh masyarakat sejak zaman nenek moyang terdahulu.

## LAMPIRAN

### TOKOH-TOKOH ADAT TIGA LUHAH TANAH SEKUDUNG SIULAK KABUPATEN KERINCI JAMBI, INDONESIA



H.ADNAN DEPATI INTAN



ARISMAN DEPATI AMBA RAJO



H.QADRI DEPATI INTAN, TENGAH PADANG TUO